



# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN NEGARA**  
*SENATE*

**PARLIMEN KEENAM**  
*Sixth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**  
*First Session*

## **KANDUNGANNYA**

### **MENGANGKAT SUMPAH:**

**Tuan Haji Eban bin Haji Salleh [Ruangan 2301]**  
**Tuan Stephen Timothy Wan Ullok [Ruangan 2301]**

### **PENGUMUMAN TUAN YANG DIPERTUA:**

**Mengalu-alukan Ahli-ahli Baru [Ruangan 2301]**  
**Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 2301]**  
**Perutusan daripada Dewan Rakyat [Ruangan 2303]**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
**[Ruangan 2305]**

### **RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Odit (Pindaan) [Ruangan 2380]**  
**Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka [Ruangan 2387]**  
**Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan (Pindaan) [Ruangan 2391]**  
**Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan (Pindaan) [Ruangan 2398]**  
**Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan) [Ruangan 2401]**  
**Rang Undang-undang Bahasa Kebangsaan (Pindaan dan Perluasan)**  
**[Ruangan 2407]**

MALAYSIA

**PARLIMEN KEENAM—DEWAN NEGARA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

- Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, TAN SRI ISMAIL KHAN, P.S.M., P.N.B.S.,  
B.K.T., P.P.T. (Dilantik).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MOHAMED BIN  
NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ Timbalan Yang Dipertua, DATO' SULAIMAN BIN NINAM SHAH,  
S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL JALIL BIN ABDUL RAHMAN (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M.,  
D.S.W., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- „ TOH MUDA DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN (Dilantik).
- „ TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN BASHARON BIN HANAPIAH (Dilantik).
- „ DATO' CHIN KIM YOONG, D.P.C.M., A.M.P., P.P.T. (Perak).
- „ DATO' CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., P.M.K., J.P.  
(Dilantik).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., J.M.N., P.I.S.,  
B.S.I., J.P. (Johor).
- „ TUAN HAJI EBAU BIN HAJI SALLEH (Johor).
- „ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).
- „ TUAN FADZIL BIN MAHMOOD, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis).
- „ DATO' S. GOVINDARAJ, D.P.M.S. (Dilantik).
- „ PUAN HAFSAH BINTI OTHMAN (Dilantik).
- „ PUAN HASNAH BINTI HAJI MOHD. KASIM *alias* HASNAH FATIMAH  
BINTI HAJI MOHD. KASIM, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN H'NG HUNG YONG (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).

- Yang Berhormat TUAN IBRAHIM BIN SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).
- „ DATO' ISMAIL BIN HASHIM, D.P.S.M., K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- „ TUAN JAAFAR BIN HARUN (Dilantik).
- „ DATUK JAMES BERNARD WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).
- „ PUAN SRI JANAKI ATHI NAHAPPAN (Dilantik).
- „ TUAN R. M. JASNI, B.K. (Dilantik).
- „ DATO' KAM WOON WAH, D.I.M.P., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN SYED KAMARUZAMAN BIN SYED BAHALDIN ALJAMLUD, K.M.N., A.M.N. (Selangor).
- „ TUAN KEE YONG WEE (Dilantik).
- „ TUAN KENNETH KANYAN ANAK TEMENGGONG KOH, K.M.N., J.B.S. (Sarawak).
- „ DATO' KHOO KAY POR, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- „ TUAN LOH KEE PENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- „ DATIN HAJJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ DATO' HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik).
- „ DATO' HAJI MOHD. NOR MOHAMAD, D.P.M.S., J.M.N., S.M.T., S.M.S., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN M. K. MUTHUSAMY, K.M.N., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Dilantik).
- „ PUAN NEN ABIDAH BINTI ABDULLAH (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ DATO' HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN PARAMJIT SINGH (Dilantik).
- „ DATO' G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN RAGAYAH BINTI ARIFF, A.M.N., P.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI SHAHAROM BIN MAASOM (Dilantik).

Yang Berhormat TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S.,  
D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).

„ TUAN STEPHEN TIMOTHY WAN ULLOK (Dilantik).

„ TUAN TAN CHANG SOONG, AM.N. (Dilantik).

„ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).

„ TUAN D. P. VIJANDRAN (Dilantik).

„ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).

„ DATO' WONG SENG CHOW, A.M.N., J.P. (Negeri Sembilan).

„ TUAN HAJI TUAN YAACOB BIN HAJI ENSKU YUNUS, P.P.N.  
(Kelantan).

„ DATO' YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU, D.P.M.S. (Selangor).

„ TAN SRI DATUK YEH PAO TSU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).

„ TAN SRI ZAITON IBRAHIM BIN AHMAD, P.S.M. (Dilantik).

## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya bin Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA  
DEWAN NEGARA

Isnin, 28hb Mac, 1983

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

**DOA**

(Tuan Yang Dipertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

**MENGANGKAT SUMPAH**

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Tuan Haji Eban bin Haji Salleh.

Tuan Stephen Timothy Wan Ullok.

**PENGUMUMAN TUAN  
YANG DIPERTUA**

**Mengalu-alukan Ahli-ahli Baru**

**Tuan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang baharu mengangkat Sumpah sebentar tadi. Saya berharap semoga Ahli-ahli yang baharu dilantik dan dipilih itu dapat memberikan sumbangan yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya, dan semoga mereka dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

**Memperkenalkan Akta-akta**

**Tuan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mempersetujui Akta-akta yang telah diluluskan dalam mesyuarat Parlimen yang lalu.

Akta-akta tersebut adalah seperti berikut:

1. Akta Perbekalan 1983;
2. Akta Kewangan (No. 2);
3. Akta Perbekalan Tambahan (1981 dan 1982) (No. 2);
4. Akta Geranti Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) (Pindaan);
5. Akta Galakan Pelaburan (Pindaan);
6. Akta Bank Islam;
7. Akta Jemaah Pemeriksa Elektrik;
8. Akta Perbadanan Pembekalan Letrik Sarawak;
9. Akta Lembaga Letrik Sabah;
10. Akta Pelaburan Kerajaan;
11. Akta Insuran (Pindaan);
12. Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan);
13. Akta Kanun Keseksan dan Kanun Prosedur Jenayah (Pindaan);
14. Akta Kesalahan-kesalahan Kecil (Pindaan);
15. Akta Pertubuhan Peladang (Pindaan);
16. Akta Makanan;
17. Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang; dan
18. Akta Perindustrian Sekuriti.

### Perutusan Daripada Dewan Rakyat

**Tuan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut.

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

*(Setiausaha membacakan Perutusan)*

“25hb Mac, 1983.

Tuan Yang Dipertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah mempersetujui Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Odit (Pindaan);
2. Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Bahasa Kebangsaan (Pindaan dan Perluasan);
4. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1982);
5. Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Pertubuhan (Pindaan);
7. Rang Undang-undang Dadah Merbahaya (Pindaan);
8. Rang Undang-undang Penagih-penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan);
9. Rang Undang-undang Racun (Pindaan);
10. Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka;
11. Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan);
12. Rang Undang-undang Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian

Tinggi Raja-raja dan Yang Dipertua-Yang Dipertua Negeri;

13. Rang Undang-undang Perempuan Bersuami (Pindaan);
14. Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan);
15. Rang Undang-undang Peadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Pindaan); dan
16. Rang Undang-undang Lalulintas Jalan (Pindaan);

Tandatangan:

TUAN YANG DIPERTUA  
DEWAN RAKYAT.”

### URUSAN MESYUARAT

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Haji Mohamed bin Nasir):** Tuan Yang Dipertua, saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam Perutusan itu dibaca kali yang kedua dan ketiga di Mesyuarat ini:

1. Rang Undang-undang Odit (Pindaan);
2. Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Bahasa Kebangsaan (Pindaan dan Perluasan);
4. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1982);
5. Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Pertubuhan (Pindaan);
7. Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan);
8. Rang Undang-undang Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan);
9. Rang Undang-undang Racun (Pindaan);
10. Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Wilayah Jenaka;

11. Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan);
12. Rang Undang-undang Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Raja-raja dan Yang Dipertua-Yang Dipertua Negeri;
13. Rang Undang-undang Perempuan Bersuami (Pindaan);
14. Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan);
15. Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Pindaan); dan
16. Rang Undang-undang Lalulintas Jalan (Pindaan).

**Tuan Yang Dipertua:** Baiklah.

### JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat Tuan Wong Kie Nai.

**Tuan Kenneth Kyan anak Temenggong Koh:** Tuan Yang Dipertua, pertanyaan yang pertama.

#### LAPANGAN TERBANG SIBU— ALIRAN TERAFIK

**1. Tuan Kenneth Kyan anak Temenggong Koh** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Lapangan terbang Sibu adalah terlalu kecil dan tidak mampu untuk menampung keperluan yang semakin meningkat; nyatakan bila kerja ke atas Lapangan terbang batu ini dimulakan dan bilakah projek ini akan siap.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed):** Tuan Yang Dipertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pengangkutan.

Kementerian saya sedar bahawa aliran terafik yang menggunakan Lapangan terbang Sibu sentiasa meningkat. Lapangan terbang Sibu pada masa ini hanya boleh menampung keperluan gerakan pesawat setakat jenis F27. Lapangan terbang ini tidak boleh diperbesarkan lagi kerana keadaan kawasan sekelilingnya (geographical constraint). Dengan yang demikian, Kerajaan telah pun mengambil tindakan untuk membina sebuah lapangan terbang baru di Sibu yang membolehkan pergerakan pesawat yang lebih besar seperti Airbus.

Berkaitan dengan ini satu tapak baru telah pun diperolehi untuk pembinaan sebuah lapangan terbang baru. Sebuah firma perunding telah dilantik untuk menyediakan pelan induk dan kajian telah pun siap pada tahun 1980.

Pada masa ini pihak juruperunding sedang menyediakan dokumen-dokumen tender untuk kerja-kerja sivil. Berikutnya kerja-kerja pembinaan akan bermula pada akhir tahun 1983 ataupun awal 1984. Keseluruhan projek ini dijadualkan siap pada tahun 1987.

#### PENYALAHGUNAAN DADAH— PENGLIBATAN MURID-MURID DI SARAWAK DAN SABAH

**2. Tuan Haji Latip bin Haji Dris** minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah murid-murid sekolah rendah dan menengah di negeri Sarawak dan Sabah yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah merbahaya sejak tahun 1980 hingga 1982 dan juga nyatakan bilangan yang didapati terlibat dalam kegiatan mengedar dan sebagai penagih.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dr Tan Tiong Hong):** Tuan Yang Dipertua, untuk pengetahuan Yang Berhormat laporan yang diterima dari Jabatan-jabatan Pelajaran Negeri Sabah dan Sarawak tidak ada kes murid-murid sekolah rendah dan

menengah di kedua-dua negeri ini yang terlibat dalam mengedar dan menagih pada tahun 1980 dan 1982.

**Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Tahniah kepada Sabah dan Sarawak tidak ada murid-murid sekolah menengah dan rendah di sana yang mengisap dadah. Tetapi oleh sebab dadah menjadi tumpuan seluruh mata rakyat dalam tanahair kita sekarang, saya suka bertanya bagaimana di sekolah-sekolah rendah dan menengah di tanahair kita sendiri Malaysia ini, selain daripada Sabah dan Sarawak?

**Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang Dipertua, walaupun soalan terkeluar dari soalan asal tetapi untuk makluman Yang Berhormat dari sekolah-sekolah di Semenanjung Malaysia kita dapati hanya 10 kes sampai hari ini yang terlibat dan kes-kes ini pun telah diberi rawatan dan pemulihan.

### **PERTEMPURAN PASUKAN KESELAMATAN DENGAN GEROMBOLAN KOMUNIS**

**3. Tuan Jaafar bin Harun** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pada 28-1-1983 seorang anggota pasukan keselamatan telah terkorban di dalam pertempuran dengan komunis di kawasan Jelebu/Pahang dan jika sedar sama ada terdapat kelemahan di dalam Kementerian Pertahanan berkaitan dengan keselamatan negara dan menyatakan tindakan yang sedang dan akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi supaya kejadian seperti ini tidak akan berulang lagi.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Tuan Yang Dipertua, kejadian ini berlaku pada 26hb Januari, 1983 jam 6 pagi, hasil dari serangan yang dilancarkan ke atas tempat rehat sementara di mana sekumpulan 4 orang Pasukan

Gerombolan Komunis sedang menunggu untuk mengambil berbagai jenis makanan. Gerakan ini telah dilancarkan berasas maklumat dari pihak Polis.

Di dalam serangan yang tersebut, Pasukan Keselamatan telah membunuh 2 Pasukan Gerombolan Komunis dan 2 lagi dipercayai cedera telah melarikan diri. Semasa tembak-menembak seorang anggota Pasukan Keselamatan 551570 L/Kpl Saimon bin Tarikat, telah terkorban.

Perlaksanaan rancangan gerakan ini telah dibuat dengan teliti dan terkorbannya seorang anggota itu adalah semata-mata satu kecelakaan pekerjaan yang mana dihadapi dalam tugas-tugas seperti ini.

Angkatan Tentera melengkapkan anggotanya di semua peringkat dengan latihan-latihan untuk menyediakan Angkatan Tentera di dalam keadaan pertempuran dan peperangan. Latihan ini diberi dari hari pertama anggota masuk di dalam Angkatan Tentera dan seterusnya sepanjang masa anggota ini berkhidmat. Latihan ini termasuklah kursus-kursus di dalam dan di luar negeri dan latihan "exercise" di medan, di dalam dan di luar negeri. Sementara itu kajian juga dibuat di setiap peringkat untuk menentukan semua anggota dan pasukan-pasukan dalam Angkatan Tentera sentiasa di dalam keadaan siap sedia untuk apa juga kemungkinan. Sebagaimana dari sejarah awal ketenteraan dunia adalah menjadi adat bahawa di dalam pertempuran tidak dapat kita kebalkan anggota-anggota yang terlibat walaupun mereka dilengkapi dengan bahan-bahan dan latihan kepakaran ketenteraan. Di dalam kejadian di Jelebu ini, sungguhpun kami yakin ini satu kejayaan kepada pasukan keselamatan, tetapi semangat yang bernyala oleh anggota kita yang gagah dan setia mungkin menyebabkan L/Kpl Saimon bin Tarikat mengorbankan nyawanya

untuk keamanan, kebahagiaan dan kemakmuran negara. Kemalangan seperti ini tidak dapat kita elakkan. Ini ialah satu kontrak yang murni yang ditandatangani dengan megah oleh semua anggota Angkatan Tentera.

Walau bagaimanapun, tindakan-tindakan awam dan Kementerian Pertahanan sedang diambil untuk menghapuskan ancaman komunis di kawasan tersebut.

**Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain:** Tuan Yang Dipertua, berapakah pampasan dan apa-apa lagi kebajikan yang patut didapati oleh balu atau warisnya oleh sebab dia telah meninggal kerana mempertahankan negara ini sebagaimana ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

**Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Tuan Yang Dipertua, Kerajaan memberi sebanyak \$10,000 kepada balunya. Sekiranya beliau itu orang bujang, pihak ayah atau ibunya menerima \$10,000 itu.

**Tuan Jaafar bin Harun:** Tuan Yang Dipertua, dengan peristiwa ini adakah bererti bahawa kita dapat mengambil kesimpulan yang komunis atau subversive elements itu sedang bergerak lebih cergas lagi daripada dahulu?

**Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Ya.

**Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain:** Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Adakah Kerajaan bercadang hendak menambahkan pampasan ini, apabila dibandingkan khidmatnya yang tinggi kepada negara ini hanya diberi \$10,000 sahaja apabila dia meninggal.

Adakah Kerajaan bercadang hendak menambah lagi sebanyak \$20,000 atau \$30,000 sesuai dengan keadaan yang dapat diterima oleh

balu-balunya atau warisan yang tertumpu kepada yang meninggal itu?

**Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Tuan Yang Dipertua, untuk sementara waktu belum ada lagi cadangan untuk Kerajaan menaikkan pampasan itu.

#### BANK BUMIPUTERA— PINJAMAN DI HONG KONG

4. **Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada benar bahawa Bank Bumiputera menyalahgunakan pinjaman sebanyak 600 juta ringgit kepada suatu syarikat di Hong Kong tanpa bayaran sehingga sekarang dan nyatakan siapakah orang-orang yang bertanggungjawab di atas perkara ini dan apakah tindakan Kementerian akan ambil.

**Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):** Tuan Yang Dipertua, pertama sekali ingin saya menyatakan bahawa soalan Ahli Yang Berhormat itu adalah kurang jelas oleh kerana Bank Bumiputera tidak membuat pinjaman sedemikian kepada mana-mana syarikat jua di Hong Kong secara langsung. Apa yang telah dilaporkan ialah anak syarikat milik penuh Bank Bumiputera iaitu Bumiputera Malaysia Finance Limited iaitu sebuah syarikat "Deposit-taking Company" di Hong Kong telah membuat beberapa pinjaman kepada beberapa buah syarikat di Hong Kong yang mana syarikat-syarikat berkenaan pada masa ini menghadapi masalah untuk membayar balik pinjaman-pinjaman yang berkenaan. Pihak pengurusan anak syarikat ini bertanggungjawab di atas kelulusan pinjaman-pinjaman itu. Saya sendiri terperanjat dan terkejut apabila mendapat tahu mengenai pinjaman yang sedemikian rupa dibuat oleh anak syarikat Bank Bumiputera ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu penyiasatan yang

menyeluruh sedang dilakukan ke atas perkara ini oleh kerana Kerajaan adalah memandang serius dan memberi perhatian yang berat ke atas perkara ini. Bank Negara Malaysia dan Juruaudit Bank yang berkenaan di samping pihak Pengurusan Bank Bumiputera sendiri telah diarah membuat penyiasatan rapi ke atas keseluruhan operasi anak syarikat Bank Bumiputera di Hongkong itu. Dengan yang demikian pada masa ini tidaklah dapat saya menyatakan kedudukan yang sebenarnya mengenai masalah ini sebelum diteliti laporan yang berkenaan.

Walau bagaimanapun, suka saya menegaskan bahawa sekiranya hasil daripada penyiasatan ini menunjukkan perkara-perkara serta peraturan-peraturan yang terkeluar daripada amalan biasa bank telah berlaku dalam memberi pinjaman-pinjaman yang berkenaan, maka tindakan yang sewajarnya akan diambil ke atas pihak-pihak yang terlibat di samping mengambil tindakan-tindakan yang sesuai untuk menjaga kepentingan serta kedudukan anak syarikat Bank Bumiputera itu dan juga kedudukan Bank Bumiputera sendiri secara keseluruhannya. Oleh itu, pada masa ini pihak Pengurusan Bank Bumiputera perlulah diberi peluang terlebih dahulu untuk mengambil tindakan-tindakan yang sesuai bagi mengatasi masalah ini dan Kerajaan yakin dengan keupayaan pihak Pengurusan Bank Bumiputera dalam menghadapi masalah ini.

**Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah:** Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Walau apapun anak syarikat bumiputera yang telah melakukan, saya rasa satu penyelewengan yang menghairankan sekali. Saya suka bertanya, berapa tahun dahulu telah berlaku, 5 tahun, 10 tahun ataupun tahun 1981 telah berlaku penyelewengan pinjaman oleh anak syarikat bumiputera yang tersebut.

Yang kedua, siapakah Pengarah yang bertanggungjawab anak syarikat bumiputera ini. Bolehkah Yang Berhormat?

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Tuan Yang Dipertua, mengikut apa yang saya dilaporkan pinjaman ini telah dibuat lebih daripada 2 tahun dahulu. Dan siapa yang bertanggungjawab itu belum dapat ditentukan lagi kerana siasatan masih berjalan.

**Tuan Abdul Razak bin Abu Samah:** Soalan tambahan. Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Mulia, dalam suratkhbar ada yang menyatakan \$200 juta, \$400 juta dan pada pertanyaan ini \$600 juta dan ada menyatakan \$1,000 juta atau \$1 billion. Oleh itu saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Mulia mana yang betul, kerana kita ini selalu ditanya oleh orang ramai tentang kewangan ini. Oleh itu dapat kita hendak jawab di mana yang betul; \$2,000, \$6,000 ataupun \$80,000 yang sebenar.

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Tuan Yang Dipertua, saya sendiri pun tak dapat hendak memberi angka yang tepat kerana pihak Juruaudit Bank Bumiputera sendiri sedang menjalankan kajian pada masa ini dan sesudah kajian itu ditamat dan selesai dibuat dan laporan itu dikemukakan kepada Kerajaan, barulah dapat diketahui angka yang sebenarnya. Jadi, sekarang ini kita hanya berdasar kepada banyak laporan dalam suratkhbar-suratkhbar yang sebenarnya memberi gambaran yang agak berlainan daripada satu laporan ke satu laporan yang lain.

#### LOTERI KEBAJIKAN MASYARAKAT—PENGUNDIAN

5. **Tuan M. K. Muthusamy** minta Menteri Kebajikan Am menyatakan sama ada pihaknya mempunyai rancangan untuk mengadakan pengundian Loteri Kebajikan

Masyarakat lebih kerap lagi memandangkan kesukaran mendapatkan tiket loteri ketika ini.

**Menteri Kebajikan Am (Datin Paduka Hajjah Aishah bini Haji Abdul Ghani):** Tuan Yang Dipertua, jualan tiket-tiket loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan telah ditingkatkan dari 3.6 juta kepada 4.5 juta mulai 29hb April, 1982. Jumlah jualan tiket loteri setiap cabutan sekarang ini ialah sebanyak 4.5 juta dengan bilangan cabutan sebanyak 18 kali setahun. Kementerian saya sedang mengkaji perjalanan Lembaga Loteri ini dan sekiranya ada didapati perkara-perkara yang perlu diubahsuai, langkah sewajarnya akan diambil.

**Tuan Fadzil bin Mahmood:** Soalan tambahan. Sesuai dengan usaha Kerajaan untuk menyerapkan unsur-unsur Islam dalam jiwa masyarakat Malaysia ini, adakah Kementerian bercadang untuk menutup terus loteri kebajikan masyarakat ini? Kalau tidak, mengapa?

**Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Tuan Yang Dipertua, ini soalan lain.

#### KANUN ACARA JENAYAH— PINDAAN

**6. Tuan Paramjit Singh** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan menimbangkan untuk membuat Pindaan kepada seksyen 113 Kanun Acara Jenayah untuk menyatukan Acara dan Amalan Undang-undang Inggeris oleh kerana pada masa ini banyak masa terbuang apabila kenyataan hemat dipertikaikan dalam Mahkamah.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin):** Tuan Yang Dipertua, buat masa ini Kerajaan tidak akan ada apa-apa cadangan untuk meminda Seksyen 113, Kanun Prosedur Jenayah

oleh kerana peruntukan dalam seksyen itu yang sedia ada adalah didapati sesuai bagi negara kita dan pelaksanaannya adalah sempurna. Soal sama ada banyak masa terbuang atau tidak apabila kenyataan hemat dipertikaikan dalam mahkamah seharusnya tidak timbul dalam sesuatu perkara seperti ini yang melibatkan keadilan.

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun.

**Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah:** Dengan izin, soalan ke 7.

#### RAWATAN DI HOSPITAL— KADAR BAYARAN

**7. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah (di bawah S.O. 23 (2))** minta Menteri Kesihatan menyatakan bayaran-bayaran bagi tiap-tiap seseorang pesakit yang dirawat di Hospital seperti berikut:

- (i) pemeriksaan air kencing;
- (ii) pemeriksaan gula dalam darah; dan
- (iii) memulih urat dan anggota (physiotherapy)

dan nyatakan siapa yang bertanggungjawab untuk menentukan kadar bayaran tersebut

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):** Tuan Yang Dipertua, saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa beberapa pemeriksaan makmal boleh dijalankan dengan menggunakan satu sample air kencing ataupun darah. Bayaran yang dikenakan kepada tiap-tiap pesakit untuk pemeriksaan-pemeriksaan ini tertakluk kepada kelas wad di mana pesakit itu dimasukkan, jenis dan kerumitan dalam melaksanakan pemeriksaan itu. Begitu juga di bidang physiotherapy bagi pemulihan urat dan anggota, pesakit-pesakit dikenakan bayaran mengikut kelas wad di mana mereka

dimasukkan dan jenis rawatan physiotherapy yang diberi.

Butir-butir yang lengkap mengenai bayaran hospital untuk pesakit luar dan dalam telah diterbitkan di dalam Perintah P. Perubatan tahun 1982 yang telah dikuatkuasakan sejak 1hb Disember, tahun lalu. Bagi pesakit-pesakit luar, tiap-tiap pesakit dikenakan bayaran \$1 pada tiap-tiap lawatan di Jabatan Pesakit Luar dan \$5 di Klinik-klinik Pakar. Bayaran \$1 atau \$5 itu ialah untuk membiayai rawatan perubatan dan juga semua pemeriksaan atau penyelidikan clinical dan ubat-ubatan yang diberi. Tidak ada bayaran yang lain untuk perkhidmatan-perkhidmatan ini. Kadar bayaran telah ditetapkan di dalam Perintah P. Perubatan tahun 1982, walau bagaimanapun tiap-tiap Ketua Bahagian Clinical adalah bertanggungjawab untuk menentukan kadar bayaran dengan mengklasifikasikan pemeriksaan-pemeriksaan yang telah dijalankan mengikut kategori-kategori yang tertentu. Pegawai yang menjaga hospital juga bertanggungjawab pada keseluruhannya dan pegawai ini diberi kuasa mengecualikan mereka yang miskin ataupun tidak berkemampuan dari pembayaran yang dikenakan itu.

### PEMBANGUNAN LIMBONGAN SUNGAI GOLOK

**8. Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh** minta Menteri Pertanian menyatakan kemajuan yang diperolehi daripada kajian di atas pembangunan limbongan Sungai Golok.

Menteri Pertanian (Dato' Abdul Manan bin Othman): Tuan Yang Dipertua, projek pembangunan lembah Sungai Golok adalah satu kerjasama di antara Malaysia dan Thailand bagi memajukan kawasan sempadan kedua-dua buah negara dari segi mengatasi masalah banjir, pembangunan bidang perhutanan, pertanian, perikanan, ternakan,

perparitan dan taliair. Di atas permintaan bersama daripada kedua-dua buah negara, Kerajaan Australia telah membuat satu kajian awal untuk merangka perkara-perkara yang akan dikaji di dalam kajian kemungkinan. Kerajaan Australia telah juga bersetuju pada dasarnya untuk membantu dengan peruntukan sebanyak A\$2.5 juta untuk membiayai kajian ini. Kerajaan Malaysia akan membiayai sebanyak \$2.3 juta dan Kerajaan Thailand membiayai sebanyak 24 juta Baht.

Kajian ini dijangka akan mengambil masa selama 18 bulan dan akan bermula apabila sahaja memorandum persefahaman di antara ketiga-tiga negara ditandatangani. Memorandum ini dijangka ditandatangani pada hari ini, 28hb Mac, 1983 tetapi pihak Kerajaan Australia telah memohon untuk menunda ke satu tarikh yang akan ditetapkan kelak.

### LUBNAN—PASUKAN PENGAMAN

**9. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar** minta Menteri Luar Negeri menyatakan mengapa kebanyakan negara-negara Islam termasuk Malaysia tidak menggotai pasukan pengaman di Lubnan; dan sebaliknya Malaysia ditugaskan berkhidmat sebagai salah satu pasukan pengaman di Namibia, Afrika.

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin):** Tuan Yang Dipertua, dengan izin, atas permintaan Kerajaan Lubnan, Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah mengambil keputusan melalui Resolusi Majlis Keselamatan 425, Tanggal 19hb Mac, 1978 untuk membentuk satu pasukan sementara Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di Lubnan, dengan izin, United Nations Interim Force in Lebanon (UNIFIL) untuk memastikan pengunduran tentera

Israel dari Lubnan, memulihkan keselamatan dan keamanan dan membantu Kerajaan Lubnan memulihkan kembali kuasa di atas wilayahnya. Pasukan sementara tersebut kemudiannya dibentuk untuk jangka masa pertama selama 6 bulan dan dianggotai oleh beberapa buah negara ahli Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Mandat pasukan tersebut diperbaharui dari masa ke semasa oleh Majlis Keselamatan. Baru-baru ini mandat pasukan tersebut telah diteruskan untuk selama 6 bulan lagi sehingga 19hb Jun, 1983.

Mengikut amalan sebelum sesuatu pasukan pengaman Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dibentuk, pihak PBB terlebih dahulu akan menentukan negara-negara manakah yang patut menjadi ahli Pasukan Pengaman PBB itu. Sesudah penentuan itu dibuat barulah negara-negara tersebut dihubungi untuk mendapat persetujuan mereka untuk menyertai Pasukan Pengaman PBB.

Sayogia ditegaskan di sini bahawa bukanlah negara-negara ahli yang boleh menentukan penyertaan mereka dalam sesuatu Pasukan Pengaman itu jikalau mereka tidak dihubungi terlebih dahulu. Semasa UNIFIL dibentuk, Malaysia tidak dipilih dan tidak dihubungi oleh pihak PBB dan oleh sebab itu Malaysia tidak menyertai dalam pasukan UNIFIL dengan menghantar satu kontingen tentera ke Lubnan. Begitu juga dengan kebanyakan negara-negara Islam yang lain. Tetapi dalam kes Namibia pula, apabila PBB membuat keputusan untuk membentuk kumpulan pindaan bantuan PBB bagi Namibia iaitu dengan izin, United Nations Transition Assistance Group for Namibia, Malaysia telah dihubungi oleh pihak PBB untuk mengambil bahagian. Atas permintaan PBB ini Malaysia telah bersetuju pada prinsipnya untuk menghantar satu kontingen sebagai sebahagian Pasukan Pengaman PBB di Namibia apabila

mencapai kemerdekaan kelak. Keputusan ini juga adalah merupakan satu manifestasi sumbangan Malaysia yang praktikal untuk mempertahankan dan menjamin keamanan dan keselamatan antarabangsa.

### LEBUH RAYA TOL IPOH—BIDUR

**10. Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan:

- (a) bila projek Lebuh Raya Tol Ipo—Bidur dimulakan dan nyatakan kemajuannya sehingga hari ini;
- (b) sama ada benar laluan asal lebuh raya ini telah dipinda untuk mengelakkan lebuh raya itu daripada melalui lombong-lombong yang masih belum habis tempoh pajaknya; dan
- (c) sama ada pihak Lembaga Lebuh Raya telah memberi pertimbangan yang adil terhadap tuan punya tanah di sekitar Kampung Pulau Pisang dalam Mukim Kampar dan Daerah Kinta yang merayu supaya lebuh raya itu tidak akan melalui tanah-tanah mereka.

**Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman):**  
Tuan Yang Dipertua,

- (a) projek lebuhraya Tol/Bidor ini akan dimulakan pembinaannya pada awal tahun 1985. Setakat ini kerja-kerja mengenai penetapan aliran dan rekabentuk kejuruteraan terperinci sedang dijalankan.
- (b) memang benar aliran asal telahpun dibatalkan dan satu kajian baru mengenai aliran jalan ini sedang dibuat. Ini ialah disebabkan bahawa aliran asalnya melalui tanah-tanah lombong yang telah dipakai dan

juga masih dipakai. Dari segi kejuruteraan tanah-tanah lombong sebegini tidaklah kukuh (stabil) dan akan melibatkan perbelanjaan yang besar untuk mengukuhkannya supaya tidak membahaya kepada pengguna-pengguna jalan raya.

- (c) adalah terlalu awal untuk memastikan sama ada aliran jalan raya yang baru ini melibatkan Kampong Pulau Pisang ataupun tidak.

#### KERETAPI TANAH MELAYU— MELEMPAR BATU

11. Tuan Ibrahim bin Salleh minta Menteri Pengangkutan menyatakan berapa kali telah berlaku kejadian melempar batu kepada lampu-lampu di tepi jalan Keretapi Tanah Melayu dan apakah langkah-langkah pencegahan untuk mencegah kejadian tersebut.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang Dipertua, dengan izin, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara melempar batu kepada lampu-lampu di tepi jalan Keretapi Tanah Melayu sekali sahaja dilaporkan iaitu di Yad Atur Pelabuhan Kelang di mana lebih kurang 30 yunit lampu telah dipecahkan oleh orang-orang yang tidak dikenali. Sebagai langkah pencegahan, Pentadbiran Keretapi sedang membuat aturan untuk memasang dawai-dawai pelindung pada tiap-tiap lampu di tempat yang tersebut.

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat Datuk Choo Ching Hwa.

**Tuan Loo Swee Mok:** Tuan Yang Dipertua, dengan izin, soalan No. 12.

#### KANUN TANAH NEGARA— PINDAAN

12. Tuan Loo Swee Mok (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Kemajuan

Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) bila Pindaan Kanun Tanah Negara yang baru akan disediakan dan dilaksanakan; dan
- (b) bila Akta Hakmilik Lapisan Baru akan disediakan untuk membolehkan pemilik rumah pangsa mendapat hakmilik lapisannya.

**Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Rais Yatim):** Tuan Yang Dipertua, bagi menjawab soalan:

- (a) Laporan Jawatankuasa Penyelesaian Kanun Tanah Negara telah pun disiapkan dan akan dikemukakan kepada Jemaah Menteri dan Majlis Tanah Negara untuk dipertimbangkan. Adalah diharapkan bahawa pindaan Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara ini akan dapat dibentangkan dalam Parlimen pada sesi yang akan datang.

Bagi menjawab soalan

- (b) Akta Hakmilik Strata yang baru dijangka akan dapat dibentangkan dalam Parlimen sebelum penghujung tahun 1983 ini, setelah pihak Jabatan Peguam Negara mengkaji dengan teliti draf Akta ini yang telah disediakan oleh Jawatankuasa Penyelesaian Kanun Tanah Negara. Permohonan untuk mendapatkan hakmilik strata (hakmilik pecahan) bagi rumah pangsa boleh dibuat sekarang jika syarat-syaratnya dipenuhi, oleh kerana peruntukan memang sudah sedia ada dalam Kanun Tanah Negara untuk mengeluarkan hakmilik strata itu. Akta baru yang sedang diperbuat ini adalah untuk mengemaskan dan memperbaiki peruntukan-peruntukan yang sedia ada.

**Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah:** Soalan tambahan. Tuan Yang Dipertua, saya memandangkan soalan ini sangat menarik, pindaan Kanun Tanah Negara. Saya ada dua soalan yang saya hendak kemukakan kepada Yang Berhormat Menteri. Pertama, hak milik bumiputera. Saya sedar Yang Berhormat mengatakan ini belum dibawa kepada Kabinet lagi. Maknanya belum diputuskan, tetapi soal ini telah terbentang di sini. Saya bertanya hakmilik bumiputera yang dilakukan oleh Kanun Tanah Negara di negeri ini semenjak zaman penjajah sehingga kita telah merdeka, ada satu perkara yang berlaku sewenang-wenangnya Tanah Rizab Melayu kita banyak dibeli oleh bangsa asing. Saya hendak bertanya bagaimana tanah ini mesti diambil balik kerana ini adalah mengikut kanun yang tidak boleh dipecah oleh sesiapa lagi. Apa ikhtiar Kerajaan mengenai perkara ini.

Kedua, warganegara asing. Kita sedar sekarang, terutama dekat dengan Singapura. Ada di antara warganegara-warganegara asing yang cuba membeli dari satu jalan yang lain supaya membeli tanah rakyat negeri ini. Adakah ini mengikut Kanun Tanah Negara yang baru dikanunkan ini ditahan secukupnya, tidak dibenarkan langsung warganegara asing memiliki hak rakyat negeri ini. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan?

**Dato' Rais Yatim:** Tuan Yang Dipertua, mengenai tanah-tanah Rizab Melayu atau Simpanan Rizab Melayu, ianya adalah tertakluk di bawah undang-undang masing-masing di setiap negeri yang berkenaan. Oleh itu, soal ianya pindah milik ataupun diniagakan, dari segi undang-undang berkenaan tidaklah timbul sebagai masalah. Cuma yang timbul ialah dari segi penguasaan fizikal tanah-tanah yang berkenaan yang menurut kajian Kementerian ini ada disyubahati atau dipersetujui oleh tuan-tuan punya tanah masing-masing. Oleh itu, cara

kerajaan untuk mengambil bahagian dalam soal mencegah perbuatan ini dapat dilakukan sekiranya tuan punya tanah itu sendiri menghayati atau memahami masalah yang timbul dari segi pemilikan harta masing-masing. Walau bagaimanapun, Kerajaan-kerajaan Negeri memang sedar kedudukan hal sebegini dan setiap Kerajaan Negeri berkenaan memang sentiasa mengawasi perbuatan yang tidak sihat seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu.

Berhubung dengan pindaan-pindaan atau kajian-kajian yang sedang dilakukan kepada Kanun Tanah Negara itu, memanglah termasuk berbagai-bagai isu yang melibatkan pemilikan harta oleh pelbagai pihak dan sekiranya Jawatan-kuasa ini dapat melangsungkan dua lagi mesyuarat yang penting, saya percaya isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu akan dapat dibentangkan dalam perspektifnya yang sebenar dan dengan itu maka lengkaplah situasi Kanun Tanah Negara itu untuk mencerminkan sifatnya yang lebih Malaysian.

### “MASTER PLAN” HOPITAL-HOSPITAL

**13. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan** minta Menteri Kesihatan memberitahu adakah pihaknya mempunyai atau menggunakan “Master Plan” dalam merancang, mentadbir dan menyusun semua aspek berkenaan dengan projek membina dan seterusnya menguruskan Hospital-hospital Baru dan lama.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Datuk K. Pathmanaban):** Tuan Yang Dipertua, Kementerian Kesihatan memang mengamalkan strategi “Master Plan” dalam merancang, mentadbir dan menyusun semua aspek berkenaan dengan projek pembinaan dan seterusnya menguruskan hospital-hospital baru dan lama. Kerja-kerja

bagi merangkakan Master Plan ini untuk kebanyakan hospital kita telah pun selesai.

Kementerian saya telah membuat perancangan makro ke atas pembangunan hospital-hospital sama ada hospital baru atau membangunkan semula hospital-hospital yang wujud bagi jangka masa sehingga tahun 2000. Ini berpandu kepada matlamat Kementerian untuk mencapai 2 katil "acute" bagi tiap-tiap 1,000 penduduk.

Di dalam perancangan ini perlulah diambilkira juga halangan-halangan seperti keperluan tenaga manusia, keupayaan melaksana dan kedudukan kewangan supaya program pelaksanaan hospital-hospital dijalankan secara realistik. Untuk mencapai tujuan ini satu kajian mendalam dijalankan untuk menentukan priority bagi sesuatu hospital dan seterusnya menetapkan tahun-tahun pelaksanaannya.

Sesudah perancangan makro dijalankan, Kementerian saya akan memulakan perancangan mikro bagi projek-projek hospital baru atau untuk membangunkan semula hospital-hospital lama yang diluluskan dalam Rancangan Malaysia semasa.

Perancangan mikro termasuklah:

- (a) Pemilihan/Perolehan tapak tanah jika perlu.
- (b) Menyediakan ringkasan rekabentuk untuk JKR dan interaksi dengan JKR untuk merekabentuk pelan-pelan hospital baru atau projek-projek memperbaiki hospital lama.
- (c) Penyelarasan dan pengesanan pembinaan hospital baru atau projek-projek memperbaiki hospital lama.
- (d) Pembelian alat-alatan.
- (e) Pemberian mengambilalih dan khidmat mula bagi hospital baru atau projek-projek memperbaiki hospital lama.

Dalam proses rekabentuk hospital baru atau projek-projek memperbaiki hospital lama perhatian berat diberi kepada prosedur-prosedur operasi dan corak pengurusan hospital yang diamalkan sekarang untuk memastikan hospital yang siap kelak akan dapat ditadbirkan dan digunakan dengan sempurna.

#### KEMALANGAN JALAN RAYA— LANGKAH MENGATASI

**14. Dato' Govinda Raj** minta Menteri Pegangkutan menyatakan bahawa memandangkan bertambah meningkatnya kemalangan-kemalangan jalan raya yang melibatkan kehilangan ribuan nyawa setiap tahun, sama ada pihak Kementerian telah membuat kajian mendalam atau menyelidiki terhadap sebab-sebab berlaku kemalangan itu; sekiranya ada, nyatakan sebab-sebab berlakunya kemalangan-kemalangan dan langkah-langkah yang diambil untuk mengatasinya.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang Dipertua, dengan izin, mengikut analisa laporan perangkaan Kemalangan Jalan raya bagi tahun 1981 yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia, sebanyak 95.28% daripada jumlah kemalangan adalah berpunca daripada kesalahan-kesalahan pemandu seperti memandu dengan tidak menumpukan sepenuh perhatian, memandu dengan laju dan merbahaya, membawa penumpang atau muatan barang-barang dengan berlebihan, kesalahan meletakkan kenderaan dan lain-lain sikap buruk pemandu semasa memandu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perangkaan kemalangan jalan raya pada tahun 1982 menunjukkan bahawa sebanyak 68,330 kejadian kemalangan jalan raya telah dilaporkan berlaku. Daripada kemalangan-kemalangan tersebut, ianya telah mengakibatkan kematian seramai 2,976 orang, kecederaan parah 5,498 orang dan

cedera ringan 13,217 orang. Kerugian daripada kemalangan tersebut di-taksirkan melebihi \$30 juta. Berbanding dengan tahun 1981, jumlah kemalangan yang berlaku hanya sebanyak 58,768 dengan kematian seramai 2,500. Ini menunjukkan pada tahun 1982 bilangan kemalangan dan kematian telah bertambah. Majlis Keselamatan Jalan raya di Kementerian Pengangkutan senantiasa berusaha untuk mengambil langkah-langkah yang perlu bagi mengurangkan kaedah kematian dan kecederaan akibat daripada kemalangan jalan raya. Langkah-langkah tersebut termasuklah merancang dan melaksanakan kegiatan-kegiatan pelajaran keselamatan jalan raya dalam usaha menanam rasa tanggungjawab atau "road safety consciousness" terhadap semua golongan pengguna-pengguna jalan raya sama ada orang dewasa atau kanak-kanak sekolah. Kempen-kempen keselamatan jalan raya diadakan setiap tahun di mana publisiti mengenai kegiatan-kegiatan dibuat melalui media-media massa seperti akhbar dan RTM dengan seluasnya untuk pengetahuan orang ramai. Seminar-seminar, majlis-majlis syarahan dan dailog serta mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Majlis Keselamatan Jalan Raya juga mengeluarkan bahan-bahan seperti buku-buku panduan poster serta lain-lain bahan seranta yang diedarkan kepada orang ramai semasa kempen dijalankan.

Bagi melaksanakan kegiatan-kegiatan Majlis tersebut dengan berkesan lagi, Kerajaan telah pun meluluskan 4 jawatan baru Pegawai Keselamatan Jalan Raya sebagai tambahan Jawatan yang sedia ada. Pegawai-pegawai ini akan menjalankan tugas-tugas keselamatan jalan raya di negeri-negeri supaya kegiatan-kegiatan yang dirancangan di peringkat Kebangsaan akan dapat diperluaskan kepada semua pengguna jalan raya di seluruh negara.

Selain daripada itu, latihan-latihan dan kursus-kursus lanjutan kepada Peganjur Sekolah Memandu dan pemandu-pemandu kenderaan berat juga dijalankan dengan tujuan bagi meninggikan lagi taraf pemanduan kepada mereka yang berkenaan. Adalah diharapkan bahawa usaha-usaha ini akan dapat digiatkan lagi apabila penubuhan Institut Pengangkutan Jalan yang sedang dirancang oleh Jabatan Pengangkutan Jalan terlaksana kelak.

Langkah-langkah penguatkuasaan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan dan Polis juga diperkemas dan digiatkan dari masa ke semasa bagi menentukan bahawa peraturan-peraturan jalan raya dipatuhi oleh pengguna-pengguna jalan raya. Pihak JPJ telah pun meluaskan bahagian penguatkuasaannya dengan menambahkan anggota pegawai-pegawai penguatkuasa yang dilengkapi dengan kereta-kereta dan motosikal-motosikal bagi membuat rondaan dan sekatan-sekatan di jalan raya. Sementara itu Polis Di Raja Malaysia juga berusaha menguatkan Unit Peronda Jalan Raya Polis Trafik.

Bagi mengatasi masalah kendèraan-kenderaan yang membawa muatan lebih pula, cadangan telah dikemukakan untuk memasang alat-alat penimbang berat atau "weighing bridge" di tiap-tiap Tol Plaza sebagai tambahan kepada yang tersedia terpasang di Balai-balai Polis dan Pejabat-pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan.

#### KEKURANGAN SIMIN

**15. Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) sebab-sebab kekurangan simin untuk keperluan negara;
- (b) peratus kekurangan simin tiap-tiap tahun dan anggaran keperluan untuk RME; dan
- (c) Sama ada Kerajaan bercadang membina kilang-kilang simin untuk menampung kekurangan dan bila projek ini akan dimulakan.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Shahrir bin Haji Abdul Samad):** Tuan Yang Dipertua, bagi menjawab soalan (a), saya tidak menafikan bahawa memang ada berlaku kesulitan bekalan simin di beberapa tempat di negara dari masa ke semasa. Walaupun bagaimanapun, kesulitan yang berlaku ini bukanlah disebabkan oleh kerana kekurangan bekalan simin di negara. Sebenarnya, pengeluaran simin oleh syarikat-syarikat pengeluar tempatan adalah berkembang dari tahun ke setahun seimbang dengan pertambahan pengguna dan keperluan. Data-data mengenainya adalah seperti di bawah ini:

Tahun	Pengeluaran (juta metrik ton)	Pengedaran (juta metrik ton)
1979 .. ..	2.4	2.5
1980 .. ..	2.5	2.7
1981 .. ..	3.2	3.5
1982 .. ..	3.5	3.2

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya kejadian kesulitan bekalan yang berlaku di beberapa kawasan di Semenanjung Malaysia adalah disebabkan oleh fakta-fakta berikut:

Bagi selatan Semenanjung khususnya di Negeri Johor bekalan simin untuk menampung keperluan pengguna-pengguna adalah diperolehi dari dua punca iaitu bekalan dari syarikat-syarikat pengeluar tempatan sebanyak kira-kira 50% sementara bakinya didapati melalui pengimportan dari Singapura. Kerumitan berlaku pada bulan Oktober—November, 1982 di kawasan berkenaan bolehlah disifatkan sebagai satu kekurangan "artificial" yang berpunca daripada pengguna-pengguna yang bergantung kepada bekalan simin dari Singapura tidak mendapat bekalan seperti biasa disebabkan oleh kerana di negara pengeksport sendiri berlaku kekurangan bekalan. Dengan hal yang demikian, pengguna-pengguna yang bergantung kepada bekalan dari luar negeri dan tidak mempunyai

hubungan perniagaan dengan pengeluar-pengeluar tempatan telah menghadapi kesulitan. Walau bagaimanapun, syarikat-syarikat pengeluar tempatan mempunyai bekalan simin yang cukup untuk memenuhi permintaan pengguna-pengguna ini. Sayugia dimaklumkan proses memulihkan bekalan di kawasan ini tidak dapat dilakukan dengan serta merta oleh kerana beberapa perkara seperti cara pengangkutan, jaminan-jaminan pembayaran dan lain-lain lagi perlu diselesaikan terlebih dahulu sebelum pembekalan diperbuat. Hasil dari tindakan ini keadaan di kawasan berkenaan telah dapat dipulihkan seperti sedia kala.

Bagi kawasan Pantai Timur Semenanjung pula, kesulitan bekalan ini merupakan phenomena bermusim selalunya di antara bulan Disember—Januari. Dalam hubungan ini pada lazimnya pengedar-pengedar di kawasan berkenaan tidak membuat pesanan untuk mendapat bekalan apabila menjelang musim tengkujuh, berdasarkan kepada sebab-sebab yang diketahui umum. Walau bagaimanapun, apabila musim tengkujuh selesai pengedar-pengedar ini akan memulakan pesanan mereka dengan kadar lebih daripada biasa bagi tujuan memulihkan keadaan bekalan. Pesanan-pesanan yang diperbuat ini tidak dapat dipenuhi dengan serta-merta oleh kerana terdapat masalah pengangkutan. Sebagai satu langkah jangka panjang dan dalam usaha mengatasi masalah ini dari berlaku berulang kali setiap tahun, Kementerian saya telah mengambil daya usaha bagi mengarahkan sebuah syarikat pengeluar tempatan supaya mendirikan atau menubuhkan sebuah depoh simpanan bekalan di Negeri Kelantan. Adalah diharapkan dengan wujudnya depoh simpanan ini masalah putusnya bekalan di kawasan Pantai Timur Semenanjung akan dapat dilakukan di masa-masa akan datang.

Dari siasatan-siasatan yang telah dijalankan oleh pegawai-pegawai Kementerian saya, di antara faktor lain yang menyebabkan berlaku kesulitan bekalan atau terdapat pesanan-pesanan dari sebahagian besar pengedar-pengedar yang tidak dipenuhi oleh syarikat-syarikat pengeluar ialah oleh kerana kegagalan mereka menjelaskan hutang piutang bagi bekalan-bekalan yang telah diterima melalui sistem bayaran kredit. Jumlah bayaran tertangguh yang tidak dijelaskan ini pada keseluruhannya adalah tinggi. Perkara ini adalah merupakan masalah perjanjian (contractual problem) dan Kementerian saya tidak dapat mengambil satu tindakan untuk menyelesaikannya.

- (a) Memandangkan hakikat bahawa pembangunan negara perlu diberi perhatian sewajarnya, Kementerian saya sentiasa akan berusaha dan mengambil tindakan-tindakan yang perlu bagi menjamin bekalan simin yang mencukupi bagi menampung keperluan pengguna.
- (b) Pada masa ini tiada kekurangan bekalan simin dihadapi di negara ini. Oleh kerana bekalan simin boleh diperolehi dari pengeluaran tempatan dan juga yang diimport. Sekiranya ada perbezaan di antara keperluan dan pengeluaran simin, ini dipenuhi dengan pengimportan. Pengimportan simin adalah bebas dan tiada sekatan dikenakan. Anggaran keperluan simin bagi Rancangan Malaysia Ke Empat dan juga anggaran

pengeluaran adalah seperti berikut;

Dalam tahun 1980, 1981 1982 telah saya umumkan sebentar tadi.

Tahun	Pengeluaran (juta metrik ton)	Perbandingan Keperluan (juta metrik ton)
1983 .. ..	4.2	4.6
1984 .. ..	4.9	5.3
1985 .. ..	7.1	6.1

- (c) Ketika ini 5 buah syarikat sedang mengeluarkan simin dan Kementerian saya juga telah meluluskan 4 projek lain. Di antara projek-projek yang telah diluluskan, tidak daripada diusahakan oleh Badan Kerajaan iaitu Pahang Cement, Perak Hanjoong dan Kedah Cement. Kedah Cement dijangka bermula pengeluarannya pada tahun 1985 manakala Perak Hanjoong dan Pahang Cement dijangka bermula pada tahun 1986.

**Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Kita telah mendengar jawapan daripada Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan simin pengeluarannya tidak kurang, tetapi adakah Kementerian sedar jika pengeluaran di kilangnya penuh pasti saya rasa ada penyelewengan dari pihak pengedar-pengedar bekalan simin. Adakah Kementerian sentiasa menyasiat dari segi pengedaran oleh pengedar-pengedar bekalan simin ini kerana macam di Kelantan umpamanya dalam bulan Februari yang sudah hampir dua minggu bekalan simin tidak ada di Negeri Kelantan tidak ada kena-mengena, tidak ada sangkut-paut dengan musim tengkujuh dalam bulan Februari yang lepas.

Soalan tambahan yang kedua depoh yang dicadangkan hendak diadakan di Pantai Timur bila akan siap dan

apabila disebut di Pantai Timur ini boleh jadi di Kelantan, Terengganu atau Pahang, yang sebenarnya di negeri mana hendak buat depot dan bila akan siap.

**Dato' Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang Dipertua, bagi menjawab soalan kedua dan ketiga sebelum menjawab soalan yang pertama saya telah menyatakan tadi bahawa negeri di mana depoh akan didirikan ialah di Negeri Kelantan. Soal tentang pengawalan kepada pendedaran simin. Kementerian melalui Undang-undang Bekalan Barang-barang Perlu disyaratkan setiap pengedar mengadakan sistem dokumen mengesahkan jumlah yang di dalam pegangan seseorang pengedar itu dan dengan cara ini dapatlah diketahui dan dipastikan jumlah bekalan yang didapati pada satu-satu masa yang dipegang oleh seorang pengedar. Jadi dengan cara ini dapat kita menentukan bahawa bekalan simin sentiasa terkawal dan teratur. Walau bagaimanapun kekurangan yang ada berlaku dari semasa mungkinlah berlaku lebih dari segi kekurangan pendedaran ianya sendiri di mana terdapat kekurangan yang berlaku khususnya di kawasan-kawasan seperti di Pantai Timur.

Seperti mana saya telah menyatakan tadi dengan diadakan satu sistem depoh bekalan di negeri Kelantan, masalah ini adalah diharapkan dapat diatasi dan dapat diperbaiki daripada keadaan yang berlaku pada hari ini.

### **EKSPORT GETAH MELALUI ORANG TENGAH**

**16. Puan Nen Abidah binti Haji Abdullah** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sebahagian eksport getah kita keluar negeri adalah melalui orang tengah (negara Kedua). Jika sedar nyatakan langkah-langkah dan tindakan yang telah dan akan diambil untuk menjual terus barang-barang keluaran kita kepada negara yang membeli.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Bujang bin Haji Ulis):** Tuan Yang Dipertua, Kementerian saya sedar bahawa memang terdapat sebahagian eksport getah kita keluar negeri dibuat melalui orang tengah (Negara Kedua), iaitu lebih kurang 25% daripada jumlah eksport getah negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara sebab-sebab yang perkara ini masih berlaku sekarang ialah:

- (i) Negara yang terlibat tidak mempunyai perhubungan perdagangan secara langsung dengan Malaysia.
- (ii) Pengeksport terpaksa menggunakan kemudahan perkapalan dan pelabuhan negara kedua untuk mengangkut getah yang dieksport ke negara-negara pengimport berkenaan kerana negara-negara pengimport berkenaan mendapatkannya melalui negara kedua.
- (iii) Kemudahan-kemudahan yang terdapat di pelabuhan yang berkenaan seperti perkapalan, sistem kredit, kemudahan di pelabuhan, broker-broker dan sebagainya memberi kemudahan dan kesenangan kepada pengeksport-pengeksport kita.
- (iv) Pembelian melalui pasaran perdagangan hadapan yang sedia ada seperti di London dan Singapura.

Langkah-langkah yang sedang dan diambil termasuklah seperti berikut:

- (i) Mengeratkan hubungan perdagangan dengan negara-negara yang berkenaan dengan menghantar rombongan perdagangan dan mengadakan perjanjian perdagangan dua hala.

- (ii) Pihak Kerajaan sentiasa berusaha memperbaiki dan menambah kemudahan-kemudahan seperti telefon, telex dan perkapalan bagi membolehkan lebih banyak eksport kita dibuat secara terus kepada negara-negara pengguna.
- (iii) Mengadakan kemudahan yang diperlukan di pelabuhan-pelabuhan Malaysia seperti mana terdapat di pelabuhan yang telah sedia maju bagi menggalakkan pengeksport kita menjual terus kepada negara pengguna melalui pelabuhan kita.
- (iv) membaiki kemudahan pasaran perdagangan hadapan di Kuala Lumpur (KLCE).
- (v) Pengeksport-pengeksport getah seperti MARDEC dan syarikat swasta diminta berdagang terus dengan negara-negara yang berkenaan dan usaha sedang dijalankan bagi mengadakan khidmat nasihat bagi pengeksport-pengeksport kita.
- (vi) Agensi-agensi Kerajaan Malaysia di seberang laut adalah sentiasa memberi maklumat-maklumat dan memberi penerangan-penerangan berkenaan getah keluaran Malaysia dan kemudahan-kemudahan yang disediakan dalam usaha menggalakkan bagi eksport secara terus kepada negara-negara pengguna.
- (vii) Usaha juga sedang dibuat bagi menggalakkan pengimport-pengimport dari negara-negara pengguna membuka pejabat cawangan di Malaysia supaya boleh membuat pembelian dengan secara langsung dari Malaysia.

**Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Bahaldin Aljamlud:** Soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berhubung dengan tindakan dan langkah-langkah yang telah disebut oleh Yang Berhormat tadi cukup melapangkan dada kita. Terang nampaknya bahawa pada satu masa nanti dapatlah kita eksportkan getah ini 100%. Jadi bilakah agaknya langkah-langkah tindakan yang bagus itu dapat dilaksanakan?

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang Dipertua, saya harap Ahli Yang Berhormat itu bersabarlah, walaupun kalau sangat bersabar itu tidak baik tetapi ini akan memakan masa dan akan dijalankan secara berperingkat-peringkat dan insya Allah dengan usaha yang giat yang kita ambil dan pemikiran yang diberi dengan serius terhadapnya, insya Allah ini akan dapat kita capai.

**Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Hussain:** Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Berapakah kerugian yang kita terima selama ini dengan sebab melalui negara yang ketiga jumlah 25% eksport kita. Adakah Kementerian Perusahaan Utama mengira kerugian kita, dan kalau ada, berapa jumlahnya?

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang Dipertua, setakat ini kita belum lagi mendapat jumlah kerugian kerana soal mendapat angka menunjukkan kerugian ataupun keuntungan akibat daripada kita mengeksport melalui negara kedua adalah satu perkara yang subjective dan ini memerlukan masa dan saya berusaha untuk menentukan supaya angka yang diperlukan akan dapat kita beri.

#### **SYARIKAT YANG BERDAFTAR**

**17. Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) jumlah syarikat umum, sama ada disenarai atau tidak di

PSKL, pada tahun berakhir 1982; dan

- (b) angka-angka syarikat umum dari dua jenis itu yang mempunyai lembaga pengarah mengandungi kurang daripada 30 peratus ahli Bumiputera.

**Dato' Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang Dipertua, bilangan syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965 meningkat dengan banyaknya dari setahun ke setahun. Sehingga 31hb. Disember, 1982 bilangan syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965 ialah sebanyak 92,918 buah. Sebilangan besar dari syarikat-syarikat yang berdaftar itu adalah syarikat 'Sendirian Berhad'. Kebanyakan syarikat-syarikat mempunyai pengarah-pengarah yang ramai. Butir-butir mengenai pengarah sesebuah syarikat itu bertukar dari masa kesemasa disebabkan pertukaran pengarah-pengarah baru dan persaraan pengarah-pengarah lama. Disebabkan pertukaran-pertukaran ini terlalu kerap berlaku dan bilangan pengarah-pengarah yang terlibat adalah ramai, perangkaan mengenai bilangan pengarah di dalam kumpulan syarikat-syarikat tertentu sukar diperolehi kerana jumlah syarikat terlalu banyak.

#### **BADAN SUKARELA— PENUBUHAN**

**18. Puan Sri Datin Athi Nahappan** minta Menteri Kebajikan Am menyatakan apakah dasar Kerajaan terhadap Badan-badan Sukarela yang berkhidmat kepada golongan masyarakat Malaysia yang kurang bernasib baik; dan sama ada Kerajaan sedar kepentingan peranan yang dimainkan oleh Badan-badan ini dalam kehidupan seharian masyarakat yang kurang bernasib baik ini, dan berapakah jumlah wang yang telah diperuntukkan bagi tujuan ini pada tahun 1983 dan bagaimanakah peruntukan wang ini dibahagikan

kepada badan-badan ini dan nama badan-badan yang berkenaan.

**Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Tuan Yang Dipertua, berhubung dengan Badan-badan Sukarela, adalah menjadi dasar Kerajaan menggalakkan penubuhan dan perkembangan Badan-badan Sukarela yang berkhidmat kepada golongan masyarakat yang kurang bernasib baik. Walau bagaimanapun Badan-badan Sukarela ini sebagaimana namanya, tidaklah pula digalakkan bergantung sepenuhnya kepada Kerajaan untuk menjalankan program dan begitu juga aktiviti mereka dan seharusnya berusaha mencari sumber kewangan sendiri untuk menjalankan kegiatan-kegiatan atas usaha mereka sendiri. Sungguhpun begitu, sebagai galakan, Kementerian Kebajikan Am ada memberi bantuan kewangan atau geran untuk membantu Badan-badan Sukarela ini menjalankan Aktiviti-aktiviti mereka untuk kebajikan orang ramai. Selain daripada bantuan kewangan, Kementerian saya juga memberi nasihat teknik bagi menguruskan badan-badan itu.

Kerajaan adalah sedar tentang pentingnya peranan yang dimainkan oleh Badan-badan Kebajikan ini untuk golongan yang kurang bernasib baik. Oleh sebab itulah Kerajaan telah memberi galakan bagi penubuhan dan perkembangan Badan-badan Sukarela dalam usaha mereka memberi perkhidmatan kepada masyarakat.

Bagi tahun 1983, sejumlah \$1,308,000.00 telah diperuntukkan bagi tujuan memberi geran tahunan kepada Badan-badan Sukarela ini. Geran-geran ini diberikan mengikut pertimbangan-pertimbangan seperti berikut:

- (i) banyaknya peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Kebajikan Am bagi tujuan ini;
- (ii) aktiviti yang dijalankan oleh Badan Sukarela dan liputan kumpulan sasarannya;

- (iii) kedudukan kewangan dan harta yang dimiliki oleh sesebuah Badan Sukarela itu; dan
- (iv) pentingnya sesuatu perkhidmatan yang diberikan oleh Badan Sukarela itu kepada orang ramai.

Pada tahun 1983 ini Kementerian Kebajikan Am akan memberi bantuan kepada 196 buah Badan Sukarela di negara ini. Walau bagaimanapun, saya dukacita tidaklah dapat menyebutkan nama-nama Badan itu satu persatu kerana akan memakan masa yang panjang. Sekiranya Yang Berhormat itu ingin juga hendak mengetahui, Kementerian saya boleh menghantar satu senarai kepada beliau.

#### **LAWATAN PERDANA MENTERI KE JEPUN**

**19. Dato' Yap Peng** minta Perdana Menteri menyatakan hasil lawatan beliau ke Jepun baru-baru ini.

**Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin:** Tuan Yang Dipertua, sebagaimana yang diketahui Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membuat lawatannya yang pertama ke Jepun dari 23hb hingga 29hb. Januari tahun ini. Tujuan lawatan ini ialah untuk membincang dan bertukar-tukar pendapat tentang perhubungan dua-hala dan isu-isu serantau dan antarabangsa untuk kepentingan bersama.

Dalam perbincangan hubungan dua-hala, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menerangkan secara mendalam kepada Perdana Menteri Jepun, Encik Nakasone Dasar "Pandang ke Timur" kita dan seterusnya meminta supaya Kerajaan Jepun memahami dengan sepenuhnya Dasar tersebut. Jawapan Perdana Menteri Jepun sangatlah positif. Beliau telah memberi pengakuan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa Kerajaannya akan memberi sebarang pertolongan

yang boleh untuk menjayakan Dasar "Pandang ke Timur" kita. Perdana Menteri Jepun juga telah memberi jaminan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa Kerajaannya akan memperkukuhkan lagi hubungan negaranya dengan Malaysia dan beliau sendiri akan berusaha sedaya upaya untuk mencapai matlamat ini.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah melawat beberapa kilang perusahaan yang terkemuka di Jepun serta mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan tokoh-tokoh perusahaan Jepun yang terkemuka untuk antara lain, memberi penerangan kepada mereka mengenai Dasar "Pandang ke Timur" supaya Dasar ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengadakan suatu pertemuan dengan Pertubuhan-pertubuhan Ekonomi Jepun di mana beliau telah menyampaikan suatu ucapan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah meminta kerjasama Kerajaan Jepun untuk menyediakan tempat-tempat tambahan di Universiti-universiti dan pusat-pusat pengajian tinggi di Jepun untuk pelajar-pelajar kita. Perdana Menteri Jepun telah memberi jaminan bahawa beliau akan memberi pertimbangan yang sewajarnya dalam hal ini.

Encik Nakasone juga telah memberitahu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa Kerajaan Jepun bersetuju untuk memberi pinjaman Kredit Yen Khas (Special Yen Credit) sebanyak 50 billion Yen. Dari jumlah itu 40 billion Yen adalah pinjaman Yen istimewa daripada Kerajaan Jepun dan 10 billion Yen lagi sebagai pinjaman daripada Export/Import (EXIM) Bank of Japan.

Berkenaan permintaan kita supaya pihak Jepun menambah pembelian minyak petroleum kita, Encik Nakasone telah memberi pengakuan kepada Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri bahawa beliau akan menyampaikan permintaan ini kepada pihak swasta Jepun untuk perhatian mereka.

Semasa lawatan tersebut suatu perjanjian separuh penghapusan visa antara Malaysia dan Jepun telah juga ditandatangani. Perjanjian ini akan melincinkan lagi perjalanan rakyat antara kedua-kedua negara yang akan menggalakkan perhubungan dan seterusnya memupuk persefahaman rakyat antara kedua-kedua negara.

Dalam perbincangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Encik Nakasone mengenai isu-isu serantau dan antarabangsa pula, mereka telah bertukar-tukar pendapat mengenai ASEAN, China, Vietnam, perhubungan Jepun dengan Amerika Syarikat, usaha-usaha Kerajaan Jepun untuk memperkuatkan lagi pertahanannya, kawalan senjata, konsep kumpulan Asia Pasifik dan masalah Asia Barat. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah mengadakan pertemuan dengan bekas-bekas Perdana Menteri Jepun Encik Zenko Suzuki dan Encik Takeo Fukuda.

Dibidang perdagangan kedua-dua Perdana Menteri itu telah bersetuju bahawa perdagangan dua-hala diantara Malaysia dengan Jepun telah berkembang. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah menekankan kepada Encik Nakasone mengenai perlunya negara Jepun mengimport lebih banyak barang-barang perkilangan dan barang-barang yang telah diproses dari Malaysia.

Disamping itu kepentingan Malaysia dan ASEAN haruslah diambil kira dalam usaha Kerajaan Jepun mengambil langkah-langkah baru untuk membuka pasaran tersebut. Encik Nakasone telah menyatakan bahawa negaranya akan berusaha sedaya upaya untuk menjamin kelicinan dan perkembangan perdagangan diantara Malaysia dan Jepun.

Dari semua aspek lawatan rasmi Perdana Menteri ke Jepun bolehlah dianggap sangat berjaya dan beliau sendiri puas hati dengan lawatan itu. Perdana Menteri Jepun bukan sahaja telah memahami Dasar "Pandang ke Timur" kita malahan beliau telah memberi jaminan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa Kerajaannya akan membantu setakat mana yang boleh untuk menjayakan dasar Kerajaan kita ini. Pertemuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Perdana Menteri Jepun itu telah menunjukkan arah pemikiran Kerajaan Jepun di bawah pimpinan beliau terutamanya tentang soal memperkuatkan pertahanan negeri Jepun dan isu-isu serantau dan antarabangsa.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yakin pertemuan mereka berjaya menjalinkan persahabatan yang bermakna dan akan memberi manfaat kepada perhubungan antara Malaysia dan Jepun baik pada masa sekarang dan masa yang akan datang. Dalam hal ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telahpun mengundang Perdana Menteri Jepun dan isteri untuk melawat Malaysia. Beliau telah menerima undangan ini dan lawatan rasmi Perdana Menteri Nakasone dan isteri ke Malaysia akan dibuat dalam rangka lawatan mereka ke negara-negara ASEAN, insya Allah.

**Tuan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 20 hingga 59 adalah diberi di bawah ini.)*

#### **BANGUNAN TINGGI— KAWALAN/LATIHAN**

**20. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah** minta Menteri Hal Ehwal

Dalam Negeri menyatakan sama ada Jabatan Polis mengambil berat atas:

- (i) sama ada Jabatan Polis mengambil berat atas pelaksanaan kawalan bangunan-bangunan tinggi di Negara ini untuk memberi perhatian kepada sistem kawalan yang lebih kemas dan teratur kepada bangunan-bangunan tinggi;
- (ii) sama ada pihak polis juga bersedia memberi latihan kepada ahli-ahli pengarah atau pengurus yang diambil bekerja untuk menjaga bangunan tinggi; dan
- (iii) sama ada panduan seragam telah dikeluarkan oleh Jabatan Polis yang boleh digunakan oleh pengurus-pengurus bangunan tinggi.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed):** Soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu sangat umum. Walau bagaimanapun bagi menjawab soalan (i), pelaksanaan kawalan Polis di bangunan-bangunan tinggi adalah terhad kepada kawasan yang digunakan oleh orang ramai, terhad kepada jalan keluar/masuk dan kawalan lalulintas di luar kawasan sahaja, tetapi bagi bangunan-bangunan awam, kawalan termasuk "corridor"nya sekali.

Bagi soalan (ii), adalah tidak menjadi tanggungjawab Polis memberi latihan kepada ahli-ahli pengarah atau pengurus yang diambil bekerja untuk menjaga atau mengawal bangunan tinggi. Walau bagaimanapun, jika pihak Polis dijemput untuk memberi syarahan-syarahan mengenai keselamatan (security) dan pencegahan jenayah, Polis sentiasa bersedia memberi sebarang pertolongan yang diminta.

Bagi soalan (iii), tidak ada.

## **RUMAH KOS RENDAH/ PANGSA—PEMILIHAN MELALUI KOMPUTER**

**21. Tuan Kee Yong Wee** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan:

- (a) sama ada beliau puas hati dengan kemajuan yang telah dicapai bagi pemilihan pemohon-pemohon rumah kos rendah atau rumah pangsa melalui komputer yang baru dijalankan oleh Dewan Bandaraya; dan
- (b) Jumlah peruntukan dari Dewan Bandaraya dan/atau bantuan dari Kerajaan Pusat untuk kegunaan pembinaan rumah kos rendah atau rumah pangsa di Wilayah Persekutuan dalam tahun 1983 dan 1984.

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:**

- (a) Setakat ini pemilihan pemohon-pemohon rumah kos rendah melalui komputer masih lagi di dalam proses. Adalah masih terlalu awal untuk menentukan sama ada Kementerian berpuas hati dengan kemajuan yang telah dicapai setakat ini tetapi dengan adanya pemilihan melalui komputer ini, pemilihan pemohon-pemohon yang benar-benar layak dapat dipercepatkan lagi. Kementerian Wilayah Persekutuan menyedari akan masalah meningkatnya pemohon-pemohon rumah dari masa ke semasa. Dengan tindakan yang diambil ini adalah diharapkan dapat mempercepatkan pemberian rumah secara lebih adil kepada pemohon-pemohon.
- (b) Kerajaan memperuntukan wang sebanyak \$59.6 juta pada tahun 1983 bagi membina rumah-rumah kos rendah untuk golongan berpendapatan

rendah di Wilayah Persekutuan. Untuk tahun 1984 Kementerian telah pun memohon peruntukan \$333.5 juta.

### THAILAND DAN INDO CHINA—PERGOLAKAN

22. Tuan Loh Kee Peng minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada beliau berpendapat bahawa keadaan disempadan Thailand dan Kampuchea sedang bertambah seriusnya akibat daripada pencerobohan Vietnam; dan
- (b) jika ya sama ada beliau akan menimbang untuk mengadakan sistem Perkhidmatan Negara bagi semua rakyat lelaki Malaysia dalam satu lingkungan umur yang tertentu untuk menanamkan semangat dan kesedaran mereka terhadap negara sambil menguatkan ketahanan negara bagi menghadapi cabaran masa depan.

**Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin:** Kerajaan sentiasa mengkaji dan mengikuti perkembangan politik dan ketenteraan di rantau ini termasuk pergolakan di Sempadan Thailand dan Indo China dan membuat persediaan yang sesuai sejajar dengan apa jua kemungkinan dan ancaman yang boleh berbangkit dari kemungkinan-kemungkinan ini.

Walau bagaimanapun Kerajaan belum lagi bercadang untuk mengadakan Perkhidmatan Negara atau National Service kerana ianya belum sesuai lagi untuk diamalkan di negara ini. Angkatan tentera kita mempunyai kemajuan bukan sahaja dari segi kelengkapan pertahanan bahkan juga dari segi penguasaan anggota dan latihan untuk menjaga keselamatan, ketahanan dan kedaulatan negara tanpa melibatkan kerahan tenaga dari rakyat seluruhnya. Saya sedar bahawa

tugas pertahanan negara ini bukanlah semata-mata tanggungjawab pasukan keselamatan bahkan penglibatan rakyat seluruhnya adalah penting. Di samping angkatan tentera yang tetap, persediaan untuk menghadapi sebarang kemungkinan-kemungkinan, kita juga mempunyai pasukan tentera sukarela. Struktur tentera sukarela yang dibina berasaskan atas pertimbangan bahawa rakyat boleh menyumbangkan tenaga di dalam soal pertahanan negara dengan secara sukarela. Sistem perkhidmatan sukarela adalah satu sistem yang terbaik untuk memupuk perasaan cinta kepada tanahair dan semangat tanggungjawab serta rela berkorban untuk kedaulatan negara.

Saya mempunyai penuh keyakinan bahawa apabila negara memerlukan tenaga ini, rakyat mempunyai semangat kebangsaan yang tinggi akan terus tampil kemuka untuk menyumbangkan tenaga tanpa apa-apa perasaan.

### KURSUS DI JEPUN

23. Puan Ragayah Ariff minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah pelajar-pelajar dari Malaysia yang telah dihantar untuk mengikuti kursus di negeri Jepun pada masa ini, dan nyatakan juga bidang-bidang kursus yang diikuti oleh pelajar-pelajar itu.

**Dato' Mohamed Khalil Yaakob:** Setakat ini seramai 135 orang pelajar lulusan Sijil Pelajaran Vokasional Malaysia telah dihantar untuk mengikuti latihan perindustrian selama 6 bulan di Jepun.

Bidang-bidang kursus yang diikuti adalah:

- (a) Heavy Engine Mechanic.
- (b) Commercial Vehicle Mechanic.
- (c) Tool and Die Making.
- (d) Marine Welding.
- (e) Wood Machining and Shaping.

- (f) Metal Fabrication.
- (g) Marine Engine Mechanic.
- (h) Foundry.
- (i) Fitting and Machining.
- (j) Radio and TV Mechanic.
- (k) Sheet Metal.
- (l) Boat Building.
- (m) Refrigeration and air conditioning.
- (n) Electrical Installation and Maintenance.

Daripada 135 pelajar lulusan S.P.V.M. yang telah dihantar, seramai 24 orang akan dimasukkan ke Kolej Teknikal di Jepun setelah mengikuti kursus Bahasa Jepun bersama dengan mata pelajaran lain selama satu tahun di International Student Institute di Jepun. Kesemua 24 pelajar tersebut telah mendapat Gred 1 S.P.V.M. pada tahun 1981.

Selain daripada itu Kerajaan jua menghantar seramai 20 orang penuntut untuk kursus Ijazah dan Lepasan Ijazah di bawah Rancangan Mombusho (Kementerian Pelajaran Jepun).

#### **KEMALANGAN JALAN RAYA AKIBAT LUBANG YANG DIKOREK**

**24. Tuan Basharon bin Hanafiah** minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan Awam menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kebanyakan kemalangan jalan raya yang berlaku pada waktu malam berpunca dari lubang yang dikorek oleh berbagai Jabatan Kerajaan yang tidak dipasang lengkap dengan lampu isyarat dan papan tanda yang mencukupi; jika sedar nyatakan langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah ini.

**Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman:** Kemalangan-kemalangan jalan raya berpunca daripada banyak sebab. Ini termasuklah kecuaihan

pemandu-pemandu sendiri, keadaan-keadaan kereta, cuaca dan jalan raya itu sendiri. Oleh itu tidaklah boleh kita menyatakan dengan pasti bahawa kebanyakan kemalangan jalan raya adalah semata-mata berpunca dari lubang yang dikorek oleh Jabatan-jabatan Kerajaan.

Sukalah saya menyatakan di sini bahawa berhubung dengan kerja-kerja pengorekan jalan raya ini. Jabatan Kerja Raya sentiasa mengambil berat terhadap mengadakan papan tanda dan lampu-lampu isyarat yang cukup sempurna supaya mengelakkan daripada berlakunya kemalangan jalan raya. Pihak pemborong juga dikehendaki menitikberatkan perkara ini; tetapi mereka selalu mengadu bahawa lampu-lampu isyarat dan papan tanda sering kelihatan. Saya suka meminta kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya menasihati ahli-ahli masyarakat untuk menjaga keselamatan isyarat-isyarat di tepi jalan raya untuk mengelakkan berlaku kemalangan yang boleh meragut nyawa pengguna jalan raya.

#### **HASIL LAWATAN PERDANA MENTERI KE NEW DELHI**

**25. Dato' Chin Kim Yoong** minta Perdana Menteri menyatakan hasil lawatan beliau ke New Delhi baru-baru ini.

**Perdana Menteri:** Baru-baru ini saya telah mengetuai delegasi Malaysia ke Persidangan Kemuncak Ketua-Ketua Negara Kerajaan Negara-negara Berkecuali yang telah diadakan di New Delhi pada 7 hingga 12hb Mac, 1983. Ini adalah Persidangan Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali yang pertama yang telah saya hadiri sebagai Perdana Menteri dan sukacita saya memaklumkan kepada ahli-ahli Sidang bahawa penyertaan delegasi kita ke Persidangan tersebut telah membawa hasil-hasil yang memuaskan.

Persidangan ini telah memberi peluang kepada saya bertemu dengan beberapa Ketua Negara/Kerajaan yang lain dari Pergerakan Negara-Negara Berkecuali yang kini berjumlah 101 ahli, dan juga peluang kepada Menteri Luar Negeri, Yang Berhormat Tan Sri Ghazali Shafie, bertemu dengan rakan-rakan sejawatnya mengenai perkara-perkara yang menyentuh kepentingan bersama. Saya telah memberi ucapan kepada Persidangan pada 8hb Mac, 1983, hari kedua Persidangan. Dalam hujah-hujah saya, saya telah menyentuh beberapa isu antara-bangsa yang belum dapat diselesaikan lagi seperti isu-isu Kampuchea, Afghanistan, Asia Barat, Polisi Apartheid rejim Afrika Selatan dan Namibia. Saya juga telah membuat syor-syor mengenai Antartika dan menyentuh perkara-perkara yang berkenaan tentang kemerosotan ekonomi dunia. Pada pendapat saya, ucapan saya ini telah mendapat sambutan yang baik dari Ketua-ketua Negara yang lain. Dengan kehadiran saya dan ahli-ahli delegasi di Persidangan Kemuncak ini, kita telah dapat sedikit sebanyak mengeratkan tali persahabatan di antara Malaysia dengan Negara-Negara Berkecuali yang lain dan ini akan menjadi asas bagi kerjasama dua hala dan berbagai hala pada masa yang akan datang.

Di samping hasil-hasil yang tidak ketara ini, delegasi kita juga telah berjaya mencapai objektif-objektif yang lain semasa menghadiri Persidangan tersebut, Pertama, mengenai Kampuchea, Malaysia telah berjaya menarik perhatian antara-bangsa di peringkat politik yang tertinggi sekali untuk menumpukan perhatian mereka terhadap masalah kekosongan kerusi bagi Kampuchea yang bersabit dari perbuatan Cuba sebagai pengerusi Persidangan Kemuncak yang keenam di Havana pada tahun 1979 dahulu. Semasa perbahasan diperingkat Mesyuarat

Menteri-Menteri Luar, ramai ahli Pergerakan yang telah menyokong pendirian Malaysia bahawa kerusi kosong Kampuchea itu sepatutnya diduduki oleh Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea, yang diketuai oleh Putera Norodom Sihanouk, sebagai wakil sah Kampuchea. Tetapi oleh kerana ada juga beberapa buah negara yang mempunyai pendirian yang lain dalam perkara ini, maka Persidangan tidak dapat mencapai kata sepakat mengenai perkara ini, ianya telah dirujuk kepada Biro Koordinasi, sebagai Jawatankuasa Ad Hoc, untuk mengkaji dengan lebih mendalam dengan bertujuan menentukan kriteria dan garis panduan bagi menggantung atau menyingkir keahlian sesebuah negara dalam Pergerakan Negara-negara Berkecuali. Jawatankuasa ini akan membuat syor-syor kepada Mesyuarat Menteri-Menteri Luar Negara-Negara Berkecuali yang akan diadakan pada tahun 1985. Ini bermakna bahawa isu "Kerusi kosong" bagi negara Kampuchea ini akan terus hidup dan akan mendapat perhatian Pergerakan Negara-negara Berkecuali sehingga sesuatu keputusan muktamad dapat dicapai dan diterima secara kata sepakat kelak. Ini bermakna dengan jelasnya bahawa keputusan yang telah dibuat di Havana oleh Cuba untuk mengosongkan kerusi Kampuchea asalah merupakan tanda tanya oleh Persidangan di New Delhi.

Mengenai isu-isu ekonomi pula, Malaysia telah berjaya membawa ke Persidangan Kemuncak dua perkara yang telah diterima dan dimasukkan ke dalam Deklarasi Ekonomi Persidangan. Perkara pertama ialah mengenai Antartika di mana Malaysia telah berjaya mendapat kata sepakat dan sokongan Negara-negara Berkecuali supaya perkara ini dibawa ke Perhimpunan Agong Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang ke 38 di New York pada tahun ini supaya

Badan Dunia itu mengeluarkan satu resolusi yang bertujuan untuk membuat kajian yang mendalam mengenai Antartika.

Selain dari Antartika, Malaysia juga berjaya memasukkan ke dalam Deklarasi Ekonomi Persidangan mengenai penubuhan Persatuan Pengeluar bahan-bahan utama, memandangkan kita begitu cenderung untuk menubuhkan persatuan negara-negara pengeluar timah untuk memelihara harga bahan ini di pasaran dunia.

Saya memang berpuashati dengan hasil-hasil yang telah dicapai oleh penyertaan Malaysia di Persidangan Kemuncak Negara-Negara Berkecuali baru-baru ini dan saya harap bahawa pada masa-masa akan datang Malaysia akan terus bergiat untuk memainkan peranan yang aktif dan penting dalam Pergerakan Negara-Negara Berkecuali demi untuk mempertahankan prinsip-prinsip Berkecuali yang menjadi batu asas dasar luar negeri kita.

### **FALSAFAH CEKAP, BERSIH DAN AMANAH**

**26. Tuan R. M. Jasni** meminta Perdana Menteri menyatakan tahap pencapaian matlamat "Cekap, Bersih dan Amanah" semenjak ia dijadikan filosofi negara, terutamanya matlamat membentaras rasuah di jabatan kerajaan.

**Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin:** Dalam soal melaksanakan falsafah Cekap, Bersih dan Amanah ini, kerajaan sudah pun mengaturkan berbagai-bagai tindakan seperti yang sudah diterangkan beberapa kali dalam Dewan yang mulia ini. Langkah-langkah itu termasuklah peraturan yang menghendaki semua pegawai awam peringkat tinggi untuk mengisytiharkan harta mereka, menghendaki semua pegawai dan kakitangan kerajaan datang ke

pejabat mengikut waktu dan balik lebih lewat dari waktu sepatutnya sebagai tanda pengorbanan bagi kepentingan masyarakat dan negara, menggunakan Etika Kerja yang berasaskan falsafah kerja mengikut negara-negara Timur yang sudah maju untuk mempertingkatkan lagi Daya Pengeluaran kerja, memperkemaskan dan melicinkan lagi prosedur-prosedur pentadbiran supaya dapat memberikan khidmat yang lebih baik kepada masyarakat, menjalankan Kempen Melalui Tauladan dan sebagainya.

Selaras dengan pertukaran nama Biro Siasatan Negara (BSN) kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR), Badan ini telah mengambil beberapa langkah tertentu supaya tindakannya lebih berkesan dan mencerminkan tugasnya yang sebenar dengan memberi perhatian sepenuhnya terhadap kerja-kerja membentaras amalan rasuah. Segala tenaga, usaha dan masa telah dipertingkatkan dengan menghadapkan mereka yang terlibat dengan amalan rasuah ke muka pengadilan dan menyingkirkan mana-mana ahli pentadbiran yang mengamalkan rasuah. Langkah aktif dan peningkatan prestasi BPR telah menyebabkan kelakuan dan perbuatan rasuah menjadi bertambah kurang dan orang ramai dan pegawai-pegawai kerajaan mulai takut dan cuba mengelakkan diri dari melakukannya.

Bertambahnya maklumat-maklumat yang diterima oleh BPR menunjukkan bahawa Konsep Bersih, Cekap dan Amanah Kerajaan itu telah mendapat kepercayaan rakyat. Rakyat mulai percaya bahawa BPR adalah Badan yang sebenarnya dapat memberi kesan dan memenuhi objektif Kerajaan bagi mencegah dan menghapuskan amalan rasuah. Sebagai misal, dalam tahun 1980 sebelum konsep Bersih, Cekap dan Amanah diisytiharkan hanya terdapat 6827 maklumat

diterima berbanding dengan 10,983 diterima dalam tahun 1982, iaitu selepas konsep itu diperkenalkan.

Pertambahan angka-angka dalam penyiasatan (Bilangan Kertas-kertas Siasatan, Kertas Penyiasatan dan Sampul Kecil dibuka) dan tangkapan terhadap pihak-pihak yang mengamalkan rasuah juga membuktikan kepercayaan rakyat atau usaha-usaha Kerajaan memerangi jenayah ini.

### BEKALAN AIR KE KAWASAN LUAR BANDAR

**27. Tuan D. P. Vijandran** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan tahap kemajuan yang telah dicapai untuk menyediakan pembekalan air yang bersih dan mencukupi kesemua kawasan luar bandar.

**Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Sanusi bin Junid):** Sungguhpun air adalah menjadi tanggungjawab kerajaan-kerajaan Negeri, Kerajaan Pusat telah memberikan peruntukan yang besar dalam usaha membantu kerajaan-kerajaan Negeri dalam menyediakan bekalan air yang bersih keseluruhan negara. Di dalam Rancangan Malaysia Keempat peruntukan sebanyak \$349.70 juta telah disediakan untuk tujuan ini iaitu meliputi pembahagian-pembahagian seperti berikut:

Semenanjung Malaysia	..	\$283.70	juta
Sabah	.. .. .	30.00	"
Sarawak	.. .. .	36.00	"

Antara tahun 1981 hingga 1983 sahaja peruntukan yang telah dikeluarkan kepada negeri-negeri ialah sebanyak \$265.29 juta yang dibahagikan seperti berikut:

Semenanjung Malaysia	..	\$216.00	juta
Sabah	.. .. .	20.85	"
Sarawak	.. .. .	28.44	"

Hingga keakhir tempoh Rancangan Malaysia Keempat matlamat liputan

bekalan yang hendak dicapai ialah 63% bagi kawasan luar bandar di Semenanjung Malaysia, 39% di Sabah dan 35% di Sarawak. Matlamat ini dijangka akan dapat dicapai kerana hingga keakhir tahun 1983 ini sahaja pencapaian di Semenanjung Malaysia telah meningkat dari 47.2% atau 3,634,870 orang pengguna dalam tahun 1980 menjadi 56.9% bersamaan 4,582,270 orang pengguna dalam tahun 1983.

Bagi Negeri Sarawak pula, disebabkan sifat-sifat alam semulajadi dan kedudukan negeri yang luas dan penduduknya pula bertaburan, usaha-usaha telah dan sedang dijalankan untuk memberi bekalan di mana saja yang dapat dilakukan. Keutamaan adalah diberikan di kawasan-kawasan pedalaman dan pantai yang selalu dilanda kemarau dan kawasan-kawasan air payau. Hingga akhir tahun 1983, sebanyak 11 projek baru dan 20 projek sambungan akan disiapkan. Dengan itu adalah dijangka, pengguna yang akan mendapat faedah akan bertambah sebanyak 165,000 orang lagi. Keupayaan pengeluaran air juga akan bertambah menjadi 320 juta litre sehari.

Di Sabah pula hingga akhir tahun 1983 projek-projek Rancangan Malaysia Keempat yang akan disiapkan ialah sebanyak 55% daripada jumlah projek. Dengan ini juga bermakna bahawa keupayaan pengeluaran akan meningkat dari 33 juta litre sehari menjadi 91 juta litre sehari.

Sungguhpun usaha-usaha memberi bekalan air ini dipergiatkan, perlulah diingatkan di sini bahawa masalah kekurangan air di tempat-tempat tertentu akan terus berlaku oleh kerana sebab-sebab di luar dugaan dan kawalan.

## SEKIM PERKHIDMATAN DOKTOR-DOKTOR

**28. Tuan Fadzil bin Mahmood** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sama ada Kementerian berpuashati dengan skim perkhidmatan pegawai-pegawai perubatan dan peluang-peluang kenaikan pangkat untuk doktor-doktor yang meletakkan jawatan sejak 5 tahun yang lepas; dan
- (b) bilangan doktor-doktor yang berkhidmat dengan Kerajaan dan bilangan doktor bumiputera.

**Dato' K. Pathmanaban:**

- (a) Kementerian Kesihatan sedar bahawa terdapat rasa tidak puashati di kalangan doktor-doktor tentang skim perkhidmatan mereka dan peluang-peluang kenaikan pangkat. Kementerian telah membincangkan beberapa cadangan untuk membaikinya dengan agensi-agensi kerajaan berkenaan dan perkara ini adalah menunggu keputusan kerajaan pada masa ini.

Mengenai peluang-peluang kenaikan pangkat, Kementerian telah mengambil beberapa langkah bagi membaikinya. Ini adalah satu proses yang akan berjalan berterusan untuk menentukan bahawa skim perkhidmatan doktor-doktor adalah sentiasa menggalakkan.

- (b) bilangan doktor-doktor yang meletakkan jawatan sejak lima tahun yang lepas seperti dalam jadual di bawah:

Jumlah Perletakan Jawatan  
Pegawai Perubatan 1978-1982

Tahun	Bilangan Letak Jawatan
1978 .. .. .	179
1979 .. .. .	105
1980 .. .. .	171
1981 .. .. .	206
1982 .. .. .	217

- (c) Bilangan doktor-doktor yang berkhidmat dengan Kerajaan pada tahun 1982 ialah 1986 dan daripada jumlah tersebut bilangan pegawai Bumiputera ialah 380.

## MESYUARAT MENTERI BESAR/ KETUA MENTERI

**29. Datuk G. Pasamanickam** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau bercadang menukar nama "Mesyuarat Menteri-Menteri Besar dan Ketua Menteri" ke "Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Negeri" supaya ianya diseragamkan kelak.

**Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin:** Buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menukar nama "Mesyuarat Menteri-menteri Besar/Ketua-ketua Menteri, kepada "Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Negeri". Tambahan pula nama "Mesyuarat Menteri-menteri Besar/Ketua-ketua Menteri" telah begitu biasa kepada semua pihak yang terlibat di dalam mesyuarat ini.

## RAKYAT MALAYSIA KE IRAN

**30. Puan Hajjah Hafsa binti Othman** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah rakyat Malaysia yang telah melawat Iran selepas kejatuhan Shah Iran beberapa tahun lalu; dan
- (b) sama ada Kerajaan sedar bahawa ada di antara mereka yang pergi ke Iran itu membawa balik "Semangat Revolusi Iran" untuk dipraktikkan di negeri ini; kalau sedar nyatakan tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan terhadap mereka.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Hubungan yang wujud antara Malaysia dengan Republik Islam Iran adalah baik dan seperti sediakala. Tidak ada sekatan atau kawalan dikenakan kepada rakyat kedua buah negara membuat lawatan di antara satu sama lain.

Memandangkan tidak ada apa-apa sekatan atau kawalan bagi warganegara Malaysia membuat lawatan ke Republik Islam Iran maka bilangan sebenar warganegara kita yang membuat lawatan dalam tempoh dimaksudkan tidaklah dapat dipastikan.

Kerajaan adalah sentiasa mengawasi kegiatan-kegiatan warganegara sama ada di dalam dan di luar negeri. Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang ke atas sesiapa sahaja yang melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan yang boleh menjejaskan ketenteraman awam dan keselamatan negara.

#### **BIJIH TIMAH—JUALAN STOK SIMPANAN GSA**

**31. Tuan K. Kumaran** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) jumlah penjualan bijih timah dari stok simpanan pentadbiran perkhidmatan am Amerika Syarikat (GSA) semenjak bulan Oktober, 1982.
- (b) tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan harga bijih timah tidak jatuh lagi di pasaran dunia akibat niat Amerikat Syarikat menjualkan bijih timah di pasaran dunia dari stok simpanan GSA itu; dan
- (c) nyatakan juga tindakan yang diambil oleh pengurus stok penimbal Perjanjian Bijih Timah Antarabangsa (ITA) untuk memastikan harga yang lebih tinggi dan stabil.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:**

- (a) Jumlah penjualan timah dari stok simpanan GSA Amerika Syarikat mulai 1 Oktober 1982 hingga 26 Mac 1983 adalah sebanyak 877 tonne.

(b) Usaha untuk mempertahankan harga timah di pasaran dunia tidaklah boleh dijalankan oleh Malaysia secara bersendirian dan ianya memerlukan kerjasama di antara negara-negara pengeluar dan pengguna. Oleh itu Perjanjian Timah Antarabangsa (PTA) telah ditubuhkan untuk menstabilkan harga timah di pasaran dunia. Di samping itu Malaysia bersamasama dengan negara-negara pengeluar yang lain sedang berusaha untuk menubuhkan sebuah Persatuan Negara-negara Pengeluar Timah yang dimaksudkan membantu Perjanjian Timah Antarabangsa di dalam usaha menstabilkan harga timah di pasaran antarabangsa. Ini termasuklah mempergiatkan lagi usaha penyelidikan dan pembangunan supaya kegunaan dan permintaan bahan timah dapat ditingkatkan demi kepentingan masa depan industri timah.

(c) Perjanjian Timah Antarabangsa (PTA) Keenam memperuntukkan dua alat bagi maksud menstabilkan harga timah iaitu melalui operasi stok penimbal dan penganan kawalan eksport. Buat masa ini kedua-dua alat tersebut telah berkuatkuasa dan hasil operasi ini kita dapati bahawa harga timah dipasaran dunia bukan telah sahaja dapat dipertahankan pada paras harga lantai yang ditetapkan oleh Majlis Timah Antarabangsa malah telah naik lebih daripada itu dan kini berada di sektor bawah jajaran harga Majlis tersebut. Kawalan eksport sebanyak 36% telah dikenakan sebaik sahaja PTA Keenam berkuatkuasa pada 1 Julai 1982 dan bagi tempoh suku tahun pertama dan

kedua tahun 1983 paras kawalan eksport ini masih dikekalkan. Tujuan kawalan eksport dikenakan ialah untuk memperimbangan bekalan dengan permintaan dan mengurangkan lebih bekalan timah yang terdapat di dalam pasaran timah antarabangsa. Kawalan eksport ini juga telah menunjukkan kesannya ke atas harga yang telah bergerak daripada paras harga lantai ke dalam sektor bawah jajaran harga Majlis Timah Antarabangsa.

### **TREKTOR DI LEBUH RAYA JELI/GRIK**

**32. Puan Hasanah binti Mohd. Kassim** meminta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan Awam menyatakan:

- (a) jumlah trektor yang tersadai di tepi-tepi Lebuh Raya Jeli—Grik;
- (b) sama ada trektor-trektor itu digunakan atau tidak; dan
- (c) nama tuan punya trektor-trektor berkenaan

**Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman:** Terdapat hanya satu sahaja trektor yang tersadai di tepi Lebuh Raya Jeli/Grik iaitu yang dimiliki oleh syarikat Asphlt Kimia Sdn. Bhd. yang mula kerja-kerjanya di lebuh raya itu telah habis. Langkah-langkah telah pun diambil untuk memindahkan trektor itu keluar dari Lebuh raya Jeli/Grik.

Untuk makluman Yang Berhormat, memang terdapat 25 buah trektor kepunyaan Jabatan Kerja Raya kelihatan di sepanjang Lebuh Raya Timur/Barat, tetapi ianya masih lagi digunakan untuk kerja-kerja penyelenggaraan.

### **UNIVERSITI TEMPATAN—KAJIAN PERBELANJAAN**

**33. Tuan Tan Chang Soong** minta Menteri Pelajaran meyakini apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi mengulangkaji perbelanjaannya

terhadap universiti-universiti tempatan terutama sekali dalam tempoh kemelesetan ekonomi masa ini, dan nyatakan juga;

- (a) sama ada Kementerian telah mengkaji tentang betapa berkesannya (cost-effectiveness) dan berfaedahnya (cost benefits) dari segi kos terhadap kursus-kursus yang dijalankan di universiti-universiti tempatan;
- (b) jika kajian telah dibuat, apakah keputusan-keputusannya dan sama ada keputusan-keputusan ini akan diumumkan; dan
- (c) jika kajian tidak dibuat, mengapa, dan sama ada kajian akan dibuat kelak.

### **Dato' Mohamed Khalil Yaakob:**

- (a) Perkara pengkajian perbelanjaan universiti-universiti adalah dijalankan melalui proses biasa dari masa ke semasa.
- (b) Berkaitan dengan kekesanan dan faedahnya dari segi kos satu-satu kursus itu, perkara ini adalah sentiasa diawasi oleh universiti-universiti.
- (c) Proses kajian yang juga merupakan satu proses yang dijalankan dari masa ke semasa yang melibatkan Senet dan Majlis Universiti masing-masing. Keputusan yang dibuat adalah merupakan perkara pentadbiran yang tidak perlu diumumkan.

### **RUANG UDARA MALAYSIA—KAWALAN**

**34. Tuah Haji Ibrahim bin Abdullah** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada benar bahawa angkasa Malaysia selepas 10,000 kaki ke atas dikawal oleh negara Singapura. Jika benar, nyatakan mengapa Kerajaan Malaysia tidak mengawal angkasa kita sendiri.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar):** Adalah tidak benar bahawa ruang udara Malaysia selepas 10,000 kaki ke atas dikawal oleh Singapura. Pada masa ini Malaysia mengawal sendiri semua lalulintas udara yang dibuat dalam ruang udaranya kecuali ruang udara dibahagian selatan Semenanjung Malaysia. Kawalan dari segi memberi perkhidmatan penerbangan di bahagian selatan ruang udara ini telah diserahkan sementara kepada Singapura kerana peraturan sedemikian dapat melicinkan pengawalan serta koordinasi trafik udara di kawasan tersebut dan juga bagi trafik udara yang keluar dari dan menuju ke Singapura.

Bagaimanapun Kerajaan sememangnya berhasrat mengambil alih kawalan yang diserahkan sementara kepada Singapura. Berhubung dengan ini perbincangan dua hala di peringkat pegawai-pegawai teknikal sedang diadakan di antara Malaysia dengan Singapura bagi membincangkan peraturan baru untuk Malaysia mengambil alih kawalan trafik udara di kawasan tersebut daripada Singapura.

#### **IKLAN ROKOK— MENGHARAMKAN**

**35. Tuan M. K. Muthusamy** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada Kementerian-nya mempunyai apa-apa rancangan untuk mengharamkan iklan rokok disemua pawagam di negara ini.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad:** Buat masa ini Kementerian saya sedang mengkaji dengan teliti cadangan mengharamkan iklan rokok di pawagam-pawagam di seluruh negara sebelum tindakan muktamad dapat diambil.

#### **KES BUNUH—MEMANSUHKAN SIASATAN AWAL**

**36. Tuan Paramjit Singh** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan ada rancangan untuk

memansuhkan siasatan awal (P.E.) bagi kes-kes bunuh memandangkan siasatan sebegitu tidak perlu dan melambatkan penyelesaian kes-kes itu di dalam mahkamah.

**Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin:** Kerajaan tidak ada cadangan bagi memansuhkan siasatan awal atau "preliminary enquiry" dalam kes-kes bunuh.

#### **BANTUAN SUBSIDI BAJA PADI—KELAYAKAN**

**37. Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kementerian akan membuat kajian mengenai tanah-tanah sawah yang tidak dikerjakan tetapi tuan-tuan punya tanah itu masih menerima bantuan subsidi baja.

**Dato' Abdul Manan bin Othman:** Petani-petani yang mengusahakan tanah mereka dan didaftarkan dengan Pertubuhan Peladang Kawasan layak diberi bantuan subsidi baja padi. Kelayakan ini pula terhad kepada keluasan 6 ekar diparas maksima dan ¼ ekar di peringkat minima. Mereka-mereka yang tidak mengusahakan sawah adalah tidak layak menerima bantuan ini. Bagaimana pun sekiranya Ahli-ahli yang Berhormat mendapati ada pihak-pihak yang tidak mengusahakan tanah mereka tetapi masih menerima bantuan bolehlah melaporkan terus ke Kementerian Pertanian.

#### **DIALOG ANTARA ASEAN DENGAN VIETNAM**

**38. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Vietnam bersedia berdialog dengan ASEAN dan juga Kerajaan Camporan Demokratik Kampuchea yang dipimpin oleh Putera Norodom Sihanouk, bagi mencari penyelesaian politik di negara tersebut.

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Pendirian ASEAN berkenaan dengan dialog dengan Vietnam untuk mencari penyelesaian politik terhadap soal Kampuchea, ialah dialog itu mestilah berasaskan kepada ketetapan Persidangan Antarabangsa berkenaan dengan Kampuchea (ICK) yang telah diadakan pada bulan Julai 1981 di bawah naungan Bangsa-bangsa Bersatu. Setakat ini Vietnam belum lagi menunjukkan bukti bahawa ia bersedia untuk menyertai usaha-usaha di bawah ICK atau mengadakan dialog berasaskan kepada ketetapan-ketetapan ICK walaupun ia pernah menyuarakan ia bersedia untuk berdialog dengan ASEAN untuk mencari penyelesaian terhadap masalah Kampuchea dan serantau. ASEAN berpendapat soal Kampuchea itu melibatkan banyak negara lain, termasuk kuasa-kuasa besar dan satu penyelesaian yang berkekalan hanya dapat dicapai sekiranya semua yang berkenaan dapat bersepakat dalam penyelesaian itu. Berkenaan dengan dialog di antara Vietnam dengan Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea pula, belum ada apa-apa pun yang telah timbul secara rasmi setakat ini, sungguhpun dahulu ada berita-berita angin yang menyatakan bahawa Vietnam bersedia untuk berdialog dengan Putera Norodom Sihanouk secara persendirian dan bukan selaku Presiden Demokratik Kampuchea.

#### **TANAH SIMPANAN KERETAPI TANAH MELAYU**

**39. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah tindakan terakhir Kementerian dan Keretapi Tanah Melayu ke atas tanah-tanah simpanan KTM yang tidak digunakan oleh KTM sendiri; serta juga bagaimana pula dengan lot-lot yang telahpun disewakan kepada syarikat-syarikat swasta yang tertentu yang mana telah melanggar syarat

yang ditetapkan oleh Pejabat Tanah yang mana tanah-tanah kerajaan yang tidak digunakan oleh KTM tidak boleh di "sub-let"kan.

**Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keputusan Kerajaan dan Pentadbiran KTM ialah Pentadbiran KTM tidak lagi memajakkan tanah rezabnya kepada pihak-pihak swasta atas sebab-sebab yang bertentangan dengan kecekapan operasi keretapi. Tambahan pula dalam masa yang sama sekumpulan pakar-pakar daripada Jepun (JICA) sedang membuat kajian mendalam terhadap pelan induk (master plan) untuk rancangan memmodernkan keseluruhan rangkaian KTM, khususnya projek pembinaan landasan tolak piawai (standard gauge) dan landasan berkembar. Dengan adanya projek ini KTM mungkin menggunakan sepenuhnya tanah lebih itu untuk pembangunan semula infrastruktur termasuk stesen-stesen baru dan lain-lain kemudahan. Oleh kerana Ordinan Keretapi 1984 memberi kuasa kepadanya di masa-masa yang lampau pihak KTM telah meluluskan secara pajakan tanah-tanahnya kepada firma-firma dan syarikat-syarikat pelanggan KTM bagi membina gudang-gudang, kilang-kilang dan sebagainya. Pemberian Pajakan-pajakan ini bertujuan untuk menggalakan penggunaan trafik melalui keretapi oleh pihak-pihak yang berkenaan serta menambahkan sumber hasil KTM.

#### **KEKURANGAN SIMEN**

**40. Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada kekurangan simen dalam negara dialami oleh pemborong Bumiputera sahaja oleh kerana mereka didiskriminasikan dan nyatakan jumlah pengedar simen Bumiputera dan Bukan Bumiputera.

**Dato' Shahrir bin Haji Abdul Samad:** Jawapan kepada soalan ini telah saya nyatakan sebagaimana dijawab 15 (a) dan saya tidak berhasrat untuk mengulangi lagi. Mengenai dengan data-data bilangan pengedar-pengedar simin Bumiputera dan bukan Bumiputera saya ingin memohon kebenaran Tuan Yang Dipertua untuk menjawabnya secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat. Disebabkan kerana data-data itu adalah banyak dan akan mengambil masa yang panjang untuk dibaca di dalam Dewan ini.

Dalam tahun 1981 terdapat sejumlah 57 pengedar Bumiputera dan 63 pengedar Bukan Bumiputera untuk simin keluaran syarikat-syarikat Tasek Cement Berhad, Associated Pan Malaysia Cement/Cement Marketing Company, Cement Industries of Malaysia dan Malaysia Industrial Mining Corporation.

Untuk tahun 1980, Bumiputera telah mengedar sejumlah 661,650 metrik ton simin dan untuk tahun 1981 ianya meningkat kepada 667,710 metrik ton. Volume edaran oleh Bumiputera dengan ini tidak turun

bahkan bertambah, tetapi peratus volume edaran Bumiputera tersebut, turun sekiranya dibandingkan dengan volume edaran bukan Bumiputera yang bertambah dengan kadar yang banyak. Ini adalah dipengaruni oleh prestasi perniagaan.

### KEMAS—AKTIVITI DI LADANG-LADANG

**41. Puan Sri Athi Nahappan** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada terdapat cadangan untuk membolehkan KEMAS membantu dan melatih kaum wanita di ladang-ladang dalam cara-cara mentadbir Ekonomi Rumah Tangga, membuat Kraftangan dan menjalankan kelas-kelas Tabika di ladang-ladang.

**Dato' Sanusi bin Junid:** KEMAS memang telah menjalankan aktiviti-aktiviti seperti Taman Bimbingan Kanak-kanak, Ekonomi Rumah-tangga dan Kumpulan Latihan Kerja (Jahitan) di ladang-ladang.

Bilangan aktiviti yang dijalankan dan jumlah peserta yang terlibat adalah seperti berikut:

<i>Jenis Aktiviti</i>	<i>Bil. Kelas</i>	<i>Bil. PM</i>	<i>Bil. Peserta</i>
1. Taman Bimbingan Kanak-kanak ..	23	23	598
2. Ekonomi Rumah Tangga .. ..	17	15	315
3. Kumpulan Latih Kerja (Jahitan) ..	22	20	408
Jumlah ..	<u>62</u>	<u>58</u>	<u>1321</u>

### BAYI—KADAR KEMATIAN

**42. Dato Yap Peng** minta Menteri Kesihatan menyatakan kadar kematian bayi di Semenanjung Malaysia bagi tahun 1963, 1973 dan 1982.

**Dato' K. Pathmanaban:** Kadar kematian bayi di Semenanjung Malaysia adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Kadar Kematian</i>
1963 .. .. .	56.80/1000 kelahiran hidup
1973 .. .. .	38.46/1000 kelahiran hidup
1980 (Yang paling akhir) ..	24.70/1000 kelahiran hidup

## PEMBAKARAN MERCUN

**43. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan tidakkah ada tindakan supaya diharamkan terus pembakaran mercun di hari-hari perayaan kaum di Malaysia ini, supaya mengelakkan kejadian yang tidak diingini berlaku, yang sengaja diambil kesempatan oleh anasir-anasir jahat, sebagaimana yang berlaku dalam letupan di Cheras baru-baru ini.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Pembakaran mercun sememangnya telah lama diharamkan di negara ini. Walau bagaimanapun saya sedar bahawa kejadian-kejadian pembakaran mercun masih juga berlaku di satu dua tempat di musim perayaan.

Adalah disyaki bahawa mercun-mercun itu diseludup masuk dari luar negeri atau dibuat sendiri secara haram dari bahan-bahan sumber api (misalnya serbuk untuk mancis api) yang dibenarkan diimport dan digunakan.

Pihak Polis memandang berat terhadap pembakaran mercun secara haram ini dan Polis sedang menyiasat laporan pembakaran mercun yang berlaku pada hari perayaan Tahun Baru Cina yang lalu. Mereka yang ditangkap dan didakwa di Mahkamah.

## PERDAGANGAN SECARA BARTER

**44. Tuan Kee Yong Wee** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian memberi keterangan lanjut tentang keinginan Malaysia menjalankan Perdagangan Barter dengan setengah negara dan bila agaknya dapat dijalankan serta faedahnya kepada Malaysia.

**Dato' Shahrir bin Haji Abdul Samad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah pun membuat keputusan supaya Malaysia mengadakan sistem dagangan secara

pertukaran barang atau "barter". Dagangan secara "barter" atau apa yang sekarang ini lebih dikenali dengan "countertrade", secara amnya bolehlah diertikan sebagai dagangan di mana pembelian import oleh negara A dari negara B di "offset" sepenuh atau sebahagiannya dengan pembelian eksport negara A oleh negara B. "Countertrade" akan digunakan bukan sebagai menggantikan dagangan cara biasa sekarang ini, tetapi sebagai peraturan dagangan tambahan sahaja, di mana ia didapati sesuai dan menguntungkan. "Countertrade" tidak akan digunakan sekiranya ia menyusahkan dan merugikan.

"Countertrade" boleh digunakan sebagai satu dasar perdagangan yang dirancang (deliberate trade policy) untuk meningkatkan perdagangan Malaysia dengan negara-negara membangun seperti Bangladesh dan Pakistan dan negara-negara lain yang mengalami kekurangan pertukaran matawang asing. "Countertrade" juga boleh digunakan dengan beberapa negara di mana Malaysia mengalami imbalan dagangan berkurangan yang berulangan (persistent). Ianya juga akan membolehkan Negara menjimatkan penggunaan pertukaran matawang asingnya.

Sepertimana dalam sistem perdagangan luar Malaysia sekarang ini, pihak swasta akan terus digalakkan untuk memainkan peranan mereka dalam menjalankan cara dagangan tambahan ini. "Countertrade" akan digalakkan di kalangan syarikat-syarikat dan organisasi-organisasi dagangan swasta, terutamanya yang terlibat dalam mengeksport bahan-bahan utama Malaysia seperti minyak kelapa sawit, minyak petroleum dan getah asli yang menghadapi masalah mendapatkan pasaran disebabkan oleh kekurangan pertukaran matawang asing yang dihadapi oleh negara-negara yang berpotensi untuk mengimport bahan-bahan utama Malaysia, dan juga disebabkan oleh kemerosotan ekonomi dunia.

Kerajaan akan menggalakkan penggunaan "countertrade" dengan memberi nasihat dan panduan dalam hal-hal mengenai "countertrade". Walau bagaimanapun Kerajaan tidak akan melibatkan diri dalam transaksi-transaksi "countertrade" sebenar. Satu Unit Khas mengenai "countertrade" akan ditubuhkan di bawah Kementerian saya dan Unit ini akan berfungsi sebagai pusat maklumat (information clearing house) mengenai "countertrade". Sebagai pusat maklumat, Unit ini akan melaksanakan tugas-tugas berikut:

- (i) Merangka dan melaksanakan polisi-polisi panduan-panduan untuk memudahkan penyelenggaraan "countertrade";
- (ii) Bertindak sebagai pusat pengumpulan dan penyiaran maklumat untuk penyelenggaraan "countertrade". Ini bermakna mengumpul dan menyebarkan seberapa banyak maklumat yang terdapat mengenai barangan yang bakal dipertukarkan (termasuk harga, gred, kuantiti) dan menyediakan satu daftar pembeli-pembeli luar negeri dan juga tempatan yang berpotensi begitu juga pengeksport-pengeksport;
- (iii) Berkhidmat sebagai tempat mengadakan hubungan/tempat rujukan bagi penyelenggaraan "countertrade";
- (iv) Memberi nasihat mengenai polisi dan arahan "countertrade" kepada agensi-agensi (procurement agencies) Kerajaan yang terlibat dalam pembelian dari luar negeri;
- (v) Memberi nasihat mengenai dasar dan arahan kepada perbadanan-perbadanan Kerajaan dan syarikat-syarikat swasta yang terlibat di dalam eksport dengan tujuan untuk

menarik mereka mengambil bahagian di dalam penyelenggaraan "countertrade"; dan

- (vi) Menghebahkan konsep "countertrade" sebagai tambahan kepada kaedah perdagangan.

Syarikat swasta boleh menjalankan "countertrade" sekarang sekiranya didapati perlu dan mereka juga boleh mendapatkan nasihat dari Unit Khas tersebut.

### PENDATANG HARAM VIETNAM KE MALAYSIA

**45. Tuan Loh Kee Peng** minta Perdana Menteri menyatakan semenjak bulan Januari, 1982 hingga bulan Februari, 1983 berapakah jumlah pelarian Vietnam/Kampuchea yang telah mendarat ke tanah air kita; dan jumlah pelarian yang masih tinggal di Malaysia dan dimanakah mereka ditempatkan.

**Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin:** Untuk maklumat Yang Berhormat jumlah pelarian Vietnam yang mendarat di negara ini dari bulan Januari, 1982 hingga Februari, 1983 ialah seramai 16,427 orang.

Baki yang masih berada di negara ini sehingga 15hb Mac, 1983 ialah seramai 8,495 orang. Daripada jumlah ini 4,532 Pendatang Haram Vietnam yang berada di Kem Penempatan Sementara di Pulau Bidong, Trengganu dan selebihnya seramai 3,963 orang yang telah pun dipilih untuk dipindahkan ke negara ketiga ditempatkan di Kem Transit Sungai Besi, Kuala Lumpur.

### LAPANGAN TERBANG BARU IPOH

**46. Dato' Chin Kim Yoong** minta Menteri Pengangkutan menyatakan kemajuan atas projek lapangan terbang baru bagi menggantikan Lapangan Terbang Ipoh sekarang dan nyatakan jumlah peruntukannya serta bila projek ini akan siap.

**Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:** Juruperunding yang dilantik bagi projek ini telah mengemukakan pelan induk bagi sebuah Lapangan Terbang baru di Ipoh.

Pada masa ini Kementerian saya bersama-sama dengan agensi Kerajaan yang berkaitan sedang meneliti laporan pelan induk tersebut. Keputusan untuk pelaksanaan projek ini seterusnya hanya akan dibuat setelah pihak Kerajaan membuat pertimbangan dan keputusan atas pelan induk yang dikemukakan itu.

Dengan yang demikian tarikh siap dan jumlah peruntukan untuk projek ini hanya dapat ditentukan setelah keputusan ke atas kajian pelan dibuat oleh Kerajaan.

#### **PENGIMPORAN SAYUR-SAYURAN**

**47. Tuan D. P. Vijandran** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) Jumlah perbelanjaan pada masa ini ke atas pengimportan sayur-sayuran ke Malaysia.
- (b) Langkah-langkah yang sedang diambil untuk menambahkan hasil sayur-sayuran tempatan.

**Dato' Abdul Manan bin Othman:**

- (a) Angka jumlah perbelanjaan pengimportan sayur-sayuran ke Malaysia yang terbaru yang diperolehi oleh Kementerian ialah jumlah perbelanjaan di dalam tahun 1981. Di dalam tahun 1981, sejumlah \$183,580,600 telah dibelanjakan untuk mengimport sayur-sayuran. Semenanjung Malaysia mengimport sayur-sayuran bernilai \$161,922,300 Sabah \$11,079,800 dan Sarawak \$10,578,500.
- (b) Di antara langkah-langkah itu ialah mewujudkan dan melaksanakan Skim Pemasaran dan Pengeluaran Sayur-Sayuran

Bersepadu yang telah pun dimulakan pada Mac, 1982.

#### **KERJA-KERJA MENGOREK JALAN—PENYELARASAN**

**48. Tuan Fadzil bin Mahmood** minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada Kementerianya akan menyelaraskan kerja-kerja mengorek jalan-jalan yang dibuat oleh lain-lain Jabatan seperti L.L.N., Telekom.

**Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman:** Kementerian saya melalui Jabatan Kerja Raya diperingkat Ibu Pejabat, negeri dan daerah memang sentiasa mengadakan hubungan rapat dengan Jabatan-jabatan lain seperti L.L.N., Telekom dan Air untuk menyelaraskan kerja korek-mengorek di permukaan jalan. Walau bagaimanapun terdapat masalah yang tidak dapat dielakkan sepenuhnya kerana setiap Jabatan ada keutamaannya masing-masing dan mendapat peruntukan di masa yang berlainan. Sekiranya setiap projek dalam satu kawasan dimulakan serentak. Pelaksanaannya juga tidak dapat dikawal kerana ada projek yang mengambil masa yang lebih panjang kerana penglibatan kajian pakar-pakar perunding dan tempahan bekalan yang mengambil masa yang lama. Projek-projek lain tidak dapat dibekukan semata-mata untuk dikordinasikan dengan projek yang lambat kerana sebab-sebab tertentu.

#### **MAHKAMAH TINGGI BORNEO—MEMINDA NAMA**

**49. Datuk G. Pasamanickam** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau bercadang meminda nama "Mahkamah Tinggi Borneo" ke "Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak", supaya ianya mencerminkan identiti kebangsaan Malaysia.

**Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin:** Kerajaan memang sedar akan kegunaan

perkataan-perkataan “Mahkamah Tinggi Borneo” sepertimana diperuntukkan dalam Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, kegunaan perkataan-perkataan tersebut selanjutnya adalah dalam perhatian Kerajaan untuk kajian.

### KENAIKAN BAYARAN RAWATAN—PROPAGANDA

**50. Puan Hajjah Hafsa binti Osman** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa ada setengah pihak di hospital-hospital di negara kita ini menyebarkan diayah memburuk-burukkan Kerajaan berhubung dengan kenaikan bayaran rawatan di hospital baru-baru ini; jika sedar nyatakan tindakan yang diambil oleh Kerajaan terhadap mereka itu.

**Dato' K. Pathmanaban:** Kementerian saya tidak mempunyai maklumat mengenai kakitangan hospital yang membuat propaganda yang memburuk-burukkan Kerajaan, berhubung dengan kenaikan bayaran rawatan pesakit-pesakit.

Walaupun bagaimanapun, saya suka menyakinkan Yang Berhormat bahawa Kementerian saya akan menjalankan penyiasatan sekiranya terdapat kejadian-kejadian seperti yang disebutkan itu. Adalah diharap juga bahawa Yang Berhormat dapat memberikan kami butir-butir yang diperlukan untuk membolehkan kita menyiasatnya.

### BANDUAN LARI DARI PENJARA

**51. Tuan K. Kumaran** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan jumlah banduan yang melepaskan diri dari penjara-penjara seluruh Malaysia semenjak tahun 1980 dan jumlah banduan yang telah diberkas semula serta langkah-langkah yang diambil oleh pihak berkuasa untuk

mengelakkan perkara ini daripada berlaku lagi.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Jumlah banduan yang melepaskan diri dari penjara-penjara seluruh Malaysia semenjak tahun 1980 ialah seramai 62 orang dan seramai 51 orang daripada yang melepaskan diri ini telah ditangkap semula.

Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengelakkan perkara ini dari berlaku lagi ialah:

- (a) Memperkuatkan dan memperkukuhkan bilik-bilik kurungan, bangunan-bangunan dan tembok-tembok penjara yang sedia ada, dan menyediakan kemudahan asas yang sesuai, selesa dan munasabah di penjara-penjara.
- (b) mengadakan program-program pemulihan di penjara-penjara untuk membangkitkan kesedaran dan menanamkan keinsafan tiap-tiap banduan bagi menyediakan mereka kembali ke pangkuan masyarakat apabila tamat tempoh hukuman kelak.
- (c) Semua Ketua-ketua Institusi Penjara telah diberi arahan supaya sentiasa memberi pengawasan yang lebih rapi lagi efektif terhadap pentadbiran penjara masing-masing.

### MAJLIS PENASIHAT PELAJARAN TINGGI

**52. Tuan Tan Chang Soon** minta Menteri pelajaran menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan akan menghidupkan semula Majlis Penasihat Pelajaran tinggi, memandangkan pembangunan yang giat dalam bidang pelajaran tinggi di negara; dan
- (b) jika ianya tujuan Kerajaan untuk berbuat demikian, bila ia dibuat dan jika tidak, mengapa.

**Dato' Mohamed Khalil Yaakob:** Kementerian setakat ini belum merancang untuk menghidupkan semula Majlis Penasihat Pelajaran Tinggi yang telah dibubar pada tahun 1976. Sebenarnya bidang tugas yang dipertanggungjawabkan kepada Majlis Penasihat Pelajaran Tinggi dahulu sedang dilaksanakan oleh beberapa badan-badan tertentu yang terlibat dengan pembangunan dan perkembangan pelajaran tinggi di negara ini. Di peringkat yang paling tinggi terdapat Jawatankuasa Perancangan Pelajaran yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan dianggotai oleh pegawai-pegawai tinggi Kementerian Pelajaran yang bertanggungjawab sebagai kuasa pemutus dan penggubal dasar di Kementerian Pelajaran. Cadangan-cadangan mengenai perkembangan dan pembangunan pelajaran tinggi seperti cadangan baru bagi menubuhkan kampus cawangan, jabatan, fakulti, pusat pengajian, dan juga cadangan mengadakan kursus-kursus baru disalurkan kepada Jawatankuasa ini setelah dikaji dan diteliti oleh Jawatankuasa Kecil Pelajaran Tinggi.

Di peringkat yang melibatkan universiti secara langsung terdapat persidangan Naib Canselor yang dianggotai oleh Naib Canselor—Naib Canselor universiti-universiti adalah merupakan Badan Penyelaras kepada universiti-universiti. Di samping itu di tiap-tiap universiti juga terdapat Senate dan Majlis Universiti masing-masing yang juga menjalankan tugas pengawalan dan perkembangan universiti masing-masing.

Dengan yang demikian adalah dirasai bahawa badan-badan yang telah disebutkan ini dapat menjamin kepentingan pelajaran tinggi di negara ini pada keseluruhannya buat masa ini.

## CUTI MINGGUAN— MENSERAGAMKAN

**53. Tuan M. K. Muthusamy** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai apa-apa cadangan untuk menyeragamkan cuti mingguan bagi seluruh negara memandangkan ada beberapa negeri yang cuti minggunya tidak sama dengan negeri-negeri lain.

**Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin:** Sememangnya Kerajaan mempunyai cadangan untuk menyeragamkan cuti hujung minggu bagi seluruh negara. Walau bagaimanapun, sebelum apa-apa tindakan diambil, kajian dari segi efek ke atas pembangunan ekonomi negara perlulah dijalankan dan pandangan serta kepentingan Kerajaan-kerajaan Negeri dipertimbangkan dengan teliti. Ahli Yang Berhormat itu tentu sedia maklum bahawa di bawah Perkara 74, Perlembagaan Persekutuan, Kerajaan-kerajaan Negeri adalah berhak untuk menentukan cuti mingguan masing-masing.

Oleh kerana wujudnya berbagai pendapat di kalangan Kerajaan-kerajaan Negeri serta tidak ada persetujuan di dalam pemilihan hari bagi cuti hujung minggu yang boleh diterima oleh semua pihak, maka hasrat untuk menyeragamkan cuti mingguan bagi seluruh negara belum lagi dapat dilaksanakan pada masa ini.

## KERUGIAN KERETAPI TANAH MELAYU

**54. Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar tentang kerugian yang dialami oleh pihak Keretapi Tanah Melayu khasnya di antara Stesen Tumpat/Pasir Mas dan Rantau Panjang di mana ramai penumpang-penumpang tidak membeli tiket keretapi dan jika sedar apakah tindakan beliau akan ambil.

**Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:** Saya sedar tentang kerugian yang dialami oleh pihak Keretapi Tanah Melayu khususnya di antara Stesen Tumpat/Pasir Mas dan Rantau Panjang. Namun begitu, kerugian tersebut bukannya semata-mata disebabkan oleh ramai penumpang-penumpang tidak membeli tiket keretapi. Kerugian itu adalah kerana hasil yang diperolehi dari cawangan ini tidak mencukupi untuk membiayai perbelanjaan operasi yang tinggi di cawangan ini. Mengikut kiraan, purata perbelanjaan untuk membiayai cawangan ini ialah sebanyak lima ratus ribu ringgit setahun manakala hasil yang diterima di cawangan ini hanya seratus ribu ringgit setahun sahaja.

Soal penumpang-penumpang menggunakan keretapi tanpa membeli tiket memang berlaku, tetapi ini bukanlah satu faktor yang terbesar menyebabkan kerugian pada cawangan ini. Kerugian cawangan ini adalah lebih disebabkan oleh "traffic volume" yang tidak begitu besar untuk membolehkan cawangan ini menjadi satu cawangan yang menguntungkan.

Untuk mengatasi masalah penumpang-penumpang tidak membeli tiket atau membayar tambang, pemeriksaan tiket dibuat oleh Merinyu Tiket dan dari semasa ke semasa pemeriksaan mengejut dibuat oleh kumpulan pegawai dari Pejabat-pejabat Daerah dan dari Ibu Pejabat Keretapi Tanah Melayu, dan mereka yang didapati tidak mempunyai tiket akan dikenakan bayaran "surcharge".

#### LAPANGAN TERBANG IPOH— KAJIAN UBAHSUAI

**55. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan** minta Menteri Pengangkutan menyatakan kedudukan tentang kajian untuk mengubahsuai atau mengubah ke tempat lain Lapangan Terbang Ipoh; dan seterusnya nyatakan keputusan Kerajaan dan tarikh pelaksanaannya.

**Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:** Lapangan Terbang Ipoh yang ada sekarang tidak boleh menampung keperluan pesawat-pesawat yang lebih besar dari jenis F27 dan ianya hanya boleh digunakan di waktu siang dan dalam keadaan cuaca yang baik sahaja. Pengubahsuaian atau pembesaran lapangan terbang tersebut itu juga tidak mungkin dapat dijalankan oleh sebab terdapat keadaan bukit-bukau di sekelilingnya. Oleh kerana lapangan terbang itu tidak dapat diperbesarkan lagi, Kerajaan telah pun melantik sebuah firma perunding untuk menjalankan kajian bagi mengadakan sebuah lapangan terbang baru di Ipoh.

Juruperunding yang berkenaan telah pun mengemukakan pelan induk bagi sebuah lapangan terbang baru di Ipoh. Pada masa ini Kementerian saya bersama-sama dengan agenis-agensi Kerajaan yang berkaitan sedang meneliti laporan pelan induk tersebut. Keputusan untuk pelaksanaan projek ini seterusnya hanya akan dibuat setelah Kerajaan membuat pertimbangan dan keputusan atas pelan induk yang dikemukakan itu.

#### STESYEN MINYAK BUMIPUTERA/BUKAN BUMIPUTERA

**56. Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jumlah Bumiputera dan Bukan Bumiputera yang menjadi tuannya Stesyen Minyak Petrol dan Diesel bagi setiap Syarikat minyak dalam negara ini.

**Dato' Shahrir bin Haji Abdul Samad:** Mengikut angka-angka seperti yang ada pada penghujung tahun 1981, bilangan tuan punya Stesyen Minyak Petrol dan Diesel mengikut pecahan Bumiputera dan Bukan Bumiputera adalah seperti berikut:

- (i) Perusahaan Stesyen-stesyen Minyak—
  - (a) Bumiputera .. .. 228 (18.08%)
  - (b) Bukan Bumiputera .. 1033 (81.92%)
- (ii) Pengedaran Berbagai Keluaran Diesel—
  - (a) Bumiputera .. .. 95 (17.66%)
  - (b) Bukan Bumiputera .. 452 (82.34%)

## WARGANEGARA MALAYSIA MEMILIKI DUA PASPOT

**57. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah Kementerian sedar ramai warganegara Malaysia mempunyai dua paspot, jika sedar;

- (i) bilangan yang telah dapat dikesan; dan
- (ii) tindakan yang akan diambil ke atas mereka.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya memang sedar adanya warganegara Malaysia yang memilik dua paspot. Keadaan ini boleh berlaku disebabkan semasa membuat permohonan baru, pemohon tidak mengistiharkan bahawa beliau sudahpun mempunyai paspot. Walau bagaimanapun mereka ini tentunya dapat dikesan selepas daripada permohonan itu dibuat.

Jumlah warganegara yang memiliki dua paspot yang dapat dikesan sejak tahun 1980 adalah seramai 242 orang.

Apabila dikesan, mereka didakwa di bawah Akta Paspot, 1966. Setelah itu tindakan berikutnya adalah merampas kembali paspot-pasport berkenaan dan seterusnya menahan orang-orang ini daripada memiliki sebarang paspot untuk suatu ketika yang tertentu tertakluk kepada merit sesuatu kes.

## BUMIPUTERA DALAM DASAR EKONOMI BARU—MATLAMAT

**58. Tuan D. P. Vijandran** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada matlamat Dasar Ekonomi Baru untuk kaum Bumiputera boleh dicapai dalam semua sektor menjelang tahun 1980.

**Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin:** Kerajaan sedang berusaha dengan gigihnya untuk menentukan matlamat Dasar

Ekonomi Baru tercapai menjelang tahun 1990. Sebagaimana yang harus dimaklum, penetapan matlamat tersebut adalah didasarkan kepada beberapa andaian diantaranya ialah pertumbuhan ekonomi yang sihat, pelaburan modal asing yang menggalakkan serta penglibatan sektor swasta yang lebih giat. Sekiranya segala yang diandaikan itu menjadi kenyataan, saya yakin matlamat Dasar Ekonomi Baru boleh dicapai menjelang tahun 1990.

Penilaian pencapaian Dasar Ekonomi Baru sentiasa mengawasi kemajuan yang dicapai serta menimbang langkah-langkah bagi melipatgandakan usaha-usaha ke arah pencapaian matlamat tersebut. Peranan Perbadanan Awam yang dianggap sebagai agensi-agensi amanah seperti MARA, PKEN-PKEN, PERNAS, UDA, FIMA, Bank Pembangunan, Perbadanan Nasional Berhad, Bank Bumiputera adalah penting sekali dalam menentukan pencapaian dalam berbagai sektor. Prestasi agensi-agensi ini akan dipertingkatkan lagi dan jika perlu peruntukan bagi maksud tersebut akan ditambah.

Ternyata usaha bagi menentukan pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru memerlukan galakan dan sokongan penuh dari semua pihak Kerajaan, sektor swasta dan rakyat. Rakyat hendaklah sama-sama membuktikan kesefahaman, kejujuran, kesanggupan, kerajinan dan kegigihan untuk mencapai matlamat negara.

## PERNIAGAAN TUKARAN WANG ASING TANPA LESEN

**59. Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad** minta Menteri Kewangan menyatakan mengapa Kerajaan tidak mengadakan kawalan ke atas penukar-penukar wang tanpa lesen yang di Tambak Johor yang mengambil untung yang berlebihan

dengan menukar wang dengan kadar \$111—112 bagi setiap \$100 Singapura pada hal pertukaran wang berlesen hanya mengenakan kadar rasmi iaitu \$109—110 Malaysia dan mengapa Kerajaan tidak mengadakan satu tempat pertukaran wang di Tambak Johor bagi semua rakyat yang hendak membelibelah di Singapura.

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Adalah menjadi satu kesalahan di sisi undang-undang untuk menjalankan perniagaan tukaran wang asing tanpa mendapat lesen daripada Bank Negara. Saya difahamkan bahawa sekali-sekala saja terdapat orang-orang yang menjalankan tukaran wang asing secara haram itu di Tambak Johor. Kerajaan sedang mengawasi perkara ini dan akan bertindak untuk memberhentikan perniagaan secara haram itu.

Kerajaan juga sedar betapa pentingnya untuk menyediakan kemudahan tukaran wang asing di Tambak Johor terutama sekali untuk pelancung-pelancung yang ingin datang ke Malaysia dan rakyat Malaysia sendiri yang balik dari luar negeri yang memerlukan matawang Malaysia. Sebuah bank perdagangan telah pun diminta untuk menubuhkan satu cawangan di Tambak Johor untuk maksud ini tetapi tempat yang sesuai telah tidak diperolehi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak ada kadar-kadar tertentu yang ditetapkan dalam tukaran wang asing dan penukar-penukar wang berlesen adalah bebas untuk menentukan kadar jual dan beli tukaran wang asing mengikut keadaan pasaran semasa. Setakat ini terdapat 26 penukar-penukar wang berlesen dan 11 cawangan-cawangan bank perdagangan di Johor Bahru. Dengan ini adalah diharapkan orang ramai dapat memperoleh matawang Singapura dengan secukupnya tanpa mendapatkannya dari penukar-penukar wang haram di Tambak Johor.

## RANG UNDANG- UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG ODIT (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.41 *ptg.*

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Odit 1957 dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini adalah bertujuan membuat beberapa pindaan kepada Akta Odit bagi maksud menyesuaikan dan menyelaraskan peruntukan-peruntukan tertentu dalam Akta itu dengan kehendak Akta Badan-badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) tahun 1980 dan juga membuat persamaan mengenai saraan Ketua Odit Negara. Di samping itu pindaan ini ialah bagi mengemaskan lagi peruntukan undang-undang yang wujud sekarang ini dan juga bagi memperluaskan lagi skop tanggungan amanah awam (public accountability) kepada semua badan berkuasa awam dan badan-badan yang menguruskan wang awam.

Dengan pindaan ke atas Akta Odit yang dibuat dalam tahun 1978 dan dengan pindaan sekarang ini, maka Ketua Odit Negara adalah diberi mandat bagi menjalan dan memperhebatkan lagi tiga aspek penting oditan yakni odit kewangan, odit compliance dan odit prestasi. Dengan memberi Ketua Odit Negara mandat tersebut maka adalah menjadi hasrat dan tujuan Kerajaan bagi menentukan tanggungan amanah awam dalam penggunaan wang awam yang teratur, pencapaian objektif dan peningkatan prestasi aktiviti-aktiviti Kerajaan akan disiasat dan dilaporkan kepada Kerajaan dan Parlimen.

Tuan Yang Dipertua, satu Akta bernama Akta Badan-badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) tahun 1980 telah pun diluluskan pada tahun 1980. Akta ini yang berkuatkuasa mulai 1hb Januari, 1982 menghendaki Penyata Akaun Tahunan semua Badan-badan Berkanun Persekutuan disediakan dalam tempoh 6 bulan selepas akhir tahun dan didiot oleh Ketua Odit Negara. Dengan itu kerja mengodit akaun Badan-badan Berkanun akan tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta Odit 1957. Oleh itu dengan adanya Akta Badan-badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 tersebut, maka peruntukan yang berkenaan dalam Akta Odit perlu diubahsuai supaya ianya boleh dipakai untuk mengodit akaun Badan-badan Berkanun sama seperti mengodit akaun-akaun Kerajaan Persekutuan, akaun-akaun Kerajaan-kerajaan Negeri dan akaun-akaun Badan Kerajaan yang tertakluk kepada pemeriksaan Odit oleh Pejabat Ketua Odit Negara.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan dalam Fasal 2 dan 3 Rang Undang-undang ini adalah untuk maksud tersebut dan adalah selaras dengan kehendak Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang yang menubuhkan badan-badan awam. Perlu dinyatakan di sini bahawa dengan pindaan ini sebutan Pentadbiran Keretapi tidak dikekalkan dalam Akta Odit ini. Sebutan Pentadbiran Keretapi dalam undang-undang yang ada sekarang ini ialah kerana Ordinan Keretapi tiada memperuntukan tentang odit kira-kiranya dan oleh itu telah disebut khas dalam Akta Odit. Dengan adanya Akta Badan-badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) tahun 1980, maka sebutan tersebut tidaklah lagi perlu dalam Akta Odit ini.

Pindaan di Fasal 6 adalah untuk memperkemas peruntukan yang sedia ada dalam Akta Odit, dengan

pindaan kepada Seksyen 5 (d) akan membolehkan Ketua Odit Negara jika perlu untuk memeriksa dan mengodit syarikat-syarikat yang Kerajaan mempunyai kepentingan lebih daripada 50% modal berbayar. Ini berbanding dengan peruntukan yang sedia ada yang memberi kuasa odit kepada Ketua Odit Negara ke atas syarikat-syarikat yang Kerajaan mempunyai kepentingan modal berbayar sebanyak lebih dari 51%.

Pindaan-pindaan di Fasal 7 pula dengan mengadakan peruntukan tambahan bagi maksud memberi perhatian terhadap keselamatan harta-benda awam yang mana ada pada masa ini tidak dinyatakan dengan sempurna dalam Akta Odit.

Tuan Yang Dipertua, Akta Odit menetapkan gaji dan lain-lain faedah bagi jawatan Ketua Odit Negara. Selaras dengan perubahan gaji dalam sektor awam, Ketua Odit Negara juga telah mendapat perubahan gaji dan elaun-elaun dan ini adalah berkuatkuasa mulai 1-7-1980. Oleh itu, Fasal 4 Rang Undang-undang ini dan Jadual berkenaan juga memperuntukkan jumlah gaji, kadar elaun dan lain-lain faedah bagi seseorang Ketua Odit Negara yang dilantik dari kalangan anggota Perkhidmatan Awam atau dari luar perkhidmatan. Untuk memudahkan cara meminda gaji dan lain-lain faedah jawatan itu apabila perubahan tanggaji Pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam berlaku, Rang Undang-undang ini membuat peruntukan bagi Yang Dipertuan Agong meminda Jadual Berkenaan melalui perintah dalam Warta Kerajaan dan perintah tersebut hendaklah dibentangkan dalam kedua Dewan Parlimen.

Lain-lain pindaan yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini hanya untuk mengemaskan peruntukan-peruntukan yang sedia ada dan merupakan pindaan-pindaan "consequential". Butir-butir pindaan

ada dijelaskan lebih lanjut dalam Huraian kepada Rang Undang-undang.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Haji Mohamed bin Nasir):** Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah dihadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Odit 1957 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

*3.50 ptg.*

**Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah:** Tuan Yang Dipertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang untuk meminda Akta Odit 1957 ini.

Saya pandang ianya bukan sahaja dapat mengemas Rang Undang-undang dan meluaskan amanah awam, badan berkanun orang-orang awam tetapi juga supaya menjalankan kewangan-kewangan yang penting dalam negara kita ini secara teratur dan dapat disiasat dalam semua bidang bersangkutan dengan Kerajaan ataupun badan-badan berkanun dalam negeri ini.

Tuan Yang Dipertua, saya hendak mengusulkan dua tiga sahaja sungguhpun saya rasa kecil tetapi pada pendapat saya berpatutan berhubung dengan Pegawai-pegawai Odit dalam tanahair kita ini. Dewan ini patut memberi terima kasih dan tahniah kerana ada kepincangan-kepincangan yang berlaku dalam negara kita tetapi beberapa orang pegawai-pegawai kita telah menunjukkan kerja yang bersungguh-sungguh berdedikasi dan menunjukkan contoh yang berguna, kita tidak kalah sebagai odit diseluruh negara Asia yang saya tahu. Tahniah kepada Pegawai-pegawai Odit dalam negara kita ini.

Tetapi, Tuan Yang Dipertua, saya berfikir yang kehadiran ini, Ketua Odit Negara, kita tidak nafikan yang ada sekarang, tetapi mungkin yang akan datang kita hendaklah mempunyai seorang tokoh odit yang benar-benar bertanggungjawab, yang berdisiplin, yang betul-betul beramanah, sebagaimana yang dikatakan oleh Perdana Menteri kita ini dikaji benar-benar secara menyeluruh maka dialah yang akan dilantik menjadi Ketua Odit Negara yang paling penting bagi negara kita ini.

Saya memuji Kerajaan di bawah pentadbiran Perdana Menteri kita kerana memberi peluang kepada semua suratkhbar mengeluarkan apa juga kepincangan berhubung dengan Laporan Odit Negara. Mungkin perkara ini kita terlalu pantas dan terlalu berani, atau bersikap begitu berani saya pandang dan ada juga kesan-kesan yang saya rasa kurang begitu bijaksana tetapi pada umumnya inilah satu ubat yang sebenarnya supaya perjalanan odit negara kita mengawal kewangan institusi Kerajaan ataupun badan-badan berkanun kita dapat diselaraskan, dan disegerakan serta membetulkan jalan yang sebaik-baiknya. Kita tidak dapat nafikan berlaku dalam negeri kita ini supaya didedahkan di dalam suratkhbar beberapa perkara kewangan yang telah pecah amanah tetapi diharap dengan mengadakan pegawai-pegawai Kerajaan yang cekap di masa yang akan datang dan diberikan gaji yang bersesuaian.

Saya menyokong Kerajaan menambah gaji Pegawai-pegawai Odit dan Akauntan di negara kita ini juga supaya perjalanan negara kita dalam masalah kewangan yang kita tahu ada beberapa ajensi-ajensi Kerajaan yang memalukan negara ini. Banyak sangat perkara yang saya rasa memalukan dalam keadaan kewangan dan perjalanan di samping kita megah dengan beberapa kejayaan-kejayaan yang cemerlang dalam negara kita ini.

Sebab itu saya berpendapat sudah sampai masanya Kerajaan menimbangkan, mengambil Pegawai-pegawai Odit Negara kita ini dan termasuk Akauntan-akauntan di negara kita juga, pegawai-pegawainya cekap dan benar-benar yang dapat perhatian sewajarnya ditugaskan mereka di peringkat pusat dan tiap-tiap negeri diseluruh tanahair kita ini, dan gaji mereka diseimbangkan dengan kerja mereka yang kita amanahkan demi kemantapan negara dan nama baik negara kita di masa yang akan datang melalui contoh tauladan seperti yang saya sebutkan itu.

Saya rasa dalam ASEAN ini selain daripada Malaysia, ada negara-negara yang oditnya boleh kita jadikan contoh. Saya tidak mahu sebutkan negara itu, saya pun tidak perlu sebutkan negeri Jepun tetapi dalam ASEAN sendiri, Odit Negara, Akauntan-akauntan Negara dalam negara ASEAN sudah sampai masanya dibuat satu persidangan mengambil beberapa keputusan dan analisa yang berguna supaya negara-negara ASEAN berjaya mengawal perbelanjaan kewangan, satu sen pun wang negara adalah tepat dan kena agar ianya tidak terbiar dan disia-siakan.

Sebab itu saya mengusulkan kepada Kerajaan supaya mengadakan satu perjumpaan seluruh ASEAN, kalau perlu termasuk negeri Jepun, sebab kita pandang ia adalah sebuah negara yang kita hendak jadikan contoh supaya mengadakan satu persidangan Odit-odit Negera khususnya supaya kita lebih-lebih lagi mantap dalam bahagian kewangan negara kita dalam menuju ASEAN yang membangun dalam erti-kata yang sebenarnya; dan Malaysia yang sebenarnya agar dapat kita meninggikan lagi dalam perkara-perkara yang tersebut.

Saya menyokong Akta ini dengan sepenuhnya.

3.56 ptg.

**Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin:** Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ibrahim Abdullah yang telah pun mengucapkan setinggi-tinggi tahniah khususnya kepada Ketua Odit Negara dan juga seluruh kakitangan-kakitangan Jabatannya di atas kejayaan mereka memberi perkhidmatan yang cemerlang dan memberi suatu prestasi yang boleh kita banggakan dalam menjalankan tugas-tugas mereka.

Saya yakin dan percaya kata-kata alaiun dan kata-kata syabas dan tahniah itu akan menjadi suatu perangsang dan lebih-lebih lagi kepada Ketua Odit Negara dan seluruh kakitangan-kakitangannya untuk berkhidmat dengan lebih gigih, dengan lebih cemerlang lagi di masa-masa yang datang demi kepentingan negara kita khususnya bagi memperkemaskan kerja-kerja odit yang begitu banyak untuk hendak diuruskan di dalam negara kita ini.

Tuan Yang Dipertua, Saya juga mengucapkan banyak-banyak terima kasih di atas syor-syor dan pandangan-pandangan yang bernas termasuklah pandangan Yang Berhormat supaya diadakan satu persidangan Ketua-ketua Odit Negara-negara ASEAN termasuk negara-negara lain seperti Jepun dan sebagainya. Ini adalah satu pandangan yang saya anggap baik dan insya Allah cadangan itu akan diberi pertimbangan yang sewajarnya oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Sekian dan dengan ini, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang Dipertua:** Sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Rang Undang-undang dibaca kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang Dipertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 9 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.*

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH JENGA

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.00 ptg.

**Menteri Kemajuan Tanah dan kemajuan Wilayah (Dato' Rais Yatim):** Tuan Yang Dipertua, dengan hormatnya saya mohon mencadangkan iaitu suatu Rang Undang-undang yang dinamakan Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka, 1983 dibaca kali kedua sekarang.

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah bagi menubuhkan Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka iaitu sebuah Lembaga yang akan mengambil alih tugas dan tanggungjawab Perbadanan Kemajuan Jengka (PKJ), yakni sebuah badan berkanun Kerajaan.

Perbadanan Kemajuan Jengka yang terdahulu dari ini dikendalikan oleh Kerajaan Negeri Pahang telah ditubuhkan dalam tahun 1971 merupakan sebuah agensi pembangunan wilayah yang pertama

dusahkan di negara ini. Penubuhan Perbadanan Kemajuan Jengka oleh Kerajaan Negeri Pahang adalah bertujuan untuk melaksanakan tugas-tugas dan tanggungjawab antara lain:

- (a) Menyelaraskan segala aktiviti pembangunan melainkan pembangunan pertanian di Wilayah Jengka Tiga Segi; dan
- (b) Membangunkan 3 buah bandar iaitu:
  - (i) Bandar Pusat Jengka.
  - (ii) Bandar Barat Daya.
  - (iii) Bandar Tenggara dan projek-projek yang bersampingan dengannya.

Kawasan Perbadanan Kemajuan Jengka ini adalah seluas 121,500 hektar iaitu meliputi seluruh kawasan Jengka Tiga segi. Pembangunan petanian merupakan aktiviti utama di kawasan ini. Seluas 81,000 hektar telah diperuntukan bagi maksud pertanian. Lembaga Kemajuan Tanah Pesekutuan (FELDA) adalah agensi utama yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan pembangunan pertanian.

Mengikut perancangan, keseluruhan Jengka Tiga Segi akan mempunyai penduduk antara 150,000 hingga 160,000 orang di akhir tahun 1990. Ini termasuklah 100,000 orang dalam sektor pertanian dan 50,000 hingga 60,000 orang merupakan penduduk tiga buah bandar yang dirancangan itu.

Secara umumnya, pelaksanaan pembangunan pertanian di kawasan Jengka Tiga Segi ini adalah satu perkara yang boleh dibanggakan. Sehingga ini sebanyak 31 buah rancangan kemajuan tanah telah dimajukan oleh FELDA dengan tanaman kelapa sawit dan getah dengan melibatkan lebih dari 85,000 orang penduduk. Sungguhpun begitu kemajuan pembangunan bandar-bandar yang menjadi tanggungjawab Perbadanan Kemajuan Jengka adalah

lembab. Dari tiga buah bandar yang dirancangan, hanya Bandar Pusat Jengka sahaja yang telah mula dibangunkan. Prestasi bangunan bandar pusat Jengka pula adalah jauh ketinggalan daripada matlamat yang telah dirancangan.

Ada tiga masalah utama yang dihadapi oleh PKJ yang menyebabkan projek-projek yang telah dirancangan itu tidak dapat dilaksanakan seperti tujuan-tujuan asal. Pertama-nya ialah masalah kewangan, kedua masalah kakitangan dan ketiga masalah hakmilik tanah.

Kerajaan Negeri Pahang telah mengkaji masalah yang dihadapi oleh PKJ ini dengan sedalam-dalamnya terutama sekali mengenai masalah kewangan. Dalam mesyuarat Majlis Tindakan Negara pada 3hb Ogos, 1982 Kerajaan Persekutuan telah bersetuju dengan permintaan Kerajaan Negeri supaya PKJ diambilalih oleh Kerajaan Persekutuan dan seterusnya sebuah Lembaga Kemajuan Wilayah yang baharu ditubuhkan bagi kawasan Jengka.

Sebagai sebuah Lembaga yang baharu, Kerajaan Negeri Pahang telah bersetuju supaya peranan dan tugas Lembaga ini diperluaskan untuk meliputi pembangunan kampung-kampung tradisional di luar kawasan FELDA Jengka Tiga Segi. Bagi menentukan supaya semua Lembaga Kemajuan Wilayah termasuk Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka memainkan peranan ke arah matlamat dan tujuan yang telah ditetapkan, Kementerian saya akan memberikan perhatian yang serius terhadap sistem pengesanan dan penilaian (monitoring and evaluation) ke atas Lembaga Kemajuan Wilayah supaya segala masalah dan kelemahan yang dihadapi oleh Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah akan segera dapat diatasi dan diperbaiki. Perlaksanaan dan tanggungjawab Lembaga Kemajuan Wilayah memerlukan rundingan

dengan Kerajaan-kerajaan negeri yang berkenaan termasuklah Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka ini. Oleh itu Kementerian saya akan sentiasa menghubungi Kerajaan-kerajaan negeri bagi menentukan wujudnya kerjasama yang erat dan seterusnya menentukan supaya matlamat Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka ini adalah menepati sasaran.

Dengan lulusnya Rang Undang-undang ini, Tuan Yang Dipertua, maka jumlah Lembaga Kemajuan Wilayah di bawah sayap Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah ialah 7. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Lembaga-lembaga yang lain ialah seperti berikut:

DARA di negeri Pahang.

KEJORA di negeri Johor.

KETENGAH di negeri Trengganu.

KESEDAR di negeri Kelantan.

DEDA di negeri Kedah dan baharu-baharu ini.

PERDA di Pulau Pinang.

Dengan wujudnya Jengka maka sejarah pembangunan Jengka Tiga Segi yang asal itu akan berubah dan perubahan ini akan membawa beberapa manfaat dan faedah bagi penduduk-penduduk di sekitar kawasan tersebut.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

**Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin:** Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk memperbadankan Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka dan untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang Dipertua  
*mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 37* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Jadual Pertama* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Jadual Kedua* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN TEMPATAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.13 ptg.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan S. Subramaniam):** Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan iaitu Suatu Akta untuk meminda Akta Kerajaan Tempatan 1976, dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang Dipertua, pindaan kepada seksyen 102 (s) adalah perlu untuk memberi pengecualian kepada golongan profesional daripada dikenakan lesen oleh penguasa-penguasa tempatan atas alasan bahawa golongan profesional tersebut telah pun dikenakan lesen dan kawalan di bawah Akta-akta Parlimen yang tertentu. Peruntukan di bawah

seksyen 102 (s) yang ada pada masa ini adalah terlalu luas maksudnya yang meliputi mengenakan lesen dan kawalan ke atas golongan profesional.

Pindaan yang dicadangkan ini adalah juga untuk membetulkan kedudukan dan bidangkuasa penguasa-penguasa tempatan mengenai pelesenan supaya apa-apa yang boleh dilesenkan oleh penguasa-penguasa tempatan adalah selaras dengan, atau tertakluk di bawah lingkungan kuasa yang diperuntukan oleh Perlembagaan Persekutuan.

Akta Kerajaan Tempatan 1976 pada masa ini mengandungi peruntukan-peruntukan yang tertentu dan mengurniakan ke atas penguasa-penguasa tempatan kuasa untuk mengawal, mengatur, melarang, memeriksa atau melesen apa-apa perkara yang melibatkan kesihatan awam, keselamatan dan kesentosaan penduduk-penduduk, dan juga aktiviti pelbagai tred, perniagaan atau perindustrian di dalam kawasan penguasa-penguasa tempatan. Oleh yang demikian, pindaan kepada seksyen 102 (s) tidak akan menjejaskan hasil ataupun mengurangkan kuasa-kuasa penguasa-penguasa tempatan. Oleh yang demikian, pindaan kepada seksyen (s) tidak akan menjejaskan hasil ataupun mengurangkan kuasa-kuasa penguasa-penguasa tempatan.

Tuan Yang Dipertua, dengan hujah-hujah saya di atas saya mencadangkan bahawa Rang Undang-undang untuk meminda Akta Kerajaan Tempatan 1976 disokong, diterima dan diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda

Akta Kerajaan Tempatan 1976 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

4.16 ptg.

**Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah:** Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk bercakap atas Akta untuk meminda Akta Kerajaan Tempatan 1976 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi.

Di sini saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan yang telah meminda Akta ini yang akan dikuatkuasakan sebagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Tetapi di sini saya ingin membuat pandangan serba sedikit berhubung dengan Kerajaan Tempatan ataupun yang telah berjalan sekarang ini yang mana dikatakan di sini dalam Fasal 2, Seksyen 102 yang berbunyi:

“(s) mengawal dan menyelia, dengan pendaftaran, pelesenan atau selainnya, termasuk dalam keadaan-keadaan wajar dengan melarang sesuatu tred, perniagaan atau perindustrian dari jenis yang memudaratkan atau yang boleh menjadi punca kacau ganggu kepada orang awam atau sesuatu kelas orang awam;”.

Di sini saya hendak memasukkan perkara ini berhubung dengan kekacauan gangguan kepada orang awam yang mana kita tahu sekarang Kerajaan memang menggalakkan rakyat kita berniaga untuk mencari pendapatan bagi kehidupan untuk keluarga mereka, tetapi kadangkala peniaga-peniaga, yakni peniaga-peniaga kecil yang saya maksudkan, berhubung dengan pasar malam yang mana berselerak, khususnya di Kuala Lumpur, Petaling Jaya dan keseluruhan rasa saya sudah melibatkan seluruh negara yang mana pasar-pasar malam yang diadakan ini

mengganggu kepada orang awam. Pasar-pasar malam ini diadakan di tepi-tepi jalan di rumah-rumah orang, di simpang-simpang jalan, iaitu bermula pada 6.00 petang hingga sampai 12.00 malam. Ini rasa saya adalah mengganggu dan selalu ada kekacauan dan pergaduhan kerana orang-orang yang mempunyai rumah, pintu rumahnya diganggu, disekat oleh penjual-penjual yang berselerak yang saya sebutkan tadi. Dalam keadaan ini kita berharap supaya pihak Kerajaan atau Kerajaan Tempatan, Pihak-pihak Negeri supaya menyediakan tempat-tempat yang sesuai, tidak seperti sekarang ini, mereka mengadakan di sepanjang-panjang jalan yang mengganggu keadaan rumah-rumah orang.

Begitu juga dengan keadaan yang lain berhubung perindustrian yang mana di Kuala Lumpur ini, Petaling Jaya umpamanya banyak industri-industri ini yang memudaratkan kepada orang lain yang mana mengeluarkan bau-bau busuk, sampah-sampah yang dibuangkan melalui longkang, asap-asap dan sebagainya, ini semuanya mengganggu ketenteraman awam. Saya rasa dalam keadaan ini Kerajaan telah tibalah masanya mengambil ikhtiar yang mana industri-industri yang berdekatan yang mana dahulunya telah didirikan sebelum Akta ini diadakan supaya dapat cari tempat-tempat yang lain supaya gudang-gudang ini dapat dialihkan ke kawasan perindustrian yang tidak duduk di dalam kawasan-kawasan perumahan yang ada sekarang ini.

Begitu juga soal-soal Kerajaan Tempatan ini yang saya rasa ahli-ahli Jawatankuasa Majlis-majlis Tempatan yang mana bertukar ganti tiap-tiap tahun ataupun dua tahun sekali. Kadangkala ahli-ahli jawatankuasa ini terdiri daripada ahli-ahli politik dan ada juga ahli-ahli profesional. Kadangkala pemohon-pemohon daripada industri-industri ini ataupun

orang perseorangan ataupun badan syarikat-syarikat untuk mendirikan satu-satu kawasan di tempat-tempat perumahan, umpamanya, di kawasan itu hendak diadakan panggung wayang dan tempat-tempat minuman dan juga hiburan yang mana dapat gangguan daripada orang ramai.

Saya pernah duduk sebagai ahli Jawatankuasa Majlis Tempatan iaitu Majlis Perbandaran Petaling Jaya. Ini pengalaman saya dahulu. Kita telah tahu dalam keadaan-keadaan yang hendak didirikan kawasan-kawasan yang disebutkan tadi tidak sesuai kepada orang ramai, dalam masalah ini tibalah orang-orang ini cuba datang ke rumah meminta kita meluluskan, ataupun dapat datang ke kedai kopi dan sebagainya supaya permohonan mereka diluluskan. Kami tidak meluluskan dalam tahun itu. Keputusan dalam Majlis tidak meluluskan atas sebab-sebab yang saya katakan tadi, tetapi apabila bertukar sahaja ahli-ahli jawatankuasa ini tahun hadapan, mereka masukkan balik permohonan. Dengan keadaan ini permohonannya diluluskan. Keadaan ini saya rasa kalau tidak diluluskan pada tahun yang sudah dan tidak dapat atas keputusan ahli-ahli jawatan kuasa itu, janganlah ahli-ahli jawatankuasa yang akan datang pula meluluskan kerana ini menjadi mudarat. Umpamanya, di Petaling Jaya, banyak perkara ini terjadi, yang mana pada masa saya menjadi ahli Majlis dahulu banyak yang kita tidak benarkan tetapi sekarang sudah dibenarkan, padahal dalam minit-minit mesyuarat ada perkara-perkara itu dicatatkan yang perkara ini tidak dibenarkan. Oleh itu, saya berharaplah kepada Kerajaan supaya mengambil hal ini supaya perkara-perkara ini tidak terjadi di masa-masa yang akan datang bagi menjaga keadaan orang ramai yang sama-sama membayar cukai, cukai pintu dan sebagainya di tempat kediaman mereka masing-masing.

Dengan ini, Tuan Yang Dipertua, saya juga menyokong Rang Undang-undang ini supaya diluluskan.

4.23 *ptg.*

**Tuan S. Subramaniam:** Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Abdul Razak bin Abu Samah atas pandangan-pandangannya tentang Akta yang tersebut tadi.

Mengenai perkara peniaga-peniaga kecil di pasar malam yang disentuh oleh Yang Berhormat, sukalah saya menerangkan bahawa undang-undang yang sedia ada membolehkan Penguasa-penguasa Tempatan menyediakan tapak-tapak yang sesuai yang lebih teratur bagi peniaga-peniaga kecil di seluruh negara kita dan perkara ini telah pun sedang dilakukan di beberapa tempat oleh Penguasa-penguasa Tempatan. Jadi, perkara ini tidak menjadi masalah dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976, hanya terpulanglah kepada kemampuan Penguasa-penguasa Tempatan untuk mengeluarkan perbelanjaan bagi maksud menyediakan tapak-tapak yang sesuai untuk menggalakkan peniaga-peniaga kecil di pasar malam dengan mengadakan tapak yang lebih teratur dan sesuai.

Perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat yang sama mengenai pelan-pelan yang diluluskan oleh Penguasa-penguasa Tempatan baik Majlis Daerah ataupun Majlis Perbandaran, ini terlalu umum dan tidaklah saya dapat memberi satu jawapan yang tepat. Walau bagaimanapun, saya memanglah memahami perkara yang dibangkitkan, memang ada berlaku di mana beberapa pelan yang dibawa ataupun yang membuat permohonan kepada Majlis Daerah atau Majlis Perbandaran untuk mendapat kelulusan Badan-badan Berkuasa Tempatan ada kemungkinannya ditolak buat kali yang pertama. Ini

adalah beberapa procedure yang berikut dan kadangkala procedure ini tidak dipatuhi apabila permohonan dikemuka buat kali pertama, tetapi ada kalanya di mana keadaan selalu bertukar dan pelan-pelan apabila dikemukakan selepas beberapa bulan atau beberapa tahun, Lembaga atau Majlis Daerah dan Majlis Perbandaran dapat maklumat-maklumat yang lebih sesuai yang membolehkan pelan-pelan tersebut diluluskan. Walau bagaimanapun, perkara ini diambil perhatian dan Penguasa-penguasa Tempatan akan dinasihatkan supaya mereka memberi pandangan yang lebih serius terhadap pelan-pelan yang telah ditolak atas sebab mereka mengganggu kepada orang awam dan jikalau Majlis Daerah atau Majlis Perbandaran memikir satu-satu pelan yang telah ditolak pada satu masa yang lalu, jika mereka menganggap pelan tersebut patut diluluskan dalam satu masa kelak, mereka patutlah memberi perhatian yang lebih serius sebelum meluluskan pelan itu dan mereka menentukan bahawa pelan yang dimohon ini sebenarnya penting dari segi Penguasa Tempatan atau penduduk-penduduk di kawasan Penguasa Tempatan.

Sekian sahajalah, Tuan Yang Dipertua, dan saya memohon bahawa Rang Undang-undang ini dapat diterima dan diluluskan.

**Tuan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 dan 2* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PELABUHAN (PINDAAN)

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

4.29 ptg.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang Dipertua, saya bangun mengemukakan Rang Undang-undang yang bernama Akta Lembaga-lembaga Pelabuhan (Pindaan) 1983 bagi bacaan kali kedua.

Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Akta Lembaga-lembaga Pelabuhan 1963.

Pada masa ini Lembaga Pelabuhan Kelang, Lembaga Pelabuhan Johor, Lembaga Pelabuhan Kuantan adalah tertakluk kepada Akta Lembaga Pelabuhan 1963. Sejak pelaksanaan Akta tersebut pada tahun 1963, tidak banyak pindaan dilakukan. Pihak Kementerian dan Pelabuhan telah mendapati bahawa terdapat beberapa perkara yang perlu dipinda bersesuaian masa sekarang dan juga mempertingkatkan lagi kelicinan pentadbiran di pelabuhan. Setelah mengkaji keseluruhan seksyen-seksyen dalam Akta Lembaga Pelabuhan 1963, antara pindaan-pindaan pentingnya yang dicadangkan di dalam Akta lembaga Pelabuhan (Pindaan) 1983 adalah seperti berikut:

(Timbalan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

- (1) Pindaan kepada seksyen 3 (2) adalah bagi memperuntukkan

kuasa kepada pihak Lembaga-lembaga Pelabuhan mengenakan bayaran bagi bahan-bahan penerbitan Lembaga, permit keluar masuk pelabuhan dan kapal-kapal yang dibaiki di pelabuhan. Di samping itu pindaan kepada seksyen ini adalah juga bagi mengadakan peruntukan untuk membolehkan Lembaga melabur wang dalam institusi kewangan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan dan tidak terhad kepada bank sahaja seperti yang terdapat sekarang.

- (2) Pindaan bagi mengadakan suatu seksyen baru 41A adalah bagi memperuntukkan kuasa kepada Pengurus Besar atau mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya untuk menaiki mana-mana "vessel" dan mensita apa-apa dokumen atau benda untuk yang boleh digunakan sebagai bukti semasa pendakwaan.
- (3) Peruntukan baru dalam Bahagian VIIA adalah untuk memberi kuasa kepada Menteri bagi meluaskan fungsi, kuasa, tugas serta bidang kuasa suatu Lembaga Pelabuhan kepada mana-mana pelabuhan.
- (4) Pindaan kepada perkara 2 (6) dalam Jadual Kedua adalah bagi membolehkan cap mohor Lembaga ditandatangani oleh Pengurus Besar Pelabuhan dan seorang pegawai yang diberi kuasa dan tidak terhad kepada Pengerusi atau Timbalan Pengerusi yang terdapat sekarang.

Saya ingin memaklumkan bahawa pindaan Akta Lembaga-lembaga Pelabuhan 1983 tidak melibatkan Kerajaan dalam Perbelanjaan wang.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin):** Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pelabuhan 1963 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

**Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah:** Tuan Yang Dipertua, saya bangun di sini, saya minta maaf menyatakan Akta yang tersebut yang dibacakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi tidak ada di hadapan kami semua, oleh itu saya minta pandangan Tuan Yang Dipertua.

**Timbalan Yang Dipertua:** Ya.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang Dipertua, saya rasa Akta ini sudah disampaikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan, mungkin barangkali oleh sebab perkara ini masih berada lagi di pejabat ini. Saya mohon maaf jikalau Ahli Yang Berhormat belum menerimanya dan akan saya sampaikan.

**Timbalan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang-kan dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 10* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### **RANG UNDANG-UNDANG PERKAPALAN SAUDAGAR (PINDAAN)**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

4.35 *ptg.*

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang Dipertua, saya bangun bagi mengemukakan suatu Rang Undang-undang bernama Ordinan Perkapalan Saudagar (Pindaan) 1983, dibaca kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk meminda seksyen-seksyen 71, 71A, 72, 73, 74, 76, 76A, 79 dan 81 Ordinan Perkapalan Saudagar, 1952. Seksyen-seksyen tersebut adalah berkaitan dengan sijil kecekapan pengendalian kapal-kapal saudagar.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, taraf pengendalian kapal-kapal Malaysia (Manning of Malaysian Ships) dan struktur persijilan perkapalan pegawai-pegawai laut tempatan adalah ditetapkan di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar, 1952. Taraf dan struktur ini berasaskan kepada dengan izin, Merchant Shipping Act United Kingdom 1894. Baru-baru ini Organisasi Maritime Antarabangsa atau yang lebih dikenali sebagai "IMO" telah mengeluarkan satu Konvensyen Antarabangsa mengenai mutu pengendalian dan kecekapan pegawai-pegawai laut. Konvensyen tersebut dipanggil Konvensyen Antara-bangsa mengenai Standard Latihan, Perakuan dan Penjagaan Waktu bagi

Pelaut-laut, 1978 (International Convention on Standards of Training, Certification and Watchkeeping for Seafarers (STCW), 1978). Konvensyen ini akan berkuatkuasa 12 bulan setelah 25 buah negara menerimanya (ratify). Sehingga masa ini 23 buah negara telah pun menerima Konvensyen tersebut, khasnya negara-negara maju dan dengan yang demikian adalah dijangkakan ianya akan berkuatkuasa di dalam tahun 1984. Adalah juga dijangkakan bahawa negara-negara maju seperti Jepun, United Kingdom dan Negara-negara Eropah akan terus melaksanakan peraturan-peraturan di bawah Konvensyen tersebut. Kapal-kapal Malaysia yang berlayar ke pelabuhan-pelabuhan di negara-negara tersebut akan dikehendaki mematuhi peraturan-peraturan itu.

Berdasarkan kehendak-kehendak di atas, beberapa perubahan perlu dibuat kepada taraf pengendalian (manning requirements) kapal-kapal Malaysia dari segi:

- (1) bilangan Pegawai-pegawai Notika dan Kejuruteraan untuk memastikan pengawasan setiap waktu;
- (2) gred pegawai-pegawai petugas setanding dengan taraf STCW;
- (3) Sijil-sijil kecekapan baru; dan
- (4) kaedah-kaedah peperiksaan untuk sijil kecekapan laut bagi menentukan semua pegawai-pegawai yang memegang sijil tersebut setanding dengan taraf STCW.

Sekiranya Malaysia melaksanakan peraturan-peraturan di bawah Konvensyen STCW ini secara sekaligus maka ianya akan menimbulkan implikasi-implikasi kepada pemilik-pemilik kapal tempatan oleh kerana ia melibatkan rombakan keseluruhan struktur pegawai-pegawai notika dan juga kejuruteraan. Struktur sekarang berdasarkan kepada struktur British yang mengaitkan pengendalian kapal-kapal kepada had-had perairan iaitu

local trade, home trade dan foreign going, sementara STCW hanya memperuntukkan had kawasan pelayaran sahaja, iaitu near costal and un-restricted trade.

Untuk memudahkan peningkatan taraf pengendalian kapal-kapal Malaysia ke taraf STCW tanpa mengancam industri perkapalan di negara kita, adalah dicadangkan ianya dilaksanakan secara dua fasa:

Fasa Pertama, iaitu:

- (a) meminda peruntukan-peruntukan yang ada kaitan dengan pengendalian kapal dan sijil kecekapan Pegawai-pegawai Laut, iaitu seksyen-seksyen 71, 71A, 72, 73, 74, 76, 76A, 79 dan 81 Ordinan Perkapalan Saudagar, 1952;
- (b) mempertingkatkan pemeriksaan sijil kecekapan laut dengan meminta kaedah-kaedah pemeriksaan yang dibuat di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar.

Dan Fasa Kedua, iaitu:

- (a) merombak secara keseluruhan struktur persijilan tempatan mengikut struktur Konvensyen STCW dan juga menerima, dengan izin, ratify, Konvensyen tersebut di masa-masa yang sesuai kelak.

Tuan Yang Dipertua, di sini saya ingin menerangkan dengan lebih terperinci pindaan-pindaan kepada seksyen-seksyen yang terlibat.

Pindaan kepada seksyen 71 bertujuan untuk menentukan supaya semua pegawai-pegawai petugas di atas kapal yang belayar antarabangsa dipersijilkan seperti yang dikehendaki oleh Konvensyen STCW. Seksyen 71 yang lama hanya memperuntukkan 2 orang pegawai persijilkan tanpa mengira saiz kapal yang berkenaan. Peruntukan baru ini memerlukan kapal-kapal yang beratnya lebih dari

5,000 tan membawa 3 orang pegawai petugas selain daripada nakhoda (master). Bagi kapal yang beratnya sedemikian, pihak nakhoda tidaklah dapat mengawasi sepenuh masa oleh kerana ianya juga bertanggungjawab ke atas keseluruhan pentadbiran am dan keselamatan kapal-kapal tersebut.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kapal-kapal Malaysia yang belayar antarabangsa sekarang ada membawa pegawai ketiga untuk membantu sebagai pegawai petugas. Walau bagaimanapun, pegawai-pegawai tersebut tidaklah dipersijilkan dan dengan yang demikian belayar sebagai uncertificated officers.

Seksyen 71A adalah bagi kapal-kapal dagangan dalam negeri (home-trade), peruntukan sekarang adalah hanya 2 orang pegawai-pegawai petugas tanpa mengira berat atau saiz kapal yang berkenaan. Pindaan yang dicadangkan ialah untuk menambahkan bilangan tersebut menjadi 3.

Seksyen 72 adalah bagi kapal-kapal dagang tempatan (local-trade). Seksyen ini juga adalah sama dengan seksyen 71 dan seksyen 71A. Peruntukan lama memperuntukkan seorang nakhoda bersijil home-trade dan seorang mate bersijil local-trade bagi kapal-kapal yang beratnya lebih dari 1,000 tan. Bagi kapal-kapal yang kurang dari 1,000 tan pula, ia berkehendakkan seorang nakhoda bersijil local-trade dan seorang mate bersijil, dengan izin, mate local-trade. Peruntukan baru memperuntukkan kapal-kapal yang berat dari 1,600 tan ke atas memerlukan pengendalian sama dengan seksyen-seksyen 71 dan 71A. Bagi kapal-kapal beratnya dari 200 tan ke 1,600 tan, peruntukan pengendalian adalah sama dengan peruntukan lama. Kebanyakan dari kapal-kapal dengan izin, local-trade adalah di dalam lingkungan 200 tan ke 1,600 tan dan dengan demikian tidak

akan terlibat dengan peraturan-peraturan baru ini.

Pindaan kepada seksyen 73 adalah bertujuan untuk menghapuskan sijil "steersman" oleh kerana tiada perlu diadakan taraf pengendalian berasingan bagi bot-bot yang belayar dalam had kawasan perairan pelabuhan-pelabuhan. Sijil peperiksaan bagi sijil "steersman" adalah tidak jauh perbezaannya dari sijil "helmsman" dan dengan demikian adalah dicadangkan sijil "steersman" tersebut dihapuskan dan dengan demikian sijil "helmsman" boleh digunakan bagi kesemua bot-bot yang belayar hanya di dalam perairan pelabuhan.

Pindaan kepada seksyen 74 adalah untuk memperuntukkan penalti yang lebih tinggi bagi kesalahan-kesalahan ke atas seksyen-seksyen 71, 71A dan 72 di atas dari \$500 kepada \$5,000 ataupun penjara tidak lebih dari satu tahun atau kedua-duanya sekali. Penalti yang diperuntukkan sekarang yang dibuat di dalam tahun 1952 adalah terlalu rendah dan tidak mencerminkan betapa seriusnya kesalahan-kesalahan terhadap seksyen-seksyen yang berkenaan. Sekiranya penalti ini tidak dinaikkan, sudah tentu ianya tidak akan merupakan satu pencegahan kepada syarikat-syarikat perkapalan yang engkar mematuhi kehendak-kehendak seksyen-seksyen yang tersebut.

Seksyen 76 adalah untuk membolehkan 4 jenis sijil baru dikeluarkan bagi tujuan memenuhi pegawai-pegawai yang perlu ditambah di atas kapal-kapal seperti yang dikehendaki oleh seksyen-seksyen 71, 71A dan 72 di atas. Sijil-sijil tersebut ialah seperti berikut; dengan izin:

- (i) third mate of a foreign-going ship;
- (ii) third mate (exempt) of a foreign-going ship;
- (iii) third-class engineer; dan
- (iv) fourth-class engineer.

Ini akan membolehkan syarikat-syarikat perkapalan mengambil kadet-kadet yang telah menjalani sekurang-kurangnya 18 bulan "sea-time" dan sedang mengikuti kursus di Akademi Laut Malaysia (ALAM) oleh kerana mereka boleh dianugerahkan sijil dengan izin, third mate a foreign-going ship. Tanpa peruntukan baru ini kadet-kadet tersebut perlu menjalani 48 bulan "sea-time" sebelum dianugerahkan sijil second mate dan dengan yang demikian terpaksa belayar sebagai pegawai-pegawai tidak bersijil (undertificated officers).

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kumpulan pertama kadet-kadet ALAM sudahpun tamat peperiksaan laut minima dan bersedia mengikuti kursus-kursus lanjutan di ALAM dan seterusnya mengambil peperiksaan di dalam tahun ini.

Seksyen 76A adalah bertujuan untuk menggantikan sijil kecakapan bagi "lifeboat" kepada sijil "survival craft" untuk menyelaraskan dengan kehendak-kehendak Konvensyen STCW.

Seksyen 79 dan 81 adalah pindaan-pindaan berikutan dengan pindaan seksyen 76.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

**Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin:** Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam jawatankuasa.

(Timbalan Yang Dipertua *mempergunakan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 8* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### RANG UNDANG-UNDANG BAHASA KEBANGSAAN (PINDAAN DAN PERLUASAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.15 ptg.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin):** Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan bahawa suatu Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67, bagi memperluaskan kuatkuasa Akta itu, sebagaimana dipinda, ke seluruh bahagian dalam Malaysia dibaca bagi kali kedua sekarang.

Tuan Yang Dipertua, pindaan yang dicadangkan ke atas Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 ini melibatkan dua aspek. Yang pertama seperti mana yang dinyatakan dalam tajuk panjangnya ialah bagi mengadakan peruntukan bagi memperluaskan kuatkuasa Akta itu sebagaimana dipinda di seluruh Malaysia dan juga peruntukan-peruntukan bagi badan-badan perundangan negeri Sabah dan Sarawak melalui enakmen negeri

masing-masing menetapkan tarikh-tarikh berlainan bagi mula berkuatkuasanya peruntukan-peruntukan yang berlainan dalam akta di negeri-negeri itu.

Aspek yang kedua ialah bagi memotong proviso kepada seksyen 5 Akta Bahasa Kebangsaan, 1963/67 yang akan menjadikan pemakaian bahasa Inggeris dalam Parlimen oleh Ahli-ahli bagi dan dari negeri Sabah dan Sarawak di atas tahap yang sama dengan rakan sejawatnya dari Semenanjung.

Tuan Yang Dipertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa apabila Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan dalam tahun 1957 Perlembagaan telah mengisytiharkan di bawah Perkara 152 bahawa Bahasa Kebangsaan ialah Bahasa Melayu tetapi bahasa Inggeris masih dibenarkan terus digunakan bagi semua maksud.

Pembentukan Malaysia dalam tahun 1963 tidak mengubah keadaan ini malahan di bawah Perkara 161 Perlembagaan Persekutuan, bahasa Inggeris terus boleh digunakan bagi semua maksud di Sabah dan Sarawak selama tempoh 10 tahun dari tarikh Hari Malaysia. Perkara 161 juga mengisytiharkan bahawa sekiranya sesuatu Akta Parlimen diluluskan bagi menghadkan penggunaan bahasa Inggeris di Sabah dan di Sarawak, Akta tersebut tidak akan berkuatkuasa di negeri-negeri tersebut melainkan Badan Perundangan Negeri itu membuat suatu undang-undang meluluskan Akta Parlimen itu.

Dalam tahun 1963 Parlimen meluluskan suatu Akta bernama Akta Bahasa Kebangsaan 1963 mengisytiharkan bahawa tulisan rasmi bagi Bahasa Kebangsaan ialah tulisan rumi.

Pada tahun 1967 Parlimen meluluskan suatu Akta bernama Akta

Bahasa Kebangsaan, 1967. Antara lain, menghad penggunaan bahasa Inggeris bagi maksud digunakan dalam mahkamah dan sekiranya diizinkan oleh Tuan Yang Dipertua Dewan dalam Dewan Parlimen. Kedua-dua Akta ini hanya berkuatkuasa di Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang Dipertua, bagi melaksanakan dasar Bahasa Kebangsaan di seluruh Malaysia sejajar dan selaras dengan konsep Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan, suatu Akta perlu diluluskan oleh Parlimen bagi memperluaskan kuatkuasa Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 ke Sabah dan Sarawak. Walaupun Akta tersebut iaitu Akta Bahasa Kebangsaan (Perluasaan) ini diluluskan, Akta ini tidak menjejaskan penggunaan bahasa Inggeris dan bahasa bumiputera di Sarawak dan di Sabah selagi Badan Perundangan Sabah dan Sarawak masing-masingnya tidak membuat suatu undang-undang meluluskan pemakaian Akta itu di Sabah dan Sarawak.

Rang Undang-undang ini mempunyai tiga fasal. Fasal pertama ialah tajuk ringkas dan pemakaiannya.

Fasal kedua, bertujuan meminda seksyen 1 Akta Bahasa Kebangsaan, 1963/67 untuk mengadakan peruntukan bagi pemakaian Akta ke semua bahagian Malaysia dan juga peruntukan-peruntukan bagi Badan Perundangan Negeri Sabah dan Badan Perundangan Negeri Sarawak melalui enakmen Negeri masing-masing menetapkan tarikh-tarikh yang berlainan bagi mula berkuatkuasanya peruntukan-peruntukan yang berlainan dalam Akta di Negeri-negeri itu.

Fasal tiga, bertujuan meminda seksyen 5 Akta yang menjadikan pemakaian bahasa Inggeris dalam Parlimen oleh Ahli-ahli bagi dan dari Negeri Sabah atau Negeri Sarawak

sama tahapnya dengan rakan sejawatnya dari Semenanjung.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67, dan bagi memperluaskan kuatkuasa Akta itu, sebagaimana dipinda, ke semua bahagian dalam Malaysia, dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

*4.58 ptg.*

**Tuan Haji Latip bin Haji Dris:** Tuan Yang Dipertua, saya bangun menyokong kuat pindaan Rang Undang-undang ini apabila saya mendengar segala penjelasan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri sebentar tadi begitu terang dan tepat bagi maksud pindaan yang dikehendaki oleh Rang Undang-undang ini.

Di sini ingin saya mengambil peluang mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Pusat kerana membawa pindaan Rang Undang-undang ini tepat pada masa negeri Sabah dan Sarawak 20 tahun merdeka dalam Malaysia beberapa bulan sahaja lagi. Dengan kelulusan pindaan penting Rang Undang-undang ini oleh Dewan yang mulia ini pada hari ini, maka tidak ada perbezaan lagi di antara negeri-negeri dalam Malaysia tentang kegunaan Bahasa Kebangsaan.

Bagi sebuah negara yang merdeka dan berdaulat serta mendapat sokongan daripada rakyat berbilang kaum dan kepercayaan di tiap-tiap buah negeri dalam Malaysia, saya rasa jikalau Bahasa Kebangsaan

diperlambat penggunaannya ke Sabah dan Sarawak tentulah rakyat yang menumpukan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada negara dan Raja berasa tertanya-tanya mengapakah kegunaan Bahasa Kebangsaan itu tidak disamakan dalam tempoh yang tertentu seperti sekarang ini ke Malaysia Timur. Ini boleh juga menimbulkan perasaan syak wasangka seolah-olah kami dari Sarawak dan Sabah sebagai seorang anak dari ibu yang lain.

Tuan Yang Dipertua, negeri Sarawak seperti Dewan yang mulia ini sedia maklum adalah mempunyai berbilang suku kaum khususnya peribumi negeri itu dan begitu juga bahasa yang dituturkan oleh tiap-tiap suku kaum mempunyai perbezaan mengikut kaum dan daerah masing-masing. Walaupun demikian dalam tiap-tiap bahasa suku kaum itu terdapat banyak perkataan yang sama dan hampir sama dan benda yang sama dengan Bahasa Kebangsaan.

Bahasa Melayu atau Bahasa Kebangsaan tidak asing lagi kepada kebanyakan rakyat di negeri Sarawak, kerana bahasa Melayu sebagai satu bahasa perantaraan yang telah digunakan beratus-ratus tahun di negeri itu. Begitu juga di negeri Sabah, memang terdapat sedikit-sedikit perbezaannya dengan Bahasa Kebangsaan yang digunakan pada sekarang ini mengikut rentak dan loghat suku kaum daerah yang tertentu. Sungguhpun begitu apabila ditulis, dan ejaannya adalah didapati sama seperti bahasa Melayu. Memang sejak dahulu lagi sebelum Sarawak merdeka dalam Malaysia, kami menggunakan bahasa Melayu untuk bertutur dengan suku kaum peribumi yang lain kerana bahasa Melayu adalah satu bahasa yang boleh difahami oleh semua rakyat di negeri itu. Walaupun mereka yang tidak pernah duduk di bangku sekolah seperti rakyat di pedalaman atau orang ulu, mereka boleh faham dan dapat bercakap dalam bahasa Melayu.

Seperti yang saya katakan awal tadi banyak perkataan Bahasa Melayu terdapat dalam bahasa yang dituturkan oleh suku kaum peribumi di negeri Sarawak baik dari kaum Dayak Laut atau Iban, Dayak Darat atau Bidayuh, suku kaum Melanau dan lain-lain lagi. Oleh keadaan yang demikian bahasa Melayu atau Bahasa Kebangsaan tidak ada menimbulkan kesulitan apa-apa kepada rakyat di negeri Sarawak mahupun Sabah. Apatah lagi seperti sekarang ini belia-belia dari semua kaum yang bersekolah dilahirkan selepas Sarawak merdeka dan ada pula yang bersekolah di Semenanjung telah begitu fasih dan lancar bercakap dalam Bahasa Kebangsaan sehinggalah tidak boleh dikenali di mana rakyat dari negeri Sarawak atau Sabah dengan rakyat yang duduk di Semenanjung Malaysia.

Walaupun demikian mungkin terdapat orang-orang yang tertentu di negeri Sarawak itu sengaja tidak berminat menggunakan Bahasa Kebangsaan oleh kerana mereka mementingkan bahasa Inggeris kerana mereka mendapat pelajaran dalam bahasa Inggeris dan juga bahasa kaum mereka sendiri. Saya rasa sekarang sudah sampai masanya sebagai rakyat di sebuah negara yang merdeka, perasaan cintakan bangsa dan negara hendaklah lebih diutamakan daripada mendewa-dewakan bahasa orang lain, kerana bahasa adalah menunjukkan bangsa.

Saya tidak bermaksud bahasa-bahasa yang lain tidak boleh dituturkan di negara ini. Apa yang sepatutnya biarlah Bahasa Kebangsaan itu benar-benar sebagai bahasa rasmi negara ini. Dengan kelulusan pindaan ini, saya harap Jabatan-jabatan Kerajaan di semua peringkat di negeri Sarawak menggunakan Bahasa Kebangsaan dalam surat menyurat yang ditujukan kepada rakyat tempatan dan begitu juga borang-borang bagi kegunaan rakyat tempat hendaklah dicetak dalam Bahasa Kebangsaan bagi menggantikan borang-borang dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang Dipertua, saya masih ingat lagi di zaman penjajahan Brooke sebelum perang dunia kedua, ramai juga pegawai-pegawai kanan Kerajaan di waktu itu tidak dapat bertutur dan menulis dalam bahasa Inggeris. Mereka ini menggunakan tulisan Rumi dan Jawi dalam bahasa Melayu sehingga terdapat Magistrate Kelas Satu di waktu itu menggunakan bahasa Melayu dalam perbicaraan di Mahkamah. Perkara ini berlanjutan sehingga tahun 50an. Selepas itu barulah ramai belia-belia di negeri itu mempunyai pelajaran tinggi bahasa Inggeris yang menjadi pegawai-pegawai tinggi Kerajaan hinggalah negeri Sarawak merdeka dalam Malaysia.

Saya tidak nampak kesukaran apa-apa kepada rakyat di Sarawak untuk bercakap dalam Bahasa Kebangsaan jika ianya diamal dengan perasaan yang benar-benar cintakan bangsa dan negara. Mungkin terdapat segelintir orang yang tertentu tidak senang hati atas pindaan Rang Undang-undang ini disebabkan kepentingan mereka sendiri. Perkara seperti ini memanglah perkara biasa sahaja. Sedangkan di waktu negeri Sarawak untuk merdeka dalam Malaysia ditentang begitu hebat oleh pihak yang tertentu, tetapi sesudah Sarawak merdeka sampai hari ini mereka inilah orang-orang yang menikmati nikmat kemerdekaan yang lebih banyak jika dibandingkan dengan banyak orang yang berhempas pulas berusaha bagi menyokong dan menjayakan kemerdekaan negeri itu. Orang seperti ini kadang-kadang sanggup bermuka dua asalkan cita-cita mereka tercapai khususnya di bidang ekonomi.

Kepada saya tentang pendapat Wakil Rakyat daripada parti Pembangkang yang tertentu baik dari negeri Sarawak mahupun Sabah dalam Dewan Rakyat itu adalah satu cara mereka sendiri. Walau apa pun yang dibuat untuk kebaikan semua rakyat di negara ini oleh Kerajaan jarang

sekali mendapat sokongan mereka seperti ini. Dengan itu kepada saya pendapat seperti itu adalah sebagai pendapat orang yang suka membangkang apa sahaja.

Akhirnya sekali lagi saya menyokong sepenuhnya pindaan atas Rang Undang-undang ini semoga ianya menjadi satu bukti dan kenyataan sebuah negara yang merdeka dan berdaulat untuk selama-lamanya. Sekian, terima kasih.

*5.08 ptg.*

**Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah:**  
Tuan Yang Dipertua, saya bangun menyokong Akta meminda Bahasa Kebangsaan 1963/67 dan bagi memperluaskan kuatkuasa Akta itu sebagaimana dipinda kesemua bahagian dalam Malaysia. Hidup bahasa hidup bangsa, diakui oleh mana-mana negeri dalam dunia ini. Kalau Malaysia mempunyai bahasa, maka seluruh negara dalam Malaysia mesti mengakui bahasa ibundanya iaitu Bahasa Malaysia sendiri. Adalah anih kalau ada orang yang tidak mahu menerima bahasa dalam negeri yang mereka duduk. Sebab itu saya juga memuji Kerajaan kerana bertindak tepat sekarang bagi memenuhi kehendak-kehendak negara kita yang memalukan sehingga ketempangan sebagai sebahagian dalam Malaysia.

Tuan Yang Dipertua, jikalau jarum-jarum jam, saat-saat jam, minit-minit jam kita sudah betulkan di seluruh Malaysia maka tibalah masanya bahasa kita patut bahasa lebih dahulu kita betulkan di seluruh Malaysia ini, bahasa ibunda kita iaitu Bahasa Malaysia. Apa keturunan pun tidak berbangkit dalam Malaysia ini kerana dia rakyat Malaysia. Adalah ganjil kalau dia tidak mengakui bahasa dia sendiri. Sebab itu tercatatlah dalam sejarah tanah air kita sekarang mulai pada hari ini kita akan luluskan perkara-perkara yang wajib dan tidak memalukan kita lagi yakni bahasa ini

akan digunakan di seluruh tanahair, di seluruh sidang Parlimen dan Council Negeri-negeri dan juga di seluruh Kementerian-kementerian dan di seluruh bidang swasta-swasta kita, di bandar-bandar kita, di mana juga yang masih memakai bukan Bahasa Kebangsaan, pakaian sekarang, apa yang dikatakan oleh Perdana Menteri kita "Pimpinan Melalui Tauladan". Kita memperkatakan bahasa kita, mestilah kita buat, jangan masih lagi tidak buat. Misalnya, ada di bandar-bandar kononnya tidak boleh pula pasang Bahasa Malaysia, bahasa dia sahaja yang hendak ditaruh di situ. Ini apa maknanya? Maknanya penentangan rakyat sendiri kepada bahasanya sendiri. Kalau dia tidak mahu duduk dalam negeri ini, keluar. Saya sendiri kalau saya tidak mahu mengikut apa yang termaktub di dalam Perlembagaan negeri ini lebih baik cari negeri mana yang sesuai dengan saya. Saya rasa ini patutlah dikeluarkan kepada mereka yang masih buat tidak tahu atau masih lagi berani menegakkan benang basah dalam negeri kira ini berkenaan dengan bahasa ibundanya sendiri. Tidak kira dia kaum China, tidak kira dia kaum India, mana juga yang duduk dalam negara Malaysia adalah menjadi tanggungjawab dia mengaku bahasa ibunda ini dilaksanakan dalam semua bidang.

Tuan Yang Dipertua, saya hendak mengingatkan dalam penggunaan bahasa ini janganlah lagi memalukan kita. Ada lagi misalnya dalam undang-undang, ada pula kata peguam, bukan semua, saya banyak berjumpa dengan peguam. Bukan semuanya suka hendak menggunakan bahasa orang lain atau hendak mendewa-dewakan barat.

Saya apabila bercakap ini bukan anti bahasa barat, bahkan sebagaimana kata ZA'BA, pendita bahasa, yang saya ingat satu daripada kandil yang menegakkan cahaya dalam Malaysia ini. Beliau berpesan iaitu

orang kita, rakyat negeri ini digalakkan belajar bahasa baik bahasa Inggeris, bahasa Jerman, bahasa Perancis, bahasa China atau bahasa India dan sebagainya. Yang dikhususkan rakyat negeri ini belajar bahasa China. Ini saya tidak berganjak apa yang dikatakan oleh ZA'BA. Maknanya kalau hendak dipelajari bahasa, hendak menghayati bahasa-bahasa lain memang digalakkan. Tetapi yang saya katakan bahasa ibunda kita sendiri masih kita tidak mahu laksanakan. Saya dengar di Dewan Rakyat kita ada beberapa ahli yang macam hero menentang bahasa. Orang ini pada saya memalukan negara ini. Sangat memalukan. Semua lapisan malu sebab apa yang disuarakan oleh mereka ialah suara sumbang yang tidak adil, tidak ikut Rukunegara, tidak mengikut Perlembagaan negara dia sendiri.

Tuan Yang Dipertua, dalam soal pelaksanaan ini, saya mahu Kerajaan sungguh-sungguh melaksanakan bahasa ini dalam erti kata yang sebenar di seluruh Dewan Rakyat, Dewan-dewan Negeri, pejabat-pejabat termasuk swasta mahupun di mana juga dijalankan, kerana sekarang ini ada beri kuasa kepada Kerajaan, rakyat seluruh ada memberi kuasa Bahasa Kebangsaan digunakan, tetapi mengapa tidak dijalankan. Saya mahu Menteri-menteri ini bertanggungjawab dalam semua kementeriannya, periksa ini, jalankan tidak ada was-was. Haqulyakin, Nurulyakin, Ainulyakin, perkara hak, perkara yang benar kita jalankan, apa takut? Yang saya hairan ini, ada yang takut, biarlah apabila hendak ditulis diprotes oleh tuan punya kedai, dia kata biarlah, sabar tidak boleh Bahasa Kebangsaan, dia tunduk kepada yang tidak benar, tunduk kepada yang bukan di dalam Perlembagaan. Apa ertinya ini? Sebab bercakap banyak adalah tidak guna, melainkan amalan. Kalau sudah ditulis dalam Perlembagaan kita jalankan.

Siapa yang menentang beri kata dua kepada dia pilih, awak mahu ikut Perlembagaan atau tidak, kalau tidak awak tahu sendiri di mana awak duduk. Boleh dipilih mana awak suka. Tetapi kalau awak hendak duduk di dalam negeri ini, ikut Perlembagaan dalam negeri ini. Begitu juga dengan undang-undang yang kita kanunkan, semua orang taat kepada undang-undang. Menteri tak taat undang-undang, Menteri dihukum. Mengapa Bahasa Kebangsaan tidak dihukum dari segi perlaksanaannya. Mengapa bandar-bandar negeri kita ini seolah-olah bukan bandar Malaysia iaitu Bahasa Kebangsaan tidak ditulis. Mengapa dalam undang-undang negeri ini masih mendewakan bahasa barat, bahasa orang putih, apa megahnya itu?

Jadi, dalam kita meminda undang-undang ini, saya minta Menteri-menteri dan semua Ketua-ketua Jabatan berani melaksanakan sekarang. Berjanji di hadapan Allah, Allah melihat apa yang kita buat dan apa yang kita selewengkan.

Kita mesti sedar dan saya hendak terangkan supaya semua orang tahu, dikiri kanan kita ini ada Secretary-General yang kuat, sebelah kanan akan menulis semua perjalanan yang betul, yang kiri juga ditulis, maka tidak seorang pun boleh lepas. Menterikah atau Ketua Hakimkah kalau dia tidak betul, ada undang-undang negara suruh buat dia tidak jalankan, dia tulis dibelah kiri. Ada secretary kita yang sebelah kiri menulis dan akan didakwa dia besok. Tidak boleh lari!

Jadi, saya hendak mengingatkan ini supaya mereka jangan takut lagi, malu kita nanti orang kata. Ini terbalik kepada bahasa barat, padahal kita sudah dengungkan ini dulu iaitu "Bahasa Jiwa Bangsa". Mana dia jiwanya? Sedangkan perlaksanaannya ditangguhkan. Saya mahu seluruh pekan di negara ini melaksanakan

Bahasa Kebangsaan. Saya tidak marah hendak tulis bahasa apa lagi di bawahnya, tulisan kecil, di atas itu bahasa kita sendiri dengan besar. Menteri yang berkenaan ini menjalankan tanggungjawab atau tidak Menteri itu ditulis seorang yang menyeleweng dan tidak mengikut apa yang dikanunkan dalam Perlembagaan Negara. Apa guna kita mengadakan Rukunegara, apa guna kita mengadakan Perlembagaan negara kita tetapi sekarang kita tidak ikut? Ketua-ketua Jabatan ada sebahagiannya tidak ikut. Menteri ada sebahagiannya tidak ikut. Maaf, saya bercakap, terima kasihlah mana yang ikut, macam Menteri di hadapan kita, orang muda, saya terima kasih beliau ikut. Betulkah tidak, Tuan Yang Dipertua? Betul!

Jadi, saya mahu apabila kita pinda dan sahkan hari ini sesungguhnya Bahasa Kebangsaan sekarang sebenarnya sudahlah berdaulat dan diakui oleh semua rakyat dan semua lapisan. Saya tidak mahu dengar lagi ada orang yang tidak hendak ikut, mana yang tidak hendak ikut beri kata dua kita bukan hukum diri dia sendiri, pilih mana satu—tidak mahu, pergi! Kita bukan benci dia, dia yang memilih. Kalau dia memilih menjadi rakyat Malaysia, kalau dia mengaku rakyat, dia mesti taat kepada Perlembagaan Negara.

Serupa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Agong itu Yang di-Pertuan Agong kita semua bukan Yang di-Pertuan Agong orang Melayu sahaja, tetapi Yang di-Pertuan Agong Kaum Cina, kaum India juga mengikut Perlembagaan. Raja negeri ini bukan Raja Melayu. Ada rakyat negeri ini tidak secara langsung menentang Rajanya sendiri, dia kata turunlah Kerajaan. Dia ingat tidak sampai cakupnya itu. Apa yang dikatakan sampai semua. Semua kita tahu. Sebagai seorang yang mendukung titik-titik sejarah negeri ini, mendukung keadaan-keadaan sejarah negeri kita, kita tidak biarkan siapa sahaja yang sewenang-wenangnya

menentang Perlembagaan kita, menentang apa yang kita daulatkan sebagai negara kita yang merdeka, iaitu Malaysia kita ini. Ada rakyat negeri ini yang suruh Rajanya berhenti. Dia kata hendak menuntut itu, menuntut ini, berhenti padahal itu Raja dia. Saya tidak pula menyuruh taat apa yang tidak betul pun diikuti, tetapi ikutlah Perlembagaan kita.

Tuan Yang Dipertua, selain daripada itu saya rasa ada perkara yang besar yang saya hendak usulkan dalam hal bahasa ini. Pelaksanaan bahasa ini didaulatkan di seluruh Malaysia, di semua Kementerian, pejabat dan pihak swasta hendaklah diuruskan dengan berani, di bawah Jabatan Perdana Menteri sendiri dari segi pelaksanaan bahasa ini. Saya tidak mahu Kementerian Pelajaran oleh kerana pelaksanaan pelajaran. Datuk Bandar kerana Bandaraya. Saya mencadangkan di Parlimen ini pelaksanaan bahasa kita sebab kita sudah terlewat, sebab terlampau bermurah hati hingga Perlembagaan kita dipermainkan-mainkan, sudah dikanunkan, sudah diundang-undangkan, dipermainkan dan tidak dilaksanakan. Saya bercadang, Tuan Yang Dipertua, pelaksanaan Bahasa Kebangsaan ini diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Sebab saya yakin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita saya rasa tidak kurang 12 perubahan yang paling berani dibuat, bukan ditunjuk di dalam negara ini, dalam Malaysia di Asia bahkan di peringkat antarabangsa di dalam dunia ini. Saya yakin beliau boleh laksanakan ini dengan berani. Saya yakin beliau juga memberi kata dua kepada siapa juga, kalau tidak mahu awak pilih yang awak suka, yang mahu dan yang baik ada Perlembagaan jalan terus, kalau tidak dalam negeri kita tidak boleh jalan. Sama juga dengan meminda apa akta pun, tidak guna meminda berkali-kali tetapi apa yang sudah dikanunkan tidak dilaksanakan.

Tuan Yang Dipertua, saya mencadangkan pelaksanaan Bahasa Kebangsaan dalam semua bidang

dalam negara ini sebagai saya sebutkan tadi hendaklah dilaksanakan di bawah Jabatan Perdana Menteri sendiri.

Baik di bandaraya, baik di Negeri, baik mana pun di bawah Jabatan Perdana Menteri. Kalau Negeri itu tidak mahu, tanya dengan Ketua Menterinya. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh tanya, kalau dia tidak hendak buat, beri dia pencek senang sahaja, sebab kita buat Perlembagaan dia tidak mahu itu, betulkah atau tidak, Tuan Yang Dipertua. Misalnya, kita buat Perlembagaan Tuan Yang Dipertua menjadi Pengerusi, tetapi tidak ikut jadi Pengerusi, turun sahajalah. Jadi mana-mana Ketua Menteri, Menteri Besar; ada setengahnya itu apabila sudah menjadi Menteri Besar maka Y. A. B. Perdana Menteripun dia tidak peduli, ini ada, bukan semua. Dia rasa, dia paling besar, macam Napoleon, macam Hitler, macam Sukarno, padahalnya Perlembagaan yang sudah kita junjung dan sudah kita daulatkan, minta dilaksanakan masih tidak dilaksanakan. Jadi, apabila di bawah jagaan Yang Amat Berhormat kita sendiri dengan sebenar-benarnya memandang bahasa ini sekarang adalah penting tidak boleh diabaikan. Kalau diabaikan saya rasa 50 tahun lagi tidak terlaksana, berbagai perkara lagi akan datang timbul dan pada masa itu, Tuan Yang di-Pertua, hilang tongkat dengan labunya. Tidak berguna lagi.

Tuan Yang Dipertua, am sudah dibetulkan, pentadbiran kita sudah baik, kecemasan, kehampaan dan juga penyelewengan kita sudah dedahkan keseluruhannya. Yang baik sehingga jentera yang kita hendak naik esok kita hendak buat sendiri. Apa yang mencerminkan ialah kebaikan yang abadi, rohani kita yang mulia sekarang kita hendak semaikan, kita tidak peduli, kalau ada hendak bangkang biarkan. Sebab dia bangkang itu dia hendak ikut nafsunya sahaja. Dia hendak syaitankan dunia ini. Itulah

orang yang membangkang. Kalau rohani dia mulia menuju kepada kemurniaan, kebaikan, anak cucu akan ikut. Kalau bapa kaki minum todi anaknya pun minum todi juga. Maaf saya, saya bukan kata orang minum tadi. Itu dia punya fasallah! Tetapi ini hakikat kalau sudah ada ketinggian moral, dia menjadi contoh tauladan. Kalau dia buat, anak cucunya pun buat, dia rasa dia mesti tinggalkan. Inilah yang dimaksudkan diserapkan sumber-sumber kerohanian dalam jiwa semua bangsa, janganlah bangsa lain daripada orang Melayu mengatakan orang Melayu mengata dia. Dia pun bagus juga. Semua bangsa rakyat dalam Malaysia ini adalah baik. Jadi, diserapkan perasaan yang baik ini kita mesti jalankan dengan bersungguh-sungguh dalam negeri kita ini.

Sekianlah, Tuan Yang Dipertua, saya menyokong dan memohon lagi sekali kepada Allah yang maha berkuasa perlaksanaan bahasa kita ini berjalan terus. Saya mohon kepada Tuhan moga-moga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita terus memegang perkara ini, saya rasa setahun pun boleh berjalan, Tuan Yang Dipertua. Terima kasih dan saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya.

5.24 *ptg.*

**Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar:** Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk menyokong Akta bagi meminda Bahasa Kebangsaan 1963/67 sebagaimana yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Sebagai seorang dari Sabah, saya berpendapat bahawa Bahasa Kebangsaan adalah Bahasa Melayu di Sabah. Maka ianya tidaklah menjadi pincang kalau Undang-undang ini dikuatkuasakan. Yang sebenarnya Sabah telah terlewat 10 tahun daripada jangka sepatutnya negeri itu menggunakan Bahasa Kebangsaan.

Di Sabah terdapat 26 suku kaum peribumi. Sebelum negeri Sabah menyertai Malaysia yang mana negeri itu di bawah penjajahan British Bahasa Melayu adalah bahasa perantaraan, bahasa yang lebih ramai menggunakannya dan pertumbuhan Bahasa Melayu yang hari ini menjadi Bahasa Kebangsaan di Sabah adalah mungkin sama usianya dengan pertumbuhan Bahasa Melayu di Semenanjung Malaysia kerana ianya adalah bahasa daripada Gugusan Pulau-pulau Melayu. Maka dengan itu, Tuan Yang Dipertua, bagi saya sebagai seorang rakyat Sabah menganggap Bahasa Kebangsaan itu bukanlah sebagai suatu bahasa asing maka ianya adalah bahasa yang tumbuh sama tumbuhnya dengan saudara-saudara yang menggunakan Bahasa Melayu di Semenanjung. Jadi, Bahasa Melayu yang digunakan di Sabah adalah sebagai satu bahasa yang digunakan oleh pengaruh-pengaruh saudagar-saudagar Inggeris, dan bahasa yang berpengaruh seperti saudagar-saudagar Inggeris ini sehingga dapat menguasai beberapa buah negeri-negeri Tanah Melayu yang asalnya kerana pengaruh bahasa. Tanpa Bahasa Melayu mereka ini tidak dapat menghubungi dan tidak dapat tempat di kalangan masyarakat peribumi pada zaman itu.

Kalau saya mengambil satu contoh seorang saudagar atau seorang kelasi kapal yang kononnya jadi Raja Broke di Sarawak, dia adalah kelasi kapal. Kemudian sesudah mendapat tempat dengan Sultan-sultan di negeri tersebut, dia mendapat kuasa sebidang tanah, setapak demi setapak hingga menjadi seorang Raja, hinggalah menjadi negeri itu sebuah jajahan takluk Inggeris, ini kerana pengaruh bahasa. Tanpa pengaruh bahasa yang digunakan oleh saudagar-saudagar ini sudah tentu mereka itu tidak dapat bertapak dan tidak dapat menjajah negara kita. Demikian juga seperti Francis Light yang kononnya

pembuka Pulau Pinang, demikian juga Stamford Raffles kononnya orang yang membuka Singapura. Ini semua daripada kesan-kesan pengaruh Bahasa Melayu pada waktu itu yang digunakan dan perkembangan Bahasa Melayu pula terus berkembang melalui Munshi Abdullah dan daripada sana Stamford Raffles terus menggunakan pengaruh-pengaruh Bahasa Melayu untuk mempengaruhi di mana juga tanah-tanah Negeri Melayu pada waktu itu sebagai satu bahasa perkembangan ekonomi dan penjaahan. Ini pengaruhnya.

Jadi, Tuan Yang Dipertua, saya telah mengikuti Wakil Rakyat dari Sabah yang kononnya Sabah belum mampu menggunakan Bahasa Kebangsaan. Saya berpendapat mereka ini hanya semata-mata untuk mengecil-kecilkan kedudukan Bahasa Kebangsaan dan mereka ini telah lupa kepada peranan Bahasa Kebangsaan dengan sebab mereka itu boleh duduk menjadi ahli dalam Dewan Rakyat. Kalau bukan kerana Bahasa Kebangsaan saya fikir sudah tentu mereka tidak dapat kedudukan yang baik. Mereka telah menggunakan Bahasa Kebangsaan atau Bahasa Melayu bagi mengenalkan sesuatu benda-benda yang boleh memperkayakan mereka. Mungkin saya terdiri daripada orang Melayu, saya tidak dapat mengenal jenis pokok-pokok kayu balak satu persatu tetapi mereka yang bukan daripada keturunan Melayu ini lebih kenal, dia tengok daunnya sahaja dia sudah tahu itu jenis kayu kapur, jenis seraya putih dan seraya merah dan sebagainya. Ini pengaruh bahasa dalam ekonomi. Itu bahasa mereka hargaai tetapi bahasa untuk digunakan bagi negara ini mereka sengaja menyelewengkan dan mereka ini adalah orang yang dua muka dalam ertikata penggunaan mereka. Bahasa untuk mendapatkan sesuatu, mereka berpura-pura menggunakan Bahasa Melayu, tetapi untuk mengecil-kecilkan pula negara

kita ini dan bahasa kita mereka menganggap bahasa Inggeris adalah bahasa yang lebih menguasai dunia kerana mereka adalah daripada datuk nenek mereka yang mula datang ke negara kita ini tanpa mengetahui sepatah dua bahasa ibunda kita. Jadi, bila sedikit demi sedikit mereka telah dapat kedudukan istimewa dan anak-anak mereka telah dihantar ke luar negeri dan balik menjadi doktor, professor dan sebagainya dan mereka angkuh dan menganggap bahasa yang mereka pelajari dari luar negeri itulah satu bahasa akan menunjukkan kebolehan, kedudukan mereka dan sebagainya tetapi mereka tidak sedar bahawa punca-puncunya, punca ekonominya adalah daripada Bahasa Melayu yang menjadi Bahasa Kebangsaan Malaysia pada hari ini.

Jadi, saya berpendapat wakil daripada Sabah yang mengatakan mereka mahu mengadakan satu pungutan suara konon sehingga begitu lantang mereka berani mengatakan mahu adakan pungutan suara dari segi bahasa. Baharu setakat bahasa mereka mahu adakan pungutan suara. Apa lagi kalau kita minta atau syorkan kepada cara lain, mungkin mereka akan menggunakan sepenuhnya mengadakan pungutan suara bagi memenuhi kehendak mereka.

Tuan Yang Dipertua, saya sendiri berpendapat kalaulah Ahli Dewan Rakyat daripada Sabah mengatakan rakyat Sabah mahukan pungutan suara, saya sendiri berpendapat mereka itu tidak ada mendapat sambutan, sebilangan besar rakyat Sabah saya mengatakan, baik pegawai-pegawai Kerajaan bertutur dalam Bahasa Malaysia. Dan saya meminta maaf kepada Tuan Yang Dipertua, pegawai-pegawai Kerajaan dalam negeri Sabah yang terdiri daripada bukan peribumi adalah lebih banyak menggunakan Bahasa Kebangsaan daripada pegawai-pegawai yang datang daripada Semenanjung Malaysia berkhidmat di

Sabah. Sepatutnya mereka ini menunjukkan lebih baik penggunaan Bahasa Malaysia bila datang berkhidmat ke Sabah tetapi kadangkadangkang bila saya dengar sehingga pergi ke pasar ikan hendak beli tomato pun cakap Inggeris; Come on darling—\$1, begitu sekali, dengan anak-anak kecil; Baby, baby be careful, motor-car! Jadi cubalah tunjukkan, dalam pejabat Kerajaan sekalipun sehingga kita tidak jawab bahasanya itu. Ini pernah berlaku, saya terus buat senyap, tak jawab cakap orang putih, diam-diam dahulu, jadi dia tengok marahkah atau apa, dia cakap Melayu, saya baru jawab cepat sedikit, baru dia terus cakap Melayu. Jadi ini contohnya patut juga diperbaiki.

Bahasa Kebangsaan yang hendak dipanjangkan, dilanjutkan ke Sabah ini sahaja tidak ada perbezaannya, memang sudah wujud bahasa yang sama dengan bahasa yang ada di Semenanjung Malaysia, tidak ada perbezaan, ini hanya perbezaan memasukkan Sabah dalam Malaysia memberikan peruntukan selama 10 tahun daripada Sabah untuk membolehkan Jabatan Kerajaan dan sebagainya menyesuaikan penggunaan Bahasa Kebangsaan, tetapi Bahasa Kebangsaan, Bahasa Melayu memang sudah wujud di Sabah dan Sarawak, jadi ini tidak dapat dinafikan lagi.

Tuan Yang Dipertua, saya cadangkan kalau kerajaan benar-benar mahukan penggunaan Bahasa Malaysia ini diperkukuhkan kenapa tidak kertas penamaan calon pilihanraya itu dibuat satu peruntukan; calon yang hendak bertanding mesti menggunakan Bahasa Malaysia, jika tidak, mereka tidak boleh berdiri sebagai calon dalam pilihanraya. Ini satu cara bagi kita. Jadi Tuan Yang Dipertua Dewan Rakyat dan Dewan Negara tak payah lagi, dalam peruntukan sudah ada, kelayakan dia itu ditarik kalau dia tidak mengakui. Jadi inilah

kuatkuasa yang patut kita gunakan sekarang.

Soal Bahasa Malaysia, Bahasa Kebangsaan kita ini tidak ada boleh dipersoalkan oleh setiap rakyat di Malaysia, siapa sekalipun kerana inilah bahasa yang bukan dibawa daripada mana-mana negeri, bahasa yang asalnya tumbuh dalam gugusan kepulauan Melayu dan sehari demi sehari bahasa ini tetap kaya penggunaannya. Kita telah membuktikan Universiti Kebangsaan kita mempunyai maktab-maktab dan institusi pelajaran yang lain yang telah menggunakan Bahasa Malaysia dan kemampuan dalam Bahasa Malaysia ini telah menunjukkan kita telah banyak mengeluarkan mahasiswa-mahasiswa kita dengan menggunakan matapelajaran yang menggunakan Bahasa Kebangsaan. Jadi ini telah menunjukkan kemampuan Bahasa Malaysia itu sentiasa telah wujud, tetapi ini hanya berdasarkan kemahuan seseorang itu mahu atau tidak. Jadi kita tidak ada mempunyai satu tolak ansur dalam soal bahasa ini.

Tuan Yang Dipertua, dalam penggunaan Bahasa Kebangsaan ini seharusnya Kerejaan hendaklah memperketatkan semua dalam bidang-bidang penggunaan papantanda di mana juga Kementerian-kementerian, mungkin tidak terdapat di Semenanjung Malaysia, tetapi ada terdapat di negeri Sarawak atau Sabah yang masih menggunakan Bahasa Inggeris dan yang bukan Bahasa Inggeris dalam satu-satu pejabat itu. Jadi kita mesti mahukan mereka menggunakan dengan sepenuhnya dalam Bahasa Kebangsaan ini.

Tuan Yang Dipertua, satu lagi yang saya ingin menyebutkan di sini ialah sepanjang penggunaan Bahasa Malaysia yang ada di Sabah ini, waktu itu saya pun masih bersekolah di Sekolah Melayu Pekan Labuan dan saya telah mengikuti Guru Besar yang pernah mengajar di sana adalah

Za'aba yang saya berasa hairan. Jadi kalau saya mengkaji daripada penggunaan dan pengajian Melayu itu sudah dibawa sekian lama, mungkin waktu itu saya belum lahir tetapi saya melihat sejarah sekolah di mana saya mula-mula disekolahkan dan Guru Besarnya ialah Za'ba, iaitu Zainal Abidin bin Ahmad, pendita kita. Jadi ini harus kita banggakan bahawa penggunaan Bahasa Melayu di Sabah mahupun di Sarawak ini tidak ada yang mesti dipersoalkan mana-mana jua pihak di negeri Sabah. Saya percaya Kerajaan Negeri Sabah memang mengutamakan Bahasa Kebangsaan sebelum pun Rang Undang-undang ini, bila setelah wujudnya sahaja Malaysia tanpa tempoh tersebut Bahasa Kebangsaan sudah digunakan kerana kita tidak merasa sangsi dalam penggunaan Bahasa Malaysia kerana pelajaran di sekolah-sekolah, mahupun di maktab-maktab di Sabah adalah menggunakan aliran Bahasa Melayu. Maka dari itu saya mengalu-alukan Rang Undang-undang ini supaya Kerajaan terus tegas menggunakan Bahasa Malaysia sepenuhnya di seluruh negara kita.

Tuan Yang Dipertua, suka saya membuat teguran mengenai pas perjalan (boarding pass) bila kita hendak naik ke pesawat kapal terbang. Saya hairan kenapa perkataan "Mr. Mohd. Din" masih digunakan "Mr.", kenapa tidak "Encik", "Cik". Kalau saya pergi ke Jerman, mereka tidak panggil saya "Mr. Mohd. Din Jaafar", dia panggil saya "Herr Mohd. Din Jaafar". "Herr—Mr." dalam bahasa Jerman. Demikian ke Denmark, mereka menggunakan dialect dalam bahasa Denmark, tetapi kenapa, adakah MAS masih menggunakan bahasa Inggeris itu sebagai satu bahasa yang melambangkan kemegahan mereka? Demikian juga pramugari, mereka itu ada senarai penumpang-penumpang, mereka tahu yang itu duduk A2, yang ini A1, mereka kaji dahulu orang itu ini ialah orang Malaysia, kenapa tak

sebut dalam Bahasa Malaysia, "Tuan minum oren? atau minum apa dan sebagainya, kenapa "Sir, you want orange?" Kenapa cakap begitu? Lainlah kalau dia tengok orang putih itu, Okaylah dia boleh bercakap orang putih, itupun jangan salah, bukan semua orang putih macam orang putih, orang dari Denmark, dari Switzerland tak pandai cakap orang putih juga—ada, orang Jerman langsung ada yang tak pandai cakap Inggeris.

Jadi dalam penggunaan Bahasa Malaysia ini kita harus perluaskan di mana-mana juga Badan-badan berkanun kita, terutama sekali yang saya kerap kali dapati dalam penerbangan MAS kita, kalau kita tak pandai cakap orang putih mungkin layanan itu kurang. Jadi kalau yang ditanyanya tadi, selepas penerbangan ini "Tuan mahu minum apa?" dia katakan, "Brandy", itu dia layan; yang "fresh orange" ini kemudian. Inilah, Tuan Yang Dipertua, kelemahan-kelemahan ini dibuat oleh orang-orang kita sendiri. Jadi pramugari-pramugari dalam MAS dan juga kerani-kerani Trafik di Subang itu patut diberikan satu arahan mereka mesti bila terdapat orang ini macam orang Melayu, orang Malaysia, mesti gunakan dalam Bahasa Malaysia. Jadi bagaimana kalau sekiranya ahli kita yang tidak mengerti dalam bahasa Inggeris mereka datang di sana, seolah-olah mereka menganggap negeri ini asing kepada mereka. Cuba kita pergi ke Indonesia, mereka lebih dahulu gunakan dalam bahasa Indonesia, kalau orang ini tidak faham baru mereka bertanya, "Awak boleh bercakap dalam bahasa apa?", jadi ini satu kelebihan. Jadi saya menganggap yang kita masih terdapat kekurangan dalam menguasai Bahasa Malaysia ini secara menyeluruh, saya ingat begitulah kerana sesudah dia pakai uniform, cantik-cantik sedikit, jadi disesuaikanlah; kalau tak ada bercakap orang putih nanti tidak bertambah cantik

lagi. Kalau cakap Melayu nanti dia dianggap datang daripada Ulu Kelang dan sebagainya.

Inilah, Tuan Yang Dipertua, saya fikir saya tidak akan memanjangkan ucapan saya, kita ada ahli-ahli yang lain, dan saya memberi sokongan dengan sepenuhnya kepada Rang Undang-undang iaitu Akta Bahasa Kebangsaan ini untuk dilanjutkan kepada Sabah dan Sarawak dan menguatkuasakannya dan saya berharap Kerajaan tidak akan menguatkuasakannya hanya ala kadar sahaja, tetapi menggunakan dengan sepenuhnya seluruh negara Malaysia ini menggunakan satu bahasa, tidak ada bahasa yang kita iktiraf melainkan Bahasa Melayu iaitu adalah Bahasa Malaysia yang tunggal di negara Malaysia.

5.41 ptg.

**Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Hussain:** Tuan Yang Dipertua, saya berasa syukur kerana Rang Undang-undang ini dibawa ke Dewan ini, akan tetapi saya terpaksa juga menyatakan dukacita saya kepada Kerajaan sebab terdapat beberapa kelemahan Kerajaan sendiri dalam melaksanakan Bahasa Kebangsaan. Saya tidak menendang bola ke goal sendiri, Tuan Yang Dipertua, akan tetapi sekali sekala mesti juga pass ke goalie supaya goalie lebih waspada.

Pada tahun 1963 bila masuk Sabah dengan Sarawak ke dalam Malaysia sudah dibuat peruntukan bahawa selepas 10 tahun Bahasa Kebangsaan mestilah diseluruhkan bagi Sabah dan Sarawak. Akan tetapi timbul tahun 1967 pindaan sudah dibuat iaitu apabila diadakan satu peruntukan supaya bahasa ini boleh diselaraskan kepada semua se Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak, di sini sudah hidup kelemahan Kerajaan waktu itu. Saya tidak tahu apa sebab lemah dan pada hari ini dizahirkan Rang

Undang-undang ini, ini juga ada kelemahannya.

Tuan Yang Dipertua, pada pandangan saya tafsiran kepada fasal 2 iaitu Badan Perundangan Negeri Sabah dan Sarawak akan menentukan kuatkuasanya dalam negeri masing-masing mengikut takrif yang berlainan. Jadi, sekarang ini jika Dewan meluluskan Rang Undang-undang ini insya-Allah lulus, tetapi Sabah dengan Sarawak itu diberi kuasa lagi menguatkuasakan undang-undang ke dalam negerinya pada masa, tarikh yang berlainan. Jadi, kita selalu mengajar anak: ketam mengajar anak berjalan betul tetapi ibunya berjalan serong. Saya mohon bertanya kepada Kerajaan mengapa keadaan ini berlaku. Mengapa ada peruntukan yang mesti Dewan Undangan itu memperuntukan haknya dan menetapkan tarikh yang berlainan baginya. Mengapa pada masa membuat Rang Undang-undang ini tidak difikirkan supaya satu kuasa yang mesti diterima oleh Kerajaan Negeri supaya ianya diterimakan di sana. Dari masa permulaan masuk Sabah dengan Sarawak pada tahun 1963 hanya 10 tahun sahaja masuk, Bahasa Kebangsaan mesti digunakan dalam kedua-dua negeri itu sendiri, Inilah perkara yang mendukacitakan dan kepada saya nampak kelemahan-kelemahan itu.

Tuan Yang Dipertua, kita berasa syukur kepada Tuhan pada tahun 1981 iaitu Bahasa Melayu telah diucapkan di Dewan Bangsa-bangsa Bersatu oleh seorang wakil dari Malaysia yang bernama Dato' Haji Ahmad Arshad, bekas Ahli Dewan ini telah membuat ucapan di Bangsa-bangsa Bersatu menggunakan Bahasa Melayu daripada awal hingga akhirnya bahkan Bangsa-bangsa Bersatu terpaksa menterjemahkannya pula daripada Bahasa Melayu ke bahasa Inggeris bagi diselaraskan kepada lima bahasa dalam Dewan itu sendiri. Adakah kita tahu sejarah Bahasa ini sudah

berjalan. Jadi, ini bahagian kita. Sekarang ini soal penduduk Sabah dengan Sarawak mahu terima atau tidak terima, ini bukan jadi satu perkara besar. Yang kita tahu, yang tidak mahu terima itu segelintir manusia sedangkan pada masa datuk nenek moyang mereka datang ke sini menggunakan bahasa Melayu iaitu pada kurun ketujuh, kurun yang kedua belas apabila Melaka menjadi empayer di Semenanjung Tanah Melayu, orang-orang Tionghua, orang-orang India pada masa itu belum banyak datang lagi sehinggalah pada kurun yang kelapan belas, apabila membuka segala ladang-ladang penjajahan barulah orang luar itu datang dan taat kepada undang-undang negeri ini. Sekarang yang kita dukacitakan, anak yang kita zahirkan sendiri daripada keturunan India, daripada keturunan China itu yang menentang, bukan nenek moyang mereka, mereka yang hidup dalam Malaysia yang menerima nikmat dalam Malaysia, kemewahan dan kemudahan Malaysia, tetapi orang yang macam ini adalah segelintir bahkan dari parti yang kita tahu parti yang tidak diterima oleh sebahagian besar negara ini.

Tuan Yang Dipertua, DAP tidak menyokong Bil ini dengan alasan mestilah dibawa kepada rakyat negeri Sabah dan Sarawak supaya rakyat itu sendiri menentukan terima atau tidak tetapi mereka lupa pula masa mula-mula masuk ke Malaysia ini sudah ditetapkan selepas 10 tahun Bahasa Kebangsaan mesti diterima. Kita harus mempunyai bahasa yang sama, di mana-mana bangsa juga kita mesti ada satu bahasa, satu bendera dan satu raja, tonggak segala ketaatsetiaan dan ini kita pupuk di negara kita ini supaya keturunan bukan Melayu daripada Tionghua, daripada India supaya ianya menjadikan negeri ini sendiri negeri mereka sendiri.

Tuan Yang Dipertua, pada tahun 1957, mula-mula Malaya hendak

merdeka kita telah meluluskan satu juta keturunan bukan Melayu menjadi rakyat automatically. Adakah anak-anak yang sumbang suara di Dewan Rakyat tahu keadaan ini. Saya tidak kata semua sekali orang bukan Melayu, China, India yang menentang, tidak; tetapi ada suara-suara di Dewan Rakyat tahu perkara ini, pada tahun 1957 satu juta manusia rakyat bukan Melayu diterima automatically dan pada masa itu kita menang, kita boleh menjadikan Kerajaan Melayu sahaja, cuma beberapa peratus sahaja tetapi oleh sebab parti pemerintah pada masa itu UMNO yang menjadi tonggak membawa MCA, MIC bersama-sama menuntut kemerdekaan kerana memberi hak mereka dan iniah benda yang kita hendak supaya ianya wujud dalam negara kita ini keadaan yang satu, taatsetia yang satu dan kita berbangga dengan itu.

Tuan Yang Dipertua, sebagaimana saya katakan tadi, Bahasa Kebangsaan telah diucapkan di Bangsa-bangsa Bersatu oleh seorang wakil kita pada tahun 1981. Ahli sejarah bahasa kita mengetahui hal ini dan ini sudah menjadi kebanggaan kita, oleh sebab kita sekarang ini sudah mempunyai 150 juta manusia berbahasakan Bahasa Kebangsaan, 120 juta di Indonesia, 15 juta di Semenanjung Malaysia, termasuk Sabah dan Sarawak dan dua, tiga juta lagi barangkali ada di Singapura ataupun di Bangkok ataupun di Filipina.

Masalahnya sekarang ini, Tuan Yang Dipertua, gagasan kita bukan sahaja meluluskan bahasa ini dan kita berharap satu masa Bahasa Malaysia ini akan menjadi satu bahasa dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu sebagaimana yang dituntut oleh orang-orang Arab supaya bahasa Arab menjadi bahasa percakapan dalam urusan di Bangsa-bangsa Bersatu. Begitu besar niat dan cita-cita kita, Tuan Yang Dipertua, dan kalau ada orang yang membangkang, andai kata

dia Melayu, China, India hendaklah kita katakan inilah anak yang menderhaka yang tidak tahu kasih. Tetapi Kerajaan mesti tegas, dalam perkara ini Kerajaan kita mesti tegas. Bagaimana kita mahu menegaskannya.

Ucapan yang kita hamburkan di dalam Dewan ini boleh kita hamburkan tetapi sekarang ini mengapa keadaan ini diberi kuasa kepada Kerajaan Negeri? Demi Kerajaan Negeri atau mestikah Kerajaan Negeri mengubah perundangannya pada masa yang sama tidak lewat tiga bulan daripada sekarang. Jadi ini boleh diubahkan kalau Dewan Undangan Negeri Sabah dan Sarawak tidak mahu mengesahkan ia boleh sampai satu-dua tahun lagi, bercakap dalam Dewan ini sahajalah yang tak boleh menggunakan bahasa Inggeris terutama di Dewan Rakyat. Kalau itu sahaja kemajuannya, Bill ini tidak besar ertinya pada pembangunan dan kemajuan Bahasa Kebangsaan kita. Orang Melayu tidak akan menuntut kekayaan jadi billionaire atau millionaire dan sebagainya asalkan hatinya jangan digugat. Sudah ada kata pepatah: biar buruk kain dipakai, asalkan pandai mengambil hati. Kepada orang bukan Melayu, dua tiga perkara ini kalau mereka menerima dengan baik, akan liputlah sekali yang lain-lain itu, terbenam dalam kesukaan dan penerimaan.

Tuan Yang Dipertua, di Dewan ini tidak ada Pembangkang, saya tahu semua Ahli-ahlinya orang yang bukan Melayu daripada orang Tionghua dan orang India adalah orang-orang berkaliabar yang mempunyai politik yang dalam dan tidak timbul masalah yang ada dalam Dewan Rakyat. Bahkan kalau kita pandang muka-muka yang ada di hadapan kita orang-orang yang mula mencetuskan kemerdekaan pun ada di Dewan ini bersama-sama menuntut kemerdekaan, bersama-sama mengadakan sambutan menguatkan maksud supaya

rombongan kemerdekaan kita ke London berjaya, ada di Dewan ini, bukan sahaja terdiri daripada orang Melayu bahkan daripada bukan Melayu pun ada. Jadi saya tidak syak dan tidak faham, di Dewan ini tidak akan berbangkit sebagaimana di Dewan Rakyat akan tetapi ekoran daripada pelaksanaan Rang Undang-undang ini apabila diluluskan nanti, penterjemahan undang-undang mesti dilakukan. Jabatan Perdana Menteri mesti membesarkan terjemahan undang-undang daripada bahasa Inggeris ke Bahasa Malaysia, sebab sebelum tahun 1967, selepas kita merdeka 10 tahun, banyak undang-undang kita belum lagi diterjemahkan. Hingga sekarang ini ditambah 4-5 orang dalam Jabatan Penterjemahan itu tidak cukup.

Saya menyarankan kepada Kerajaan supaya Kerajaan membuka satu jabatan khusus penterjemahan semua undang-undang yang boleh membawa semua perkara undang-undang itu dirujukkan dalam bahasa ibunda iaitu Bahasa Kebangsaan. Kalau tidak, akan bertanyalah rakyat, bilakah masanya mahkamah kita boleh menggunakan Bahasa Kebangsaan? Mahkamah akan menjawab, iaitu terpulanglah kepada keadaan masa dan waktu, sebab sekarang ini buku rujukan dan sebagainya tidak ada bahkan undang-undang yang telah disahkan masih banyak yang belum diterjemahkan.

Saya fikir Yang Berhormat Menteri faham dan maklum, cuma 10 orang sahaja penterjemah yang berkhidmat. Mengapa? Indonesia mengambil masa dua tahun sahaja menterjemahkan semua undang-undang. Kalau kita kata kita gagah, kalau kita kata suara kita lantang, mengapa dalam keadaan ini kita berdingkut-dingkut? Kita tidak hendak tangan kanan sahaja lenggang, tangan kiri tidak lenggang, kita mahu sama lenggang. Dalam negeri atau luar negeri bukan terpulang kepada

Perdana Menteri sahaja, bukan kita bawa undang-undang di Dewan ini mahu pinjam wang MARA Sebanyak \$2,000 dikenakan syarat jangan hisap rokok dan kita tutup koperatif kerana dia senarai hitam. Tak ada makna—out of date. Kita mahu bina dia, mengapa pula tidak boleh seseorang menghisap rokok kalau dia hendak pinjam wang MARA \$2,000. Terlampau tinggi nilai kafirnya.

Tuan Yang Dipertua, kita ada pegawai, nasib baik dia tidak buat undang-undang; Jangan Kahwin dahulu, sebelum habis bayar hutang. Tuan Yang Dipertua, kita tidak hendak Dewan ini atau Dewan mana-mana atau mana-mana Kementerian membuat undang-undang Jamali Sadat dalam kebangkitan kita. Kita tak mahu jenaka, Tuan Yang Dipertua. Kita mahu tegas. Kalau Dato' Musa Hitam atau Dato' Seri Dr. Mahathir seorang dua sahaja yang tegas, yang lain tak tegas, macam mana. Masih ada yang bengkok-bengkok? Jadi sekarang ini kita mesti ikut, Kepimpinan melalui Tauladan. Kita mesti buktikan.

Bagi saya soal bahasa, Tuan Yang Dipertua, bukanlah satu perkara yang saya terlalu serius—tidak, akan tetapi oleh sebab saya mengikuti perkembangan bahasa ini sejak mula-mula, tentulah saya lebih emosi bercakap dalam soal Bahasa Kebangsaan. Kami membuat gerakan dan gerakan itu yang boleh mencetuskan negara pada satu ketika dahulu oleh golongan guru-guru kerana kita berkehendakkan ke-aulatan bahasa, memperjuangkan bahasa, mahu mengadakan sekolah yang lebih tinggi hingga kepada universiti. Akan tetapi usaha-usaha itu kami kumpulkan duit sendiri untuk menubuhkan sebuah Kerusi di Universiti Malaya tetapi Kerajaan sendiri malu hendak menerimanya, ditubuhkan kerusinya terlebih dahulu daripada wang yang terkumpul.

Sekarang ini, Tuan Yang Dipertua, belum ada satu lain-lain kelab dalam Malaysia, dalam Malaya ketika itu melainkan kelab guru sahaja yang ada House Clubnya, lain-lain tak ada, walaupun dia MCS kelas apapun, tidak ada dia punya kelab, Sulaiman Club ataupun Selangor Club, boleh saya joinkan, Tuan Yang Dipertua. Universiti Club tak ada. Jadi daripada langkah-langkah itulah timbulnya perjuangan mendaulatkan bahasa ini, dan kalau ada orang yang menentang, tentulah hati kecil yang dhaif ini tidak dapat mendiamkan dirinya walaupun ada di Dewan ini atau di luar Dewan.

Sudah banyak korban yang sudah termakan, sudah banyak korban yang sudah dicurahkan kerana memperjuangkan bahasa. Maka Kerajaan masih lagi mahu berlembut? Pada saya Fasal 2 yang diterangkan itu tidak kuat. Tentulah Yang Berhormat Menteri akan menjawab, sebab-sebabnya begini, begini, begini tetapi pada masa saya kalau sudah 20 tahun kita sudah lewat, undang-undang ini yang ada, maka ini tidak tegas.

Saya minta maaf kalau saya menzahirkan di Dewan ini Kerajaan tidak tegas. Apa yang saya mahu, Tuan Yang Dipertua walau saya tidak boleh meminda, saya naik dalam rombongan yang sama, sama ada driver lari cepat atau lambat saya terpaksa menunggu sehingga sampai ke perhentian tetapi pada masa yang akan datang undang-undang ini mestilah juga dikaji implikasinya. Mengapa tidak boleh dibuat, tarikhnya sama ada mengapa tidak boleh dibuat menetapkan sekian lama undang-undang ini mesti dikuatkuasakan. Ini cumalah menggunakan jasa baik Perdana Menteri atau Menteri dengan Menteri di Sabah dan Sarawak supaya mereka mengadakan sidangnya terlebih dahulu bagi menerima Akta ini bagi kegunaan di dalam negerinya.

Tuan Yang Dipertua, kalau kita menghentam Kerajaan, memang tak

dapat publisiti, tetapi saya sendiri, saya mengamalkan satu sikap saya, jika sayangkan anak, pukul-pukulkan dan kalau sayangkan isteri, tinggal-tinggalkan. Walaupun ini tidak secocok dengan dasar Kerajaan, tetapi sudah jadi prinsip bahawa yang salah mesti disalahkan, yang benar mesti dibenarkan. Dan kalau konsep ini dapat diterima oleh Kerajaan dengan cara hati-hati yang sungguh-sungguh, kita lebih maju, sebab setengah Ahli-ahli Yang Berhormat boleh juga mengeluarkan fikiran. Masalah naik pangkat jadi Menteri, Timbalan Menteri, dan sebagainya, itu tidak ada apa. Itu rezeki, Tuan Yang Dipertua. Barang siapa yang dikenal oleh orang "A" orang "B" naik pangkat, termasuk orang "C" dan seterusnya. Tidak timbul masalah itu. Tetapi masalah yang timbul sekarang, Menteri-menteri kita hendaklah menerima pandangan yang baik daripada Ahli-ahli Yang Berhormat baik dari Dewan Rakyat mahupun Dewan Negara.

Tuan Yang Dipertua, saya harap lain-lain pelaksanaan Bahasa Kebangsaan juga perlu dibuat. Kita kekurangan peguam, Fakulti kita cuma boleh mengeluarkan 100 peguam sahaja, dengan sebab itu sekarang ini dalam negara kita, kita kekurangan peguam dan untuk mengatasi masalah-masalah itu kita mesti menambahkan lagi, banyakkann bilangan penuntut kita dalam universiti. Saya tidak menyarankan banyak universiti, tetapi saya menyarankan banyak penuntut-penuntut di tambah dan di mana-mana pejabat yang perlu dibesarkan mesti dibesarkan. Saya masih ingat angka 10 ini atau belas ini zaman penterjemahan sebelum perang pun 10 atau 7-8 orang dan sekarang cuma ada belas orang bilangannya sahaja. Kepada Jabatan Perdana Menteri, mengapa Kerajaan tidak memikirkan supaya menterjemahkan perkara undang-undang selaras dengan kehendak peruntukan, dan undang-undang selepas tahun 1967 sendiri pun

ada bahasa lagi yang belum diterjemahkan, apatah lagi yang sebelum tahun 1967. Jadi kalau sekiranya kita berkehendakkan semua anggota kita pegawai Kerajaan dan kakitangan serta rakyat semua sekali menggunakan Bahasa Melayu atau Bahasa Kebangsaan sepenuhnya alat-alatnya mesti ada.

Saya sendiri percaya pegawai-pegawai kita bukan semuanya boleh menterjemahkan sebab itu berkehendakkan bidang yang khusus, jadi bidang khusus inilah saya merayu kepada Kerajaan menimbangkan pada masa yang akan datang juga menimbangkan sebarang peruntukan supaya ianya benar-benar menepati kehendak lebih-lebih lagi soal bahasa penyelarasan Bahasa Kebangsaan ke seluruh negara.

Akhirnya, Tuan Yang Dipertua, saya mohon pada Kerajaan juga supaya diselaraskan semua undang-undang yang ada di Semenanjung ini ke Sabah dengan Sarawak kerana banyak undang-undang lagi sekarang ini yang belum diselaraskan dengan Sabah dan Sarawak. Senyampang mereka dan rakyat negeri ini menerima peruntukan kemudahan daripada Rancangan Malaysia, jadi mengapa undang-undang itu tidak dimasukkan, barangkali ada sulitnya tetapi takkan selama ini banyak sangat yang masih belum lagi diselaraskan, kita belum selaraskan lagi kemasukkan rakyat daripada Semenanjung Sabah. Cuma ada syarat-syarat yang tertetu. Kita tidak bebas di negeri kita sendiri, Tuan Yang Dipertua, walaupun negeri Sabah dan Sarawak sendiri ada mempunyai hak untuk melihat dan menyaksikan supaya kedatangan mereka tidak menyentuh keadaan penduduk di negeri asal, akan tetapi dalam sebuah negara ada perbezaan, ada orang yang boleh pergi dan ada yang tidak boleh pergi. Jadi kita tidak boleh berdasarkan kepada politik kerana kalau kita berdasarkan kepada politik negeri kita tidak senang, mesti juga berdasarkan kepada hak seseorang.

Kita mengakui kedatangan orang-orang China (Tionghua), orang-orang India ke negeri ini memajukan ladang-ladang kita, perniagaan-perniagaan kita, kita akui, tetapi sekarang kita minta pada dia teknologinya itu tolong beri pindahkan kepada bumiputera kita, kita tidak hendak wangnya, tetapi teknologinya itu. Misalnya, ambil bumiputera dalam swasta, orang bukan Melayu, latih mereka yang sepatutnya. Bukan maknanya kita mesti menghantar penuntut kita ke Timur ke Jepun, ke Korea kerana orang China sendiripun sudah banyak yang pandai. Kalau mereka itu boleh berbuat apa yang dibuat oleh Korea dan Jepun sekarang ini, kematangan kita dan kemajuan kita lebih-lebih lagi pada masa yang akan datang, kita lupa pengalaman orang-orang Cina, orang Tionghua yang kaya-kaya, pengalaman orang India yang menolong membuka ladang-ladang, estet kita sejak pemerintahan British dahulu. Bagaimana orang India, satu dia diam, dua dia bercakap, tiga mesti membuka Kesatuan Sekerja, kalau dia orang dia diam, berdua ada bercakap dan bila sampai tiga sahaja mereka membuka satu Kesatuan.

**Timbalan Yang Dipertua:** Jangan bagi sampai tigalah! (*Ketawa*).

**Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain:** Jadi pengalaman macam itulah, Tuan Yang Dipertua, yang kita minta pada orang-orang yang bukan Melayu, turunkan kepada bumiputera. Tetapi sekarang ini tak usahkan hendak minta yang itu, hendak lulus dalam Dewan ini pun dia tidak beri, kena melalui Dewan Rakyat. Saya berasa malu, tetapi oleh sebab wakil Sabah dengan Sarawak sudah pun memberi jaminan kerana Bahasa Kebangsaan ialah Bahasa Melayu, memang inilah bahasa yang digunakan daripada sebelum penjajahan dahulu hingga sampai sekarang. Bahasa Melayu menguasai bahasa di rantau ini, dari Melaka sampai ke Afrika, ke Taiwan, orang

Asli yang di Taiwan itu ialah keturunan Melayu, bercakap Bahasa Melayu, berterima kasih bercakap Bahasa Melayu. Oleh sebab mereka juga putus hubungan dan dialah oleh keadaan, larilah mereka ke hulu-hulu dan kuala itulah sekarang ini mereka berada di Tasik Senamun (Senamun Lake), menjual batu-batu permata bercakap Melayu dan rupanya kita tidak tahu sampai ke Ceylon, Madagaskar ialah dengan bahasa ini digunakan.

Tuan Yang Dipertua, saya tidak hendak memanjangkan ucapan saya pada petang ini, tetapi saya hendak memberitahu kepada rakan saya di Dewan Rakyat supaya mereka belajar kepada sejarah negeri ini, mereka ini dizahirkan di bumi Malaysia, bahkan taatsetia nenek moyang mereka lebih daripada mereka sendiri. Jadi kalau ini kita amalkan negara kita lebih maju, jadi saya dengan segala hormatnya Tuan Yang Dipertua, menyokong bil ini bagi diluluskan.

6.08 ptg.

**Dato Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad:** Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk menyokong Akta yang ada di depan kita sekarang ini iaitu Akta bagi meminda Akta Bahasa Kebangsaan tahun 1963/67. Walaupun di dalam Akta yang ada di depan kita sekarang ini masanya sudah sedikit terlambat iaitu selepas 26 tahun kita merdeka baru dibawa ke Dewan ini untuk diluluskan. Tetapi tidaklah begitu lambat, ini menunjukkan langkah Kerajaan kita yang bercermat yang mengambil falsafah daripada falsafah Makyong.

Saya ingat Makyong dalam falsafahnya dia kata sambil berjalan sambil berfikir, maka begitulah juga barangkali langkah Kerajaan kita menggunakan falsafah Makyong itu ialah sambil berjalan sambil memikir. Walaupun di dalam Perlembagaan Malaysia menyatakan bahasa digunakan di Malaysia ini

iaitulah Bahasa Kebangsaan, tetapi diberi kelonggaran kepada bahasa Inggeris boleh digunakan juga di dalam masa 10 tahun lagi negeri Sabah dan Sarawak serta diterjemah di mahkamah-mahkamah. Tetapi sungguhpun begitu sebagaimana yang dikatakan oleh sahabat Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak tadi selepas daripada 10 tahun tidak juga dikotakan kata-kata di dalam Perlembagaan itu. Jadi itu satu yang membawa kepada dukacita kepada kami semua Ahli-ahli Dewan. Sepatutnya apa yang dikatakan itu patut dikotakan, kalau dikata selepas 10 tahun daripada tahun 1963 bermakna pada tahun 1973 Bahasa Kebangsaan ini adalah digunakan di seluruh Malaysia.

Bahasa Malaysia ini tidak boleh kita bandingkan dengan bahasa-bahasa lain di dunia ini dengan sebab di dalam Malaysia kita ini boleh dikatakan semua orang faham iaitu penduduk-penduduk di dalam Malaysia ini sahajalah sebuah negara yang rakyatnya faham Bahasa Kebangsaan ini, tidak seperti di negeri India ataupun di negeri China atau sebagainya, penduduk-penduduknya yang ramai itu tidak faham Bahasa Kebangsaannya. Macam orang-orang India bahasa ibundanya adalah bahasa Hindi tetapi bahasa Hindi itu jarang difaham. Walaupun di dalam Perlembagaannya menghadkan bahasa Hindi itu akan digunakan pada sekian-sekian tahun tetapi Kerajaan India tidak dapat hendak menjalankan bahasa Hindi itu sebagai Bahasa Kebangsaan dengan sebab seluruh rakyat India itu tidak faham. Apa fasal tidak faham, dengan sebab rakyat India ini banyak suku-suku bangsa yang menggunakan bahasa daerah masing-masing, berapa ratus bahasa yang ada. Tetapi kita di Malaysia ini tidak begitu, walaupun ada suku-suku bangsa yang menggunakan bahasa daerah masing-masing tetapi semua sekali faham Bahasa Kebangsaan iaitu Bahasa Malaysia.

Misalannya dalam masa kita merdeka dahulu, orang-orang yang akan menjadi rakyat Malaysia diberi

dua pilihan iaitu dengan jalan otomatik iaitu kaum bumiputera dan yang keduanya dengan jalan perantaraan undang-undang ataupun operation of law. Jadi kedua-dua sekali orang ini hendaklah memahami Bahasa Malaysia, Bahasa Kebangsaan. Orang-orang bumiputera sama ada mereka itu orang Melayu, orang Sakai di Malaysia Barat ini, orang Pangan semua sekali, mereka itu boleh bercakap bahasa daerah masing-masing tetapi mereka itu mengerti Bahasa Kebangsaan. Begitu juga orang-orang di Sarawak, orang-orang Dayak walaupun mereka itu boleh bercakap bahasa-bahasa daerah mereka tetapi mereka mengerti Bahasa Kebangsaan. Begitu juga orang Khadazan.

Di sebaliknya, macam kita tengok di India, orang-orang Tamil barangkali jarang yang memahami bahasa Hindi, sebab itulah mereka itu tidak boleh hendak menjalankan bahasa Hindi itu sebagai Bahasa Kebangsaan dengan serta-merta. Kemudian orang yang hendak menjadi rakyat di bawah operation of law di sini mereka itu terpaksa kena memasuki peperiksaan bahasa, kalau mereka itu tidak lulus Bahasa Kebangsaan mereka itu tidak diterima menjadi rakyat, mereka itu mempelajari Bahasa Kebangsaan sebagaimana yang dikatakan oleh sahabat saya tadi berapa million orang-orang yang diterima menjadi rakyat di bawah operation of law ini mereka telah diakui iaitu mereka itu mengerti Bahasa Kebangsaan. Jadi kepada Kerajaan kita hendak menjalankan undang-undang Bahasa Kebangsaan ini tidak menjadi sulit lagi kepada Kerajaan, memang perkara ini boleh berjalan, bahkan dari semenjak merdeka lagi kalau hendak dijalankan pun memang boleh, cuma yang menjadi sulit barangkali kepada mahkamah-mahkamah sahaja. Itupun kalau sekiranya hendak dijalankan dengan sungguh memang boleh kerana kita tahu sejarah mahkamah-mahkamah di dalam Malaysia ini terbahagi kepada dua, Tuan Yang Dipertua.

Mahkamah-mahkamah di Negeri-negeri Bersekutu semasa belum perang adalah menggunakan bahasa Inggeris tetapi Negeri-negeri Tidak Bersekutu seumpamanya negeri Terengganu, Johor, Kelantan, Kedah menggunakan Bahasa Melayu dan undang-undang pun dicap dalam Bahasa Melayu dan dalam tulisan Jawi, sampai kepada Perang Dunia Kedua, hakim-hakimnya semua sekali, kalau di Terengganu itu orang Melayu 100% sedang menjalankan pekerjaan di Mahkamah itu dengan Bahasa Melayu sehinggakan percicaraan di Mahkamah itu dengan tulisan Jawi di dalam buku-buku rekod yang dibicara itu. Jadi semua menggunakan Bahasa Melayu dengan tidak ada canggung walaupun perkara itu kes bunuh ataupun sebagainya. Tiba-tiba lepas perang sahaja kita berasa canggung hendak menterjemahkan itu, menterjemahkan ini konon tidak ada dalam Bahasa Malaysia. Ini sengaja kita menyusahkan pada hal perkara ini sudah ada. Jadi itulah saya kata kalau sekiranya kita hendak mengadakan itu memang tidak menjadi apa-apa satu kesusahan.

Sekarang ini memang di negeri kita ini sudah ada badan-badan penterjemah yang diadakan oleh Kerajaan, lebih-lebih sekarang ini yang menjadi bagusya iaitu pihak Dewan Bahasa mengadakan satu Jawatankuasa Penterjemahan dan pihak Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Indonesia mengadakan satu badan yang menterjemahkan undang-undang, yang menterjemah istilah-istilah untuk digunakan oleh kedua-dua negeri yang menggunakan Bahasa Malaysia dan bahasa Indonesia yang sama.

Tentang bahasa ini, barangkali saya fikir yang menjadi kesamaran kepada orang-orang yang tidak suka kerana dikatakan Bahasa Kebangsaan itu ialah Bahasa Melayu, jadi apakala dikatakan Bahasa Melayu maka

terlintaslah pada fikiran mereka Melayu ini satu kaum, diterjemahkan sebagai satu kaum sama juga macam kaum China, kaum India, kaum Melayu. Jadi apa fasal orang-orang Cina hendak mengikut Bahasa Melayu, ia satu kaum sahaja, fasal apa tidak ikut bahasa Cina, orang India pun kata begitu—barangkali, Tuan Yang Dipertua. Yang sebenarnya tidak begitu, bahasa ini di dalam Undang-undang kita tidak dikatakan Bahasa Melayu, dikatakan Bahasa Kebangsaan. Di Indonesia tidak dikatakan bahasa Melayu juga, dikatakan bahasa Indonesia iaitu Bahasa Kebangsaan Indonesia walaupun pada hakikatnya itu pun Bahasa Melayu kerana tidak boleh lari perkara itu walau macam mana sekalipun tidak boleh lari daripada sejarah, sebagaimana kata Hang Tuah “Takkan Melayu hilang di dunia”. Takkan Melayu hilang di dunia itu sama ada bangsa Melayu atau Bahasa Melayu, hilang bahasa hilanglah bangsa, kata pepatah. Kalau bahasa itu hilang bangsa itu pun hilang. Jadi orang Melayu tidak akan hilang dengan ada hidup bahasa itu. Bahasa itu walaupun Indonesia mengatakan bahasa Indonesia tetapi sejarah mengatakan itulah Bahasa Melayu, bahasa Kepulauan Melayu.

Jadi di Malaysia ini pun di dalam masa permulaan pergerakan politik di Malaysia dahulu timbul bermacam-macam masalah sebagaimana yang kita tahu hendak menjadikan nama Malaysia ini pun macam-macam timbul masalah, daripada Malaya jadi Malaysia; ada orang hendak menamakan Melayunisia dan macam-macam tetapi pada akhirnya dengan suara yang terbanyak dinamakan Malaysia. Walaupun nama Malaysia, ia tidak boleh lari daripada perkataan Malaya iaitu berasal daripada Melayu juga. Jadi hendak dikikis Melayu tidak boleh, jadi orang yang marah kepada Melayu itu kenalah mereka bertolak ansur. Perkara ini iaitu mengikut

sejarah bumi ini ialah orang Melayu, diduduki oleh orang Melayu, oleh orang yang betul-betul dengan Bahasa Melayu. Jadi perkara ini tidak dapat hendak dikikis walau macam manapun mestilah kena bertolak ansur dan kemelayuan itu tidak boleh ditolak sama sekali. Maka undang-undang ini dinamakan Bahasa Kebangsaan Malaysia, Bahasa Kebangsaan yang dipertuturkan oleh penduduk-penduduk Malaysia ataupun oleh rakyat Malaysia.

Saya teringat, susahnya hendak menghidupkan Bahasa Malaysia ini. Mula-mula sekali bukan kata di Mahkamah sahaja, bahkan di sekolah pun. Mula-mula sekali bahasa Melayu atau bahasa Malaysia ini dikatakan layak di sekolah rendah sahaja, di sekolah menengah pun tidak layak sebab itu sekolah-sekolah menengah pada masa itu, lepas perang apabila dibuka sekolah menengah maka dibuatlah sekolah menengah aliran Inggeris. Apakala kuatnya desakan daripada Guru-guru Melayu mahu supaya sekolah menengah dibuka juga dalam bahasa Melayu lalu dimasukkan bahasa Melayu ini di sekolah menengah.

Saya teringat lagi, pada masa itu saya menjadi seorang guru agama di Sekolah Menengah Sultan Sulaiman, Kuala Terengganu. Yang mengajar di sekolah itu banyak guru-guru Melayunya dan bangsa-bangsa lain orang-orang Cina dan orang-orang India. Guru Besarnya ialah orang Cina, apabila hendak diajarkan mata pelajaran Ilmu Alam dan sebagainya dalam bahasa Melayu, jadi Guru Besarnya memanggil Guru Melayu, panggil suruh mereka itu mengajar dalam bahasa Melayu, kerana Kementerian Pelajaran mahu supaya ilmu-ilmu ini diajar dalam bahasa Melayu supaya memenuhi kehendak Kerajaan. Maka tidak seorang pun yang sanggup, tidak ada guru-guru Melayu itu sanggup, kononnya susah katanya hendak mengajar dalam

bahasa Melayu, mereka itu lebih senang mengajar Sejarah atau Ilmu Alam itu dalam bahasa Inggeris. Guru-guru Cina tadi, saya teringat lagi, dia punya tempelak. Dia kata: kalau macam itu saya kena suruh guru-guru Cina mengajar Ilmu Alam dalam bahasa Melayu. Kalau awak orang Melayu tidak mahu, kena orang Cina dan Indialah mengajar dalam bahasa Melayu. Dari situ barulah mereka itu macam tersipu-sipu malu.

Jadi perintah daripada Guru Besar mengatakan: awak kena fikir siapa kena ambil mata pelajaran Ilmu Alam, siapa kena ambil mata pelajaran ini, mesti orang Melayu ambil. Dengan jalan paksa begitu barulah mereka itu ambil. Pada masa sekarang ini sekolah-sekolah menengah dengan senang sahaja tiada canggung mengajar Bahasa Kebangsaan. Sekarang ini di universiti pula, selain daripada Universiti Kebangsaan, terus kepada universiti-universiti lain pula. Sekarang ini kita lagi kagum melihat bagaimana mahasiswa-mahasiswa dari bangsa lain, orang-orang Tionghua atau orang-orang India misalnya boleh menggunakan Bahasa Kebangsaan ini dengan fasih dengan cekap, boleh menggunakan istilah-istilah yang kita sendiri barangkali susah hendak faham. Begitu sekali mereka itu cekapnya apabila diberi peluang. Tetapi Kerajaan kita sekiranya dibuat longgar-longgar, tidak tegas macam ini begitulah jadinya. Duapuluh tiga tahun sambil berjalan, sambil berfikir lagi, saya fikir tidak boleh jadi juga ini. Ini sampailah masanya kita mesti tegas bagaimana kata Tan Sri Razak tadi, kalau sudah berjalan undang-undang ini apa pula lagi diberi pilih pada Sarawak dan Sabah, selalulah, maknanya mula daripada sekarang ini tiada pilihan lagi, terus jalan. Apa guna pilih-pilih lagi. Kalau kita pilih ini datang pula penghasut-penghasut mengatakan adakan pungutan suara dan sebagainya. Banyak sangat orang-orang yang suka memecah belah di kalangan bangsa sendiri.

Perkara ini adalah perkara yang bagus, perkara yang molek. Langkah Kerajaan ini patut dipuji, memang perkara ini bukan terlambat sangat, walaupun terlambat sedikit sahaja. Perkara ini bagus, saya ucapkan tahniah kerana dalam Dewan ini saya selalu bercakap dahulu berkenaan dengan Bahasa Kebangsaan. yang saya berasa sangat tidak puas hati ialah berkenaan dengan Mahkamah. Dalam Mahkamah ini sehingga bila hendak digunakan bahasa Inggeris. Kalau Hakim-hakim itu orang Melayu, Pendakwa Rayanya orang Melayu, Polisnya orang Melayu, saksinya orang Melayu, yang kena tuduh orang Melayu; tidak ada sebab bicaranya dengan bahasa Inggeris. Itu pada pendapat saya. Tiba-tiba dikatakan susah hendak cari keadilan. Keadilan apa benda? Perkara ini kalau kita pergi ke pasar, kita boleh mendapat keadilan, kita boleh tawar menawar dan sebagainya, perkara yang lain pun begitu juga. Jadi begitulah, saya tidak hendak bercakap banyak atas perkara ini, saya menyokong undang-undang yang ada ini dan saya berharap pihak Kerajaan tidak lagi bertolak ansur dan sekali jalan, terus jalankan perkara ini dan saya merayu sekali lagi berkenaan dengan undang-undang yang belum diterjemahkan.

Sekarang ini di depan kita ini ada undang-undang yang dibawa dalam bahasa Inggeris tiada diterjemahannya, macam Undang-undang Perkapalan tadi. Sudahlah dibawa di sini, saya sendiripun apakala Dato' Yang Dipertua nampak hendak marah sahaja, saya pun diamlah, tidak berani hendak bercakap. Pada hal, yang sebenarnya perkara undang-undang ini perkara Usul, patutlah sebelum kita datang ke sini, hantarkanlah ke rumah, apa salahnya, alamat masing-masing sudah tahu. Perkara ini sudah dibawa dalam Dewan Rakyat, kenapa tidak hantar ke rumah masing-masing supaya mereka itu membaca di rumah, datang di sini boleh bahas. Ini sampai di sini baru hendak dibaca, baru

hendak dibahas. Perkara ini perkara undang-undang, bukan perkara mudah. Kemudian ada pula perkara tidak ada di sini, apabila disuarakan oleh sahabat saya Tan Sri Dato Razak tadi, Dato' Yang Dipertua nampak hendak marah, jadi menyebabkan orang-orang lain tidak berani hendak bersuara pula. (*Ketawa*).

**Timbalan Yang Dipertua:** Saya tidak marah!

**Dato' Haji Mohamoud Salim bin Haji Mohamad:** Saya harap pada masa akan datang, hak yang ada dalam bahasa Inggeris ini mesti pakai terjemahan takkan boleh begitu. Kalau naskah sahihnya dalam bahasa Inggeris mesti ada terjemahan dalam bahasa Melayu pula dan patut undang-undang ini dihantar dahulu ke rumah, jangan di sini, mari ke sini baru ada di depan ini, bila hendak baca. Macam ini akan dilulus tigapuluh undang-undang sehari pun boleh! (*Ketawa*).

Sekian sahaja, Tuan yang Dipertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

**Timbalan Yang Dipertua:** Ya, apa Yang Berhormat cakapkan tadi saya ambil ingatan supaya diberitahu kepada pihak Setiausaha dan diminta perkara-perkara sebegini tidak berlaku lagi di mesyuarat yang akan datang. Jemput Yang Berhormat Tuan Fadzil bin Mahmood.

6.29 ptg.

**Tuan Fadzil bin Mahmood:** Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk bercakap dalam menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967, dan bagi memperluaskan kuatkuasa Akta itu, sebagaimana dipinda, ke semua bahagian dalam Malaysia.

Tuan Yang Dipertua, saya tadi ingin hendak bercakap berkenaan dengan Rang Undang-undang ini. Seperti mana yang disebut oleh saudara tadi, kami selalu menunggu-nunggu Rang Undang-undang ini dan hari ini baru diterima dan hari ini hendak baca dan hari ini hendak bercakap. Jadi saya rasa tiada masalah bagi pihak yang berkenaan supaya menghantar Rang Undang-undang ini terlebih dahulu untuk kami membuat kajian. Saya harap di masa hadapan ini dapat diselesaikan dalam masalah ini.

Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk bercakap dalam menyokong Rang Undang-undang ini. Baru-baru ini kita dengar dalam Dewan Rakyat banyak Pembangkang-pembangkang yang membangkang seolah-olah membangkang Rang Undang-undang ini supaya Bahasa Kebangsaan digunakan di Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang Dipertua, saya rasa wakil yang bercakap ini bukanlah seolah-olah mewakili Sabah dan Sarawak tetapi sebagaimana yang

disebutkan oleh wakil Sarawak tadi, orang-orang Sarawak dan Sabah sentiasa menggunakan bahasa Melayu sepanjang masa tetapi wakil yang berkenaan itu bercakap seolah-olah dia mewakili rakyat Sabah dan Sarawak. Saya rasa diibaratkan seolah-olah, "hidung tak mancung, pipi tersorong-sorong". Inilah wakil daripada. . . .

**Timbalan Yang Dipertua:** Yang Berhormat, masa sudah cukup. Sila menyambung ucapan Yang Berhormat pada hari besok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sepatutnya pada hari ini pemberitahu telah diberitahu ada Ucapan Penangguhan daripada Yang Berhormat Puan Hajjah Hafsah Othman. Beliau telah menghantar surat kepada saya, ucapan itu ditarik balik. Oleh sebab itu mesyuarat ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang, hari esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*